Bil. 18

Selasa
4 Disember 2012

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Hak milik Strata (Pindaan) 2012 (Halaman 20)
Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 (Halaman 33)
Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012 (Halaman 60)
Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2012 (Halaman 78)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 31)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2012

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Puan Doris Sophia ak Brodi
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
8. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
9. " Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan I*
10. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. " Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. " Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
16. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. " Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
18. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
19. " Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Senator – Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*"
20. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
21. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
22. " Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (B) (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menter*
23. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
24. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
25. " Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
26. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
27. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
30. " Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
31. " Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
32. " Datuk Maijol Mahap (Sabah)
33. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

34. Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

35. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Sumber Manusia*

36. " Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)

37. " Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)

38. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)

39. " Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)

40. " Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)

41. " Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)

42. " Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)

43. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)

44. " Datuk Seri G. Palanivel (Dilantik)
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

45. " Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)

46. " Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)

47. " Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*

48. " Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)

49. " Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)

50. " Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)

51. " Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)

52. " Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)

53. " Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)

54. " Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)

55. " Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)

56. " Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)

57. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)

58. " Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)

59. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)

60. " To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 4 Disember 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, dasar serta garis panduan baru yang bakal diperkenalkan bersesuaian dengan hasrat kementerian untuk mengawal kenaikan harga rumah terutamanya di bandar-bandar besar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi kepada semua hadirin Yang Berhormat. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya mengenai isu kenaikan harga rumah di Malaysia. Izinkan saya pada pagi ini untuk menjawab sekali gus soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor Mohd Sultan pada hari ini, Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah pada 5 Disember, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Saat bin Haji Abu 6 Disember, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin pada 6 Disember dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat pada 12 Disember.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya sedar mengenai kenaikan harga rumah secara mendadak terutamanya di kawasan Lembah Klang dan beberapa bandar besar di Johor dan Pulau Pinang. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi harga rumah seperti permintaan dan penawaran, lokasi, kos tanah, harga bahan binaan serta kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan. Buat masa ini, kerajaan tidak mengawal harga rumah memandangkan ianya ditentukan sendiri oleh faktor pasaran ataupun *market forces*. Ini memandangkan Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan ekonomi bebas *(free market)* dan bagi menggalakkan pertumbuhan industri perumahan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian kerajaan sememangnya amat mengambil berat mengenai keperluan perumahan yang membabitkan golongan yang berpendapatan rendah di Malaysia. Untuk itu, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh kerajaan telah pun menyasarkan pembinaan sebanyak 161,000 unit rumah mampu milik yang merangkumi sebanyak 78,000 unit yang dibina oleh kerajaan termasuk rumah di bawah Program Perumahan Rakyat dan sebanyak 83,000 unit dibina oleh pemaju swasta khususnya bagi memenuhi permintaan golongan yang kurang berkemampuan. Melalui Bajet 2013 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan tempoh hari, kementerian saya telah pun diperuntukkan sebanyak RM543 juta untuk membina 45 buah projek di bawah Program PPR di seluruh negara yang melibatkan 20,454 unit rumah. Ini menunjukkan keseriusan kerajaan dalam menyediakan perumahan kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi golongan yang berpendapatan sederhana pula kerajaan telah pun melancarkan Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang berkonsepkan *Public-Private Partnership* dengan objektif untuk memastikan golongan berpendapatan sederhana, pendapatan isi rumah di antara RM2,500 sehingga RM7,000 sebulan mampu untuk memiliki rumah sendiri dengan harga berpatutan di antara RM100,000 sehingga RM400,000 bergantung pada lokasi. Harga rumah jualan PR1MA adalah lebih murah berbanding harga pasaran kerana pembinaan rumah PR1MA adalah di atas tanah kerajaan dengan usaha sama pemaju swasta.

Melalui bajet untuk tahun depan, PR1MA telah diberikan peruntukan sebanyak RM1 bilion untuk menyediakan 80,000 unit rumah mampu milik khususnya kepada golongan berpendapatan sederhana. Mengikut apa yang saya faham, kebanyakan rumah-rumah yang akan dibina di bawah PR1MA ini adalah di bandar-bandar besar khususnya di Lembah Klang. Saya difahamkan, skim yang pertama akan dilancarkan tidak lama lagi ialah 5,000 unit rumah kos sederhana di Seremban.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pembelian hartanah oleh pelabur asing bagi tujuan spekulasi pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut maklumat kementerian hartanah yang dibeli oleh warga asing adalah terkawal dan tidak membimbangkan. Jumlah hartanah yang dibeli oleh warga asing di Malaysia adalah 5.4 peratus sahaja di Malaysia dengan pecahan 13.6 peratus di Kuala Lumpur, 1.8 peratus di Selangor, 8.8 peratus di Johor dan 4.5 peratus di Pulau Pinang. Pembelian hartanah oleh warga asing adalah dihadkan kepada hartanah yang melebihi RM500,000 dan perkara ini termaktub di dalam garis panduan perolehan hartanah yang dikeluarkan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Pembelian unit kediaman ini walaupun demikian tidak memerlukan kelulusan Unit Perancang Ekonomi sebaliknya adalah termaktub di bawah bidang kuasa pihak kuasa negeri. Justeru itu adalah tidak benar penurunan had harga rumah yang boleh dibeli oleh warga asing menjadi punca utama kenaikan ini kerana bagi pembelian unit kediaman di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang, garis panduan perolehan hartanah yang baru ini masih mengekalkan had pembelian hartanah oleh warga asing iaitu hartanah yang melebihi RM500,000.

■1020

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan juga sedar dan prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat disebabkan kenaikan harga rumah di Malaysia. Oleh itulah kerajaan telah melaksanakan beberapa mekanisme kawalan iaitu melalui pengurangan *loan to value* kepada 70 peratus sahaja bagi pinjaman perumahan untuk pembelian rumah ketiga dan seterusnya. Tindakan ini akan mengurangkan keupayaan kewangan individu yang terlibat dalam aktiviti spekulator kerana mereka perlu mendahulukan 30 peratus dari kos harga rumah dengan wang sendiri.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah memperkenalkan semula Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai 1 Januari 2010 dengan tujuan untuk mengurangkan aktiviti spekulasi yang menyebabkan kenaikan harga rumah di Malaysia. Mulai tahun depan, kerajaan telah menaikkan kadar CKHT daripada 10 peratus kepada 15 peratus bagi harga tanah yang dilupuskan dalam tempoh kurang daripada dua tahun. Bagi hartanah yang dilupuskan di antara tiga hingga lima tahun, kadar CKHT kekal sebanyak 10 peratus dan tiada CKHT dikenakan bagi harta tanah yang dilupuskan melebihi lima tahun. Kenaikan CKHT ini adalah merupakan langkah kerajaan mengawal kenaikan harga rumah melalui tekanan kepada aktiviti spekulator.

Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun ini kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah pun mensyaratkan institusi kewangan tempatan bagi mengenakan syarat yang lebih ketat kepada para peminjam bagi memastikan kemampuan peminjam untuk membayar balik pinjaman. Kadar faedah yang ditawarkan oleh pihak bank juga perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan berdasarkan kepada *base landing rate* semasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, *base landing rate* semasa ialah 6.6 peratus dan *of course* kadar BLR ini boleh berubah mengikut situasi ekonomi semasa. Seterusnya, kerajaan akan terus memantau kenaikan harga rumah di Malaysia dan akan mengenakan langkah-langkah tambahan melalui dasar fiskal dan juga jika perlu untuk mengawal harga rumah bagi memastikan semua golongan rakyat mampu untuk memiliki rumah sendiri. Mengikut kajian yang telah dijalankan oleh kementerian, bagi rakyat yang berkemampuan, orang kaya-raya, mereka ini bolehlah membeli rumah mengikut kehendak mereka sebab masalah kewangan tidak menjadi satu isu. Kerajaan Pusat sekarang ini memang memberi banyak perhatian kepada golongan yang mempunyai pendapatan sederhana dan juga golongan berpendapatan rendah supaya kita hendak bantu mereka. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan-soalan tersebut. Soalan tambahan saya berbunyi, adakah kementerian bercadang menggunakan sepenuhnya keupayaan syarikat-syarikat pelaburan kerajaan (GLIC) dan syarikat milik kerajaan (GLC) untuk membantu kerajaan menangani isu lonjakan harga rumah dengan menukar skim anuiti sedia ada yang menghentikan penjualan rumah? Sebaliknya, memberi pajakan kepada golongan yang tidak berkemampuan. Dengan cara ini, ruang rumah yang dibina akan dipajak kepada golongan yang memerlukan sehingga akhir hayat mereka pada kadar yang lebih rendah berbanding membeli atau menyewa rumah. Pemaju boleh mengenakan bayaran pajakan yang berpatutan dan lebih rendah berbanding dengan pembayaran pembiayaan rumah yang sedia ada. Sekian.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat memang adalah salah satu pendekatan yang sedang dikaji oleh kementerian dan kerajaan pada amnya. Kita sudah mula dengan pembinaan rumah-rumah di bawah Program PR1MA dan semua ini adalah kita menarik dan menawarkan kepada syarikat-syarikat besar, pemaju yang dalam golongan *government-linked companies* (GLC) di mana mereka ini dijemput untuk bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dan bina rumah di atas tanah milik kerajaan dan ini telah mula. Akan tetapi mengenai pajakan tempoh masa panjang ini, kita sekarang dalam proses kajian lagi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Soalan tambahan.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri ialah purata rumah yang dimiliki oleh warga Singapura itu berapa sebenarnya di Johor dan juga di Pulau Pinang? Kedua, setengah juta ringgit sebagai *baseline* untuk beli rumah, bagi saya itu tidak jadi masalah bagi orang asing kerana wang ringgit Malaysia makin lama makin turun. Ini akan menyebabkan pelbagai masalah bagi warga tempatan itu untuk membeli rumah dan terpaksalah mereka bersaing dengan orang asing. Apa yang saya hendak tahu ialah jenis rumah apa yang boleh dibeli oleh warga asing ini? Terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Dr. Ariffin. Untuk menjawab soalan pertama ialah tadi saya telah beri angka dalam jawapan asal mengenai jumlah peratusan pembeli-pembeli dari luar negara. Kebanyakan, hampir semua pembeli-pembeli asing yang membeli rumah melebihi RM500,000 di Malaysia ini adalah orang yang telah pun masuk ke Malaysia sebagai pemastautin jangka panjang di bawah Program MM2H di bawah program *tourism,* pelancongan Kerajaan Malaysia. Ini adalah salah satu kemudahan yang kita berikan, salah satu keistimewaan kita berikan supaya kita dapat menarik lebih ramai rakyat asing yang sudah pencen masuk ke rumah ini, menjadikan Malaysia ini sebagai satu tempat untuk tinggal secara lama. Hampir semua pembelian ini oleh rakyat asing di bawah Program MM2H.

Bagi rakyat Singapura pula yang datang ke Malaysia untuk membeli rumah, memang tidak dapat dinafikan bahawa kalau hendak beli rumah di Singapura, harganya memang lebih mahal banyak kali ganda dari Malaysia. Mereka ini sudah masuk dan mereka ini dianggap sebagai pembeli rakyat asing. Maksudnya, sekurang-kurangnya harga RM500,000 ke atas hanya baru boleh dibeli oleh rakyat Singapura walaupun sebagai rakyat di negara jiran. Kebanyakan rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura walaupun pada siang hari mereka berada di Singapura tetapi selepas kerja, waktu malam mereka balik tinggal di Johor. Ini juga menjadi satu peratusan besar rakyat Malaysia yang beli rumah di Johor, mereka ini kerja di Singapura. Hanya satu jenis rumah yang boleh dibeli oleh rakyat asing iaitu rumah kediaman sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya, Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah silakan.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa sekarang ini *real property gain tax* atau cukai keuntungan harta tanah ialah 10 peratus, yang mana untuk tiga hingga lima tahun dijual dan akan dinaikkan kepada 15 peratus pada tahun depan untuk *property* yang dijual dalam jangka masa waktu dua tahun. Jadi, soalan saya ialah seseorang yang membeli rumah daripada pemaju ketika ini dan akan siap dalam tempoh dua tahun dan dia akan jual.

Dia tidak akan jual dalam tempoh setengah tahun atau satu tahun sebab rumah tidak siap dan tidak ada, dengan izin, *appreciation in value.*

Jadi soalannya, kenaikan 5 peratus itu pandangan saya tidak menjadi satu faktor yang boleh mengelakkan spekulasi dalam hartanah kerana isunya ialah spekulasi ialah yang menyebabkan harta tanah itu naik. Jadi, tidakkah kementerian ingin mencadangkan supaya peratusan RPGT itu dinaikkan ke satu angka yang lebih tinggi lagi bagi menghindarkan aktiviti-aktiviti spekulasi? Terima kasih.

10.25 pg.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Najeeb. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu betul jugalah, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Kementerian telah pun membuat kajian yang menyeluruh mengenai perkara ini sebab pada bajet tahun lepas- tahun ini 10 peratus dia punya cukai keuntungan hartanah. Selepas kita membuat kajian, kalau kita naikkan begitu tinggi sekali, kemungkinan ini akan membawa kesan negatif kepada industri perumahan, kalau kita secara tanpa notis yang mencukupi kita naik terus macam itu sahaja. *So*, lepas satu kajian yang dibuat, didapati kenaikan tambahan 5 peratus memang munasabah.

Kebanyakan pembeli rumah kalau dia hendak tunggu sampai dua tahun, memang bukan dikenali sebagai spekulator. *Speculators* selalunya dia akan cepat dalam segala urusan. Dia *booked* satu ini, bayar 10 peratus, lepas itu dia tengok kalau ada masa dia jual. Dalam penjualan pendek itulah kita hendak sekat. Bagi seorang spekulator, tidak mungkin juga dia hendak buat pinjaman sampai dua tahun. Betul tidak? Kecuali dia ada duit sendiri. Kalau tidak, dia akan buat pinjaman dan bayar ansuran hingga dua tahun. Pada kajian kita, aktiviti spekulator ini dia tidak mahu tunggu. Dia *flipped, very fast* dia *flipped*. *So* sekarang kita mengizinkan mereka melakukan *flipped* punya aktiviti sudah. Yang beli ini, pembeli ini hampir semua adalah *genuine buyer*.

Bagi spekulator pula, kalau hendak tunggu dua tahun, kalau hendak dapat pinjaman kerajaan, kalau dia sudah beli dua, tiga sudah, dia ada masalah. Bank tidak akan beri pinjaman kepada peratusan tinggi kepada spekulator, kalau seorang ingin *speculate*lah. Dia hanya boleh dapat 70 peratus sahaja dari jumlah pinjaman harga rumah. Ini akan menggalak supaya mereka ini dalam musim ini tidak masuk pasaran menjadi spekulator. Kita percaya, kita juga harap 15 peratus ini mungkin berkesan. Kita nak tengok macam mana dulu. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam minta Perdana Menteri menyatakan, apakah sistem permit syarikat teksi yang wujud sekarang akan ditukar kepada permit individu atau syarikat koperasi pemandu untuk mengelakkan monopoli dan penyalahgunaan serta menjamin kebajikan pemandu teksi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tuan Subramaniam, selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai pemberian lesen teksi kepada individu, SPAD atau Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat akan memperkenalkan inisiatif baru di bawah program Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1MA). Inisiatif ini yang dirancang untuk dilaksanakan pada suku pertama tahun 2013 turut merangkumi pelan tindakan dan strategi bagi melaksanakan pemberian lesen kepada pemilik individu. Usaha strategi ini akan membaiki khidmat, mengelak penyalahgunaan oleh mana-mana pihak dan memastikan kebajikan pemandu-pemandu teksi terjamin. Statistik terkini menunjukkan sebanyak 80,698 lesen teksi didaftarkan di mana sebanyak 47,683 permit adalah atas nama koperasi perkongsian persatuan syarikat berhad dan sendirian berhad dan sebanyak 33,015 permit yang didaftarkan atas pemilik individu.

Sistem sekarang tidak akan ditukar tetapi akan ditambah baik. Kerajaan tidak boleh menarik balik permit yang telah diberi kecuali ia gagal melesenkan dalam tempoh tertentu atau yang melanggar syarat seperti pemandu yang tiada PSV, tidak menjalani pemeriksaan PUSPAKOM atau tidak menggunakan meter atau lain-lain kesalahan berat.

SPAD kini sedang menjalankan kajian mengenai tahap permintaan perkhidmatan teksi di Malaysia. Hasil kajian ini akan memberikan gambaran mengenai keseimbangan tahap permintaan berbanding penawaran.

Kajian ini juga akan menentukan sama ada terdapat keperluan untuk menambah bilangan teksi, berapakah jumlah penambahan itu atau sebaliknya.

Antara perkara-perkara yang diberi penekanan dalam penyediaan model baru perniagaan teksi ialah garis panduan kontrak sewa beli di antara syarikat dan pemandu teksi, penyediaan skim pelindungan insurans pemandu teksi dan latihan kepada para pemandu teksi. Adalah dimaklumkan bahawa Skim Penukaran Tayar Teksi Fasa 1 melibatkan peruntukan RM35 juta yang memberi manfaat kepada 70,000 pemandu teksi. SPAD sedang mengkaji kemungkinan iaitu memberikan subsidi penukaran tayar teksi fasa kedua pada tahun hadapan. Ini adalah berita baik untuk pemandu teksi termasuk di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam: Terima kasih. Apakah kemungkinan kerajaan kita mewujudkan satu syarikat milik kerajaan untuk mengendalikan semua teksi di mana pemandu teksi diberi ganjaran yang setimpal dengan usaha mereka agar kebajikan mereka dan keluarga mereka dijamin dan batalkan permit-permit teksi yang sudah diberikan kepada syarikat-syarikat monopoli selepas penghabisan tempoh tanpa individu. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebut tadi, permit yang telah diberikan kita tidak boleh batalkan kerana mereka telah melabur sejumlah kewangan yang tertentu untuk membeli teksi-teksi itu. Puluhan juta pelaburan ya. Mereka boleh menjadi bankrap kalau kita batalkan tanpa sebab-sebab yang tertentu. Untuk masa-masa akan datang, yang lama daripada sekarang ini saya tidak tahulah sebab ada syarikat-syarikat yang telah melaburkan wang yang begitu banyak.

Namun begitu, kita sedia maklum bahawa pelbagai kebajikan kita sediakan pada Bajet 2012. Bukan pada Bajet 2013 tapi Bajet 2012. Misalnya kerajaan telah mengumumkan pengecualian cukai 100 peratus cukai jualan dan duti eksais pada kereta baru Proton untuk teksi. Kita juga mengumumkan *free road tax* kepada teksi. Kita memberi rebat RM3,000 dan RM1,000 untuk menukar kereta yang lama kepada yang baru. Kerajaan juga memberikan pinjaman mudah melalui BSN untuk membeli teksi baru dengan kadar faedah cuma 2 peratus.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah mengumumkan tentang insurans perlindungan kepada pemandu teksi secara berkelompok yang dibayarkan oleh kerajaan jika mereka meninggal dunia akibat kemalangan ketika membawa teksi, akan diberi RM10,000. Perubatan akibat kemalangan itu RM500, mati biasa RM1,000 dan kecederaan kekal, RM10,000. Jadi, itulah di antara pembaharuan-pembaharuan yang telah diumumkan baru-baru ini.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan di Dewan yang mulia ini jumlah terbesar pemegang permit teksi sama ada individu ataupun syarikat persendirian?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Syed Shahir. Saya ingin memaklumkan di sini pecahan-pecahan pemegang permit teksi iaitu:

Jenis Pemegang Permit	Bilangan (permit)
Individu	33,015
Syarikat berhad	1,852
Koperasi	2,124
Syarikat perkongsian	731
Persatuan	335
Syarikat sendirian berhad	42,634

Saya tidak mempunyai data-data nama-nama syarikat berkaitan. Ini adalah pecahan-pecahan. Kalau inginkan pecahan lagi, saya ada satu lagi maklumat iaitu kereta sewa di pekan-pekan dan bandar-bandar kecil, 17,861 buah. Sewa pandu yakni Spanco yang diberikan kepada kerajaan dan lain-lain, 10,932 permit.

Sewa pandu pelancongan, yang ini selalu kita lihat di *airport* iaitu sebayak 5,491 permit. Teksi sebagaimana yang kita lihat di bandar Kuala Lumpur ini, berjumlah 42,140 permit.

■1030

Teksi lapangan terbang sama ada di KLIA atau lapangan terbang yang lain berjumlah 3,963 permit dan teksi mewah atau limousin mewah berjumlah 1,111 permit. Itu angka-angka yang saya boleh kongsi di sini. Terima kasih.

3. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, sejauh manakah langkah Kerajaan Negeri Selangor meneruskan hasrat menstrukturkan semula perkhidmatan air di negeri tersebut seperti terkandung dalam Akta Perkhidmatan Bekalan Air 2006 (WSIA) yang bakal memberi impak kepada lebih 2 juta penduduk di Selangor dan Lembah Klang.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Sri Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan dua pertanyaan lagi iaitu daripada Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin yang dijadualkan pada 12 Disember berhubung dengan statistik kes curian air dan pertanyaan Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok yang dijadualkan pada 19 Disember berhubung perkembangan pembinaan Loji Air Langat 2.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri Selangor yang ditanya oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat, kerajaan pada tahun 2008 telah memperkenalkan dasar penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negara yang berteraskan model *asset-light* dengan izin, bagi memastikan kemapanan industri perkhidmatan air negara. Dasar tersebut diperkenalkan bagi menyokong pelaksanaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*] yang dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2008.

Bagi negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan telah mencadangkan pelaksanaan modal penstrukturan semula yang telah mengambil kira keperluan untuk mematuhi Akta 655, perjanjian-perjanjian konsesi air yang masih berkuat kuasa serta undang-undang lain yang berkuat kuasa. Sebaliknya, Kerajaan Negeri Selangor menolak model tersebut dan mencadangkan pelaksanaan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor yang melibatkan pengambilalihan ekuiti syarikat-syarikat konsesi air oleh kerajaan negeri.

Walaupun model tersebut tidak selaras dengan model yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan, saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Persekutuan tidak pernah menghalang Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan model penstrukturan semula yang dihasratkan selagi pengambilan ekuiti syarikat-syarikat konsesi air dibuat berdasarkan kepada prinsip *willing buyer, willing seller,* dengan izin. Menghormati perjanjian-perjanjian konsesi sedia ada, Akta 655 serta semua undang-undang yang berkuat kuasa.

Malah Kerajaan Persekutuan telah memberikan ruang dan peluang yang mencukupi bermula bulan Mei tahun 2008 kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan model yang dihasratkan yang melibatkan pengambilan ekuiti empat syarikat konsesi di Selangor. Rundingan demi rundingan telah diadakan sehingga membawa kepada penawaran pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi sebanyak tiga kali oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Namun begitu tawaran tersebut tidak diterima oleh syarikat-syarikat tersebut dan menyebabkan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor tidak dapat dimuktamadkan sehingga sekarang. Oleh itu saya menyeru supaya Kerajaan Negeri Selangor segera memuktamadkan pengambilan keempat-empat syarikat konsesi di negeri Selangor kerana kegagalan kerajaan negeri Selangor untuk menstrukturkan semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor walaupun telah diberi peluang sejak tahun 2008 telah menjejaskan industri perkhidmatan air di negeri tersebut. Sekiranya Kerajaan Negeri Selangor tidak mampu mengambil alih ekuiti keempat-empat syarikat konsesi air di negeri Selangor, saya mengesyorkan supaya kerajaan negeri bersetuju dengan cadangan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan penstrukturan menggunakan model *asset-light* yang telah ditolak oleh kerajaan negeri sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan mengenai statistik kecurian air yang berlaku di seluruh Malaysia yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin. Sukacita saya menjelaskan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara telah mula mengambil tindakan terhadap kes kecurian air dengan berkuat kuasa Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 pada 1 Januari 2008. Jumlah keseluruhan kes kecurian air yang telah dilaporkan kepada Suruhanjaya sejak tahun 2008 sehingga November 2012 ialah 259 kes.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 37 kes kecurian air telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah. Enam kes sedang dibicarakan dan empat kes telah ditawarkan kompaun dan empat lagi kes telah ditarik balik pendakwaan atas alasan-alasan tertentu dengan kebenaran dan arahan Timbalan Pendakwa raya. Sejumlah 208 kes lagi sedang di peringkat siasatan dan tindakan pendakwaan di mahkamah atau kompaun akan dikenakan apabila siasatan selesai dilaksanakan.

Pada masa ini tiada sebarang sistem khusus yang dapat mengesan kecurian air. Operator air di negeri-negeri mengesan kecurian air melalui aduan dan dari pelbagai sumber seperti orang awam, media cetak dan elektronik dan sebagainya serta melalui pemantauan oleh operator air sendiri. Bagi menangani kes kecurian air dengan lebih berkesan, operator air di negeri Selangor dan Negeri Sembilan telah mengambil tindakan proaktif dengan menubuhkan pasukan penguatkuasaan khas untuk menangani kes kecurian air. Operator air yang lain pula sedang mempertingkatkan kecekapan kakitangan sedia ada agar mampu menjalankan pemantauan yang lebih berkesan untuk menangani kes kecurian air. Semua kes kecurian air yang kemudiannya akan dilaporkan oleh *operator* air kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara agar tindakan penguatkuasaan mengikut Akta Industri Perkhidmatan Air dapat diambil.

■1040

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan mengenai perkembangan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok, izinkan saya memberi sedikit latar belakang kepada Yang Berhormat Senator sekalian. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, projek pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2, dan sistem agihan yang berkaitan merupakan salah satu komponen bagi Skim Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor. Mengikut rancangan asal, projek ini akan dilaksanakan melalui dua fasa yang melibatkan 23 pakej pembinaan bagi setiap fasa.

Bagi fasa 1, proses penawaran tender untuk pakej 2A, pembinaan loji rawatan air berkapasiti 1,130 juta liter sehari telah mula diiklankan pada 4 September 2012 dan akan ditutup pada 27 Disember 2012. Mengikut jadual terkini, pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 dijangka akan dimulakan pada bulan Jun 2013- tertakluk kepada kelulusan-kelulusan yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya pula kemajuan sebenar projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan sistem agihan setakat akhir bulan Oktober 2012 ialah 28.40 peratus berbanding jadual perancangannya iaitu 68.95 peratus. Projek ini telah mengalami kelewatan sebanyak 40.55 peratus iaitu kira-kira 29 bulan disebabkan keengganan kerajaan negeri Selangor untuk memberi kelulusan-kelulusan yang diperlukan bagi pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini sekali lagi saya menyeru kepada kerajaan Negeri Selangor untuk segera menarik balik arahan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan untuk menangguhkan kelulusan yang diperlukan bagi melaksanakan projek ini. Kelulusan segera pihak-pihak berkuasa tempatan ini akan membolehkan bukan sahaja Loji Rawatan Air Langat 2 ini dibina pada bulan Jun 2013, malah 22 pakej lain lagi dapat ditender. Sekian.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusof: Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang hadir sendiri untuk memberikan jawapan yang panjang lebar serta penjelasan yang sangat menarik terutama tentang kemelut yang sedang berlaku dalam negeri Selangor bersabit dengan cadangan untuk menstrukturkan semula bekalan air di negeri tersebut. Bagi saya, sangat jelaslah ya apa yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menstrukturkan semula bekalan air menghadapi jalan buntu. Saya berharap Kerajaan Persekutuan akan menyelamatkan keadaan yang berlaku di Selangor ini.

Soalan tambahan saya ialah jika kemelut tersebut semakin memuncak dan kita menghampiri tahun 2014 di mana krisis air yang teruk dijangka melanda Lembah Klang, adakah kementerian atau Kerajaan Pusat dalam mendukung slogan, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) sanggup mengambil alih liabiliti dan aset air berkaitan dengannya sebagaimana PAAB memberikan kemudahan tersebut kepada negeri-negeri lain demi menjadi penyelamat dalam kemelut tersebut. Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Barangkali ramai Yang Berhormat sekalian dan juga orang awam tidak lagi, tidak ada fakta-fakta yang sebenarnya mengenai krisis yang kita akan hadapi ini kalaulah di negeri Selangor ini kita tidak mencukupi air untuk dirawat dan tidak cukup loji untuk merawat air mentah ini.

Saya hendak beri sedikit angkalah Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2012, rizab yang kita adakan iaitu jumlah air yang diperlukan dan jumlah air yang dirawat daripada loji, yang dibersihkan daripada loji yang kita sedia ada ialah hanya 3.3 peratus. Satu rizab yang cukup nipis. Ini bermaknanya kalaulah sesuatu loji yang agak besar itu seperti loji SPP, SSP I di Selangor, Kuala Kubu. Kalaulah loji itu menghadapi masalah mekanikal seumpamanya dan loji itu tidak berfungsi. Kalau begitu, memang sudah hancur dan kita akan hadapi masalah besar kerana 3.3 peratus itu adalah satu jumlah air yang kecil sahaja. Kalau kita berbanding dengan jumlah yang kita inginkan iaitu permintaan air yang sekarang kita sedia ada dalam tahun ini iaitu 4,288 juta liter sehari. Manakala sebanyak 3.3 peratus itu adalah sangat nipis.

Saya sangat khuatir kalaulah ada kita tidak mencukupi rizab itu. Kalaulah ada satu loji yang menghadapi masalah mekanikal dan tidak berfungsi, kita akan dilanda krisis. Bukan seluruh tetapi di banyak tempat tidak dapat air. Oleh sebab itu Yang Berhormat, kita memang sangat-sangat berharap, loji yang kita cadangkan iaitu Loji Langat 2 perlu dibina.

■1050

Oleh sebab itu kita harap juga seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bahawa PAAB kalau dapat melaksanakan tender-tender yang kita sekarang tawarkan kepada kontraktor-kontraktor umum, ini bukan *selected tender* atau *direct nego* Yang Berhormat, ini *open tender*. Kita mencari kontraktor yang menawarkan harga yang terbaik untuk kita laksanakan.

PAAB pada hari ini Yang Berhormat mempunyai kewangan yang mencukupi, kita menyediakan kewangan untuk melaksanakan projek ini. Sebab itulah saya tanya tadi, di dalam jawapan saya apa sebabnya projek ini tidak diberikan kebenaran perancangan untuk projek ini dilaksanakan pada jadual yang kita adakan iaitu pada bulan Jun 2013. Tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan, kita susah hendak melaksanakannya.

Saya nampak tidak ada alasan yang kukuh daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk menahan atau tidak memberikan kelulusan kebenaran itu. Sebab itu memanglah harapan saya ialah PAAB ini adalah agensi yang kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan projek ini, walaupun ia adalah satu angka yang besar. Ini adalah untuk masa depan Selangor, rakyat di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, konsesi air di Selangor ditandatangani oleh tiga pihak iaitu SYABAS, Negeri Selangor dan *Federal Government*. Jadi kalau ada *debate* di antara SYABAS dan Negeri Selangor, *third party* iaitu *Federal Government* kena *decide* menyebelahi mana-mana pihak. Pihak yang terpenting di sini ini ialah Negeri Selangor, sebab merekalah bertanggungjawab kepada rakyat Selangor dan mereka juga mempunyai kemampuan untuk merawat air.

Masalah negeri Selangor ialah bukannya tidak ada air, ada banyak air. Di negeri Selangor ada banjir bukan tidak cukup air, yang kurangnya ialah air yang dirawat, itu adalah tanggungjawab. Kalau SYABAS tidak boleh merawat berilah kepada Selangor ataupun *Federal.* Selangor mempunyai kemampuan, mereka hendak merawat sendiri. Mereka beri air percuma kepada rakyat Selangor. Jadi sebelum 2008, *Federal Government* menyokong Kerajaan Negeri Selangor di dalam hal ini tetapi selepas 2008, *Federal Government* pula cakap *willing buyer, willing seller.*

Di sini nampaknya *Federal Government* mesti membuat keputusan iaitu negeri Selangor yang mempunyai kemampuan membekal, merawat dan kepada penduduk dan SYABAS tidak boleh buat. Sebab dia tidak ada kemampuan untuk perbelanjaan CAPEX. Itu isu yang penting, 33 peratus air yang dirawat dibazirkan dan SYABAS tidak boleh mengendalikannya. Jadi kenapa Kerajaan Pusat tidak menyokong negeri Selangor untuk mengambil alih, itu yang pertama. Kedua ialah projek membawa air daripada Pahang. Itu adalah satu projek yang besar, adakah kementerian mengadakan satu *environmental impact study* sebelum projek itu diluluskan? Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Daripada pertanyaan Yang Berhormat itu, saya rasa Yang Berhormat tidak ada kefahaman yang mencukupi mengenai isu ini. Saya bersetuju bahawa konsesi-konsesi yang sedia ada ini memang ditandatangani oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor, pihak Kerajaan Persekutuan dan pihak konsesi. Ini *tripartite* saya memang bersetuju, tidak ada masalah.

Sebab kita ada Akta Perkhidmatan Air 2006 yang memerlukan kita menstrukturkan industri-industri air di seluruh negara dan banyak negeri sudah menstrukturkannya dan telah berjaya termasuk juga Negeri Pulau Pinang yang juga sudah menerima penstrukturan yang saya sebutkan. Akan tetapi negeri Selangor ini, saya berasa hairan apa sebabnya dia mesti mengambil alih ekuiti syarikat-syarikat yang menandatangani konsesi itu.

Sebab konsesi ini masih hidup Yang Berhormat, bukannya konsesi ini telah ditamatkan. Kalau konsesi itu sudah tamat, itu lain cerita. Oleh sebab ia masih hidup kita kena faham bahawa *sanctity of contract* ini kita mesti patuhi, prinsip. Maknanya kita sudah *sign* kontrak tersebut, kita akan mematuhi kontrak tersebut. Kita tidak boleh mengambil alih sembarang sahaja, tidak boleh. Kalau kita hendak melaksanakan di *privatization* kita mesti ada cara-cara yang munasabah, cara-cara yang mereka boleh terima. Menteri Besar...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Saya habis dahulu.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Satu *point,* satu *point...*

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Saya habis dahulu.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Bila Kerajaan Negeri Selangor mahu ambil...

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat dengar dulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: SPAN setuju, tetapi hanya SYABAS yang tidak bersetuju.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Dengar, dengar...

Timbalan Yang di-Pertua: Biarkan Yang Berhormat Menteri menjawab dahulu.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Sebab Yang Berhormat, kalaulah kita hendak mengambil alih ekuiti, saya sebut ekuiti. Kalau kita hendak mengambil alih ekuiti syarikat itu, kita kena beli, kita kena tawarkan satu harga sennya yang dia akan jual. Kalaulah syarikat-syarikat konsesi ini tidak mahu menjual atau sebab dia rasa tawaran itu tidak munasabah, dia akan tolak. Lebih elok dia teruskan dia punya kontrak, itu hakikatnya yang kita sekarang negeri Selangor tidak dapat ambil alih.

That is story Yang Berhormat, *you have to understand this.* Sebab itu Yang Berhormat, walau siapa pun yang akan menjual, dia akan rasa inilah harga yang munasabah yang dia boleh terima. Akan tetapi sebaliknya modal yang kita laksanakan iaitu Kerajaan Persekutuan akan laksanakan ialah kita tidak mengambil alih ekuitinya, kita hanya mengambil alih liabiliti dan asetnya. Syer itu kita tidak beli, dia boleh tinggal dengan syarikat itu sahaja. Walau bagaimanapun, kita tawarkan kepada syarikat konsesi tersebut untuk menjadi kontraktor sahaja bukan milik konsesi. Dia menjadi kontraktor sahaja untuk melanjutkan tahun-tahun yang belum luput.

■1100

Maknanya kalaulah hayat konsesi itu masih 20 tahun, ia 20 tahun jadi kontraktor dan ia akan dibayar ia punya fi atau ia punya keuntungan dari segi tawaran daripada SPAN iaitu SPAN...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat, rakyat kena bayar. Akan tetapi di sini air percuma di Selangor.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat *you* tunggu sahaja. Nanti *you* boleh sambung, tidak ada masalah. Jangan kita *debate* begini. *You* tunggulah.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Menteri. Teruskan.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: *So* Yang Berhormat, modal kita ini *that is why we call it "asset-light*."? *Asset-light* maknanya, kita ambil alih aset. PAAB ambil alih aset. PAAB ambil alih ia punya liabiliti yang ia hutang bank. Akhirnya kita akan membina loji-loji baru yang diperlukan. Seumpamanya di Pulau Pinang Yang Berhormat, kita mengesahkan *Mengkuang Dam* (Empangan Mengkuang), kerajaan yang beri duit. Kalau ada Yang Berhormat dari *Penang*, Kerajaan Persekutuan yang beri duit ini melalui PAAB. Oleh sebab itulah perjanjian kita, itulah modal kita, *asset-light* yang saya sebut. *So,* maknanya Selangor akan untung.

Maknanya masa depan Selangor akan ambil alih semua loji ini apabila konsesi itu sudah tamat, kontrak itu sudah tamat. Akan tetapi aset itu kita akan kembalikan kepada negeri Selangor. Siapa yang untung Yang Berhormat? Negeri Selangor yang akhirnya akan memiliki semua aset. Itulah cara yang kita akan laksanakan dan saya rasa tidak ada masalah. Kalau tidak ada masalah di Johor, tidak ada masalah di Melaka, di Negeri Sembilan, di Pulau Pinang, Kelantan belum lagi. Apa sebab Perak? Apa sebabnya ada masalah di Selangor? Ini saya tidak faham.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan seterusnya soalan tambahan Puan Chew Lee Giok.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. *Actually* air di negeri Selangor memang cukup, yang tidak cukup itu loji air tidak cukup. Air memang sangat cukup sebab sampai banjir di mana-mana pun Kerajaan Pakatan Rakyat tidak tahu mengatasinya. Betul tidak? Loji air yang tidak cukup itu.

Mengenai pembinaan Loji Air Langat 2 itu, Kerajaan Negeri Selangor degil dan tidak mahu memberikan kelulusan. Kalau begitu, bagaimana projek Loji Langat 2 itu hendak dijalankan? Apa akan terjadi kalau kedua-dua pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Selangor tidak mahu bertolak ansur? Ini hanya menyusahkan rakyat negeri Selangor. Saya pun rakyat negeri Selangor. Ada apa cara penyelesaiannya? Adakah dia hanya boleh dibawa ke mahkamah untuk menyelesaikannya? Terima kasih.

Dato' Sri Peter Chin Fah Kui: Ya. Secara politik ini, kalau kita menang negeri itu senanglah... *[Tepuk]* Yang Berhormat, memang betul poin yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok, memang betul sebab kita memang ada cukup air di Selangor sebab kita tiap-tiap hari hujan. Akan tetapi yang pentingnya air mentah ini yang boleh kita salurkan kepada satu loji yang cukup besar untuk merawat, untuk membersihkan air yang kotor ini. Memang ini saya rasa kita perlukanlah fikiran yang waras, fikiran yang jangka masa panjang untuk rakyat kita.

Saya akhiri dengan satu poin sahaja Yang Berhormat, kalaulah kita tidak dapat mencapai kesepakatan untuk membuat loji ini, pada tahun 2017 kita akan menghadapi defisit, bukan rizab lagi, defisit. Pada tahun 2016, kita sudah sampai satu angka yang cukup bahaya iaitu 0.5 rizab. Akan tetapi pada tahun 2017, unjuran kita ialah kita akan defisit 3 peratus, selepas itu 6.7 peratus dan selepas itu sampai ke tahun 2020 nanti, kita akan menghadapi 14.4 peratus defisit. Kalau begitu Yang Berhormat, walaupun maju negeri Selangor pun tidak gunalah, kita tidak ada air. Apa guna maju? Inilah hakikat yang kita hadapi. Saya harap negeri Selangor ini ikutlah cara yang kita cadangkan iaitu *asset-light model* untuk kita laksanakan penstrukturan semula.

4. **Datuk Pau Chiong Ung** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan:

(a) semenjak pemberian komputer riba 1Malaysia dilancarkan, berapakah jumlah buah komputer riba yang telah pun diagihkan dan berapakah perbelanjaan yang terlibat; dan

(b) adakah kerja-kerja susulan dijalankan bagi mengenal pasti pemberian komputer riba tersebut betul-betul memanfaatkan penerimanya dan peratus kerosakan komputer serta adakah projek ini akan diteruskan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Pau atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Abu Bakar bertarikh 10 Disember 2012, Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah bertarikh 17 Disember 2012, Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng bertarikh 19 Disember 2012 dan juga pada 20 Disember 2012 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkaitan pemberian *netbook* 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Sehingga 9 November 2012, pihak kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengagihkan sebanyak 800,000 unit komputer atau *netbook* 1Malaysia daripada satu juta unit yang diperuntukkan kepada golongan yang berkelayakan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, 65 peratus diagihkan kepada pelajar dan selebihnya kepada ahli komuniti yang berkelayakan.

Setiap unit komputer 1Malaysia yang dibekalkan mempunyai tempoh jaminan selama setahun. Sekiranya penerima menghadapi sebarang masalah kerosakan, kerosakan perkakasan atau perisian, penerima boleh terus menghantar komputer tersebut ke pusat servis yang berdekatan. Tiada kos pembaikan yang dikenakan kepada penerima di sepanjang tempoh setahun jaminan yang diberikan.

Berdasarkan penerimaan hebat oleh masyarakat, peruntukan *netbook* telah ditambah sebanyak 500,000 unit kepada 1.5 juta unit. Tambahan peruntukan *netbook* ini akan mula diterima secara berperingkat bermula pada penghujung tahun 2012 ini, sekali gus bekalan tambahan untuk *netbook* ini akan meluaskan kemampuan pembelajaran. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, Datuk Pau Chiong Ung.

■1110

Datuk Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri atas jawapan diberi sebentar tadi. Soalan tambahan saya ialah penerima komputer 1Malaysia di kawasan pedalaman khususnya di negeri Sarawak dan Sabah tidak ada perkhidmatan *internet* dan *WiFi*. Kebanyakan komputer hanya digunakan untuk tujuan permainan sahaja. Apakah cadangan atau tindakan untuk melanjutkan perkhidmatan *internet* ke kawasan pedalaman supaya komputer dapat digunakan dengan berfaedah. Adakah kementerian merasa bahawa terdapat penerima menjual komputer 1Malaysia mereka dan bagaimanakah kementerian mencegah mereka daripada menjual komputer 1Malaysia mereka. Sekian, terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Pau. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab pertanyaan yang kedua dahulu iaitu berkenaan dengan adakah terdapat penerima menjual komputer riba 1Malaysia. Setakat ini kita tidak dapat mengesan sama ada terdapat penerima menjual komputer, dari pemantauan yang dilaksanakan oleh SKMM, kemungkinan yang dikatakan ada penjualan komputer riba 1Malaysia, ini bukanlah daripada peruntukan yang disediakan dalam pemberian *netbook* 1Malaysia tetapi ada kemungkinan *netbook* 1Malaysia yang bukan dalam peruntukan ini yang mungkin dijual.

Sebagaimana yang selalu dilakukan bila Yang Berhormat Menteri melawat ataupun mengadakan sesuatu *exhibition*, di situ ada beberapa kaedah termasuk pengagihan komputer diadakan. Ini tidak melibatkan peruntukan komputer riba 1Malaysia tetapi ia adalah melalui CSR atau *corporate social responsibility,* syarikat dan daripada laporan yang diterima, maka disiasat dan komputer yang dikatakan dijual oleh penerima daripada peruntukan 1 juta unit yang dahulu tidak ada dan daripada siri nombor komputer yang terdapat itu adalah daripada bekalan dikeluarkan daripada komponen CSR tadi.

Berkenaan dengan penggunaan *netbook* 1Malaysia di kawasan pedalaman, memang betul yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Pau tadi, tetapi sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa komputer riba 1Malaysia ini adalah satu-satu peranti yang sangat ringan dan boleh dibawa ke mana-mana dan oleh yang demikian. Maka penerima bolehlah mengunjungi mana-mana *hot spot* di mana ada *free WiFi* atau *WiFi* percuma untuk melayari *internet*. Sekiranya anak-anak kita dan penerima-penerima yang lain menggunakan komputer ini untuk tujuan yang lain, kita juga mengharapkan bahawa tujuan itu adalah untuk mempelajari penggunaan komputer. Itu adalah satu daripada kaedah yang kita harap dapat menyumbang kepada penggunaan ICT di negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, Yang Berhormat Tuan Lihan Jok.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang *netbook* 1Malaysia diterima dengan senang hati oleh rakyat di luar bandar khususnya. Cuma saya nak bangkitkan di sini kepada Timbalan Menteri dan kementerian berkenaan ialah mod pengagihan yang tidak sempurna, yang respons di mana rakyat kita tidak berapa puas hati. Jadi, golongan sasaran itu tidaklah tepat seperti mana yang dihasratkan oleh kerajaan. Oleh sebab pengagihan yang tidak sesuai, maka setengah keluarga menerima dua buah dan setengah yang patut, tidak ada. Jadi saya melihat pengagihan ini melalui pusat-pusat parti politik di setengah kawasan tidak sesuai.

Jadi soalan saya kepada Timbalan Menteri, bolehkah 500,000 yang akan dibekalkan mulai hujung tahun ini disalurkan melalui pejabat-pejabat daerah di mana pentadbiran kerajaan ini akan mengagihkan dengan saksama tanpa ada kepentingan parti-parti politik. Ini soalan saya, terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator Lihan. Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sedar bahawa ada kelemahan dari segi pengagihan oleh kerana peruntukan yang begitu banyak dan sepatutnya semua pengagihan adalah melalui bukan hanya daripada segi wakil rakyat tetapi dari SKMM. Oleh kerana berkemungkinan pegawai-pegawai dan kakitangan SKMM tidak mencukupi, maka ada beberapa situasi di mana mungkin pengagihannya adalah melalui orang-orang politik. Akan tetapi saya boleh katakan di sini Yang Berhormat, saya sebagai Timbalan Menteri di kementerian yang berkenaan, saya sendiri tidak pernah mengagihkan satu komputer pun untuk sesiapa penduduk di kawasan saya tetapi hanya melalui SKMM dan pejabat wakil rakyat saya tidak saya benarkan untuk menjadi stor SKMM di mana alat-alat peranti ini disimpan untuk pengagihan kepada penerima-penerimanya.

Saya mengambil iktibar atas apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tetapi oleh kerana pejabat-pejabat daerah ada tugas-tugasnya yang sendiri, maka ada sedikit keberatan untuk pejabat-pejabat ini menjalankan tugas yang berlainan daripada tugasan harian mereka dan ini juga kita perlu pertimbangkan. Saya berharap Yang Berhormat, tidak ramai daripada penerima adalah golongan yang bukan disasarkan dan walaupun mungkin ada tetapi tidak seramai Yang Berhormat telah katakan tadi dan kita sama-sama mengharapkan supaya kita dapat memperbaiki lagi bagaimana kita mengagihkan lebihan yang belum diagihkan. Terima kasih.

5. Puan Hajah Noriah binti Mahat minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah individu yang dibebaskan daripada muflis atau bankrap sejak lima tahun lalu dah sejauh manakah iklan yang diadakan oleh Jabatan Insolvensi di televisyen dan media massa lain berjaya membantu dan mendidik orang ramai menyelesaikan masalah kebankrapan mereka melalui Jabatan Insolvensi.

■1120

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, soalan nombor 34 seperti mana dalam Aturan Mesyuarat hari ini kerana isu yang dibangkitkan adalah sama iaitu berkaitan dengan kebankrapan.

Berdasarkan dengan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia ataupun *Malaysia Department of Insolvency* (MDI), bagi tempoh lima tahun iaitu 2007 hingga Oktober 2012, jumlah individu yang berjaya dibebaskan daripada kebankrapan ialah sebanyak 38,047 kes melalui tiga kaedah. Daripada jumlah tersebut, 9 peratus ataupun 3,289 bankrap mendapat pelepasan melalui perintah mahkamah. Sebanyak 26 peratus iaitu 9,909 kes, pembatalan perintah kebankrapan mahkamah dan 65 peratus iaitu 24,849, bankrap mendapat sijil pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia.

MDI mendapati inisiatif menayangkan iklan mengenai insolvensi di televisyen dan program promosi serta penjenamaan semula jabatan ini yang dibuat melalui media massa dan media-media lain telah berjaya membantu dan mendidik orang ramai menyelesaikan masalah kebankrapan mereka melalui jabatan ini. MDI telah membuat pengukuran keberkesanan program yang dijalankan melalui tiga indikator iaitu:

(i) jumlah kehadiran bankrap ke pejabat MDI;

(ii) bilangan pematuhan bankrap memfailkan penyataan hal ehwal; dan

(iii) jumlah bankrap yang membuat ansuran bulanan.

Berdasarkan analisis program promosi dan juga penjenamaan semula MDI bagi suku ketiga tahun 2012 ini telah menunjukkan:

(i) jumlah kehadiran bankrap di MDI telah meningkat sebanyak 8.3 peratus iaitu kehadiran seramai 9,471 dalam suku ketiga tahun ini berbanding 8,742 pada tahun sebelumnya;

(ii) pematuhan bankrap untuk memfailkan penyata hal ehwal juga meningkat sebanyak 33.1 peratus iaitu 2,996 orang berbanding dengan 2,227 orang;

(iii) jumlah bankrap yang membuat bayaran ansuran bulanan juga meningkat sebanyak 23.8 peratus daripada 30,750 orang kepada 38,063 orang; dan

(iv) MDI juga mendapati bilangan pertanyaan yang diterima oleh Unit Aduan MDI telah menurun daripada 101 kepada 88 orang. MDI yakin kekurangan ini berpunca daripada kesedaran yang diperoleh oleh orang awam daripada program-program yang dilaksanakan dan dicapai maklumat melalui media massa dan juga laman web MDI sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh sehingga bulan Oktober 2012 terdapat seramai 6,203 individu bankrap disebabkan oleh kegagalan menjelaskan hutang kad kredit. Jumlah ini merupakan 4.91 peratus daripada jumlah kes kebankrapan yang ditadbirkan oleh pihak MDI. Berkaitan undang-undang BAFIA bagi melindungi pengguna daripada dieksploit oleh bank, seksyen 97, Akta Bank dan juga Institusi-institusi Kewangan 1989 (BAFIA) memberi perlindungan kepada pelanggan di mana makluman pelanggan tidak boleh didedahkan oleh bank dan institusi kewangan. Jika disabitkan, boleh dihukum penjara tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM3 juta. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan tambahan saya ingin mengucapkan selamat datang kepada anak-anak kita daripada UiTM Shah Alam... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum, mereka yang bankrap disebabkan gagal bayar pinjaman rumah, kereta, perniagaan dan ramai yang tidak faham tentang prosedur undang-undang sehingga mereka diserahkan notis kebankrapan atau perintah kebankrapan. Sebanyak 70 peratus yang bankrap adalah lelaki. Wanita tidak ada pula disebut kerana wanita suka bayar hutang. Ini diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Perhimpunan Agung yang lalu. Tahniah wanita.

Manakala lelaki pula menjadi ketua keluarga yang mencari rezeki untuk isteri dan anak-anak, dilaporkan di akhbar bahawa 80 peratus daripada aduan muflis yang diterima oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia adalah usahawan bumiputera.

Bila muflis, mereka tidak mempunyai pekerjaan, tidak mempunyai kewangan dan mungkin ada yang dipenjarakan sebab tidak mampu bayar hutang, manakala nama mereka di*blacklisted* atau disenaraihitamkan. Jadi soalan saya, sejauh manakah sistem yang ada sekarang dapat membantu individu yang bebas daripada muflis, terutamanya usahawan termasuk usahawan bumiputera, untuk berdiri semula dan kepada yang berniaga, mampu menjalankan perniagaan mereka dengan sokongan agensi tertentu. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan akan mengkaji semula Akta Kebankrapan 1967. Jadi, bilakah ianya akan dipinda? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah atas soalan tambahan yang begitu relevan sekali. Pada saat ini kita tidak dapat nafikan bahawa wanita ini merupakan macam juga Menteri Kewangan dalam sebuah *family* atau keluarga. Mereka memang cekap dan juga efisien untuk mengendali hal ehwal kewangan sesebuah keluarga.

Jadi, dalam hal ini kita kena faham bahawa apabila seseorang dibankrapkan iaitu mereka yang tidak dapat bayar hutang yang mereka pinjam daripada pihak bank ataupun daripada pihak kreditor ataupun individu. hutang tidak dibayar. Tindakan mahkamah diambil terhadap mereka yang berhutang itu. Sekiranya di mahkamah tidak dapat menjelaskan hutang ataupun kalah dalam perbicaraan, jadi mahkamah akan menjatuhkan perintah iaitu perintah penerimaan dan juga perintah adjudikasi yang mengiktiraf mereka sebagai seorang bankrap.

Jadi, amatlah penting apabila seseorang itu diiktiraf sebagai seorang bankrap, dia kena dalam masa yang munasabah datang ke pihak MDI untuk mengendalikan kesemua hal ehwal bankrap dengan pihak Pengarah Insolvensi dan juga menghadiri semua mesyuarat yang telah pun diberitahu kepada pihak yang bankrap. Ini amatlah penting kerana ini akan menjadi satu faktor apabila mereka kena memohon daripada pihak MDI mendapatkan sijil pembatalan. Selain itu kena juga bekerjasama rapat dengan pihak MDI, memberikan makluman mengenai aset-aset mereka. Juga yang penting sekali pada masa itu apabila diisytiharkan bankrap, jangan lagi mendapat kredit hutang daripada sesiapa pun ataupun institusi-institusi berkenaan kerana ini akan menambahkan lagi hutang mereka kepada kreditor tersebut.

Jadi, ini amatlah penting, kerjasama rapat daripada pihak bankrap dan juga dengan pihak MDI. Saya difahamkan ramai yang telah pun diisytiharkan bankrap oleh mahkamah, mereka tidak ambil peduli dengan perintah yang telah pun dijatuhkan terhadap mereka. Selepas mungkin tiga tahun, empat tahun ataupun lima tahun, mereka mahu pergi luar negara ataupun hendak pergi haji di Tanah Suci dan tidak dapat berbuat demikian kerana ada perintah menahan mereka keluar daripada negara. Itulah mereka yang tidak ambil peduli mengenai tahap kebankrapan mereka. Jadi mereka kenalah datang ke pejabat untuk mengendali semua hal ehwal mereka.

■1130

Selain daripada itu, kita juga kena faham bahawa ada tiga cara yang penting untuk membatalkan kebankrapan ini. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat yang sedia maklum di sini, cara pertama ialah di mana pembatalan dibuat oleh pemiutang itu iaitu mereka telah pun menyelesaikan hutang itu. Jadi secara automatik sekiranya hutang itu telah pun diselesaikan dibayar, jadi tidak ada hutang, boleh pohon kepada pihak mahkamah untuk membatalkan perintah. Kedua ialah memohon kepada mahkamah untuk membatalkan perintah penerimaan dan adjudikasi. Apabila ini dibuat, ini akan mengambil masa panjang sedikit kerana kena suruh peguam pergi ke mahkamah dan kena bayar peguam dan ini akan ambil masa yang panjang.

Cara yang lebih cepat ialah mendapatkan sijil pembatalan daripada Pengarah Insolvensi. Akan tetapi untuk Pengarah Insolvensi mempertimbangkan permohonan untuk mengeluarkan sijil bankrap ini, pertama kali apabila disiarkan bankrap, kenalah datang ke pejabat MDI untuk bekerjasama seperti yang saya katakan tadi, *that's very important,* untuk pihak MDI mempertimbangkan permohonan untuk mengeluarkan sijil pembatalan bankrap kerana mengeluarkan sijil ini adalah dalam kuasa Pengarah MDI ini. Akan tetapi kuasa itu akan dijalankan sekiranya kerjasama yang telah pun dibuat oleh pihak bankrap.

Pihak Pengarah Insolvensi kenalah mempertimbangkan apa sebab bankrap di bankrapkan dan juga masa ataupun *period of bankrupts,* berapa lama telah pun dijadikan bankrap dan juga aset-aset bankrap dan juga pembahagian yang dibuat dan juga pihak pengarah akan mempertimbangkan umur dan juga kesihatan bankrap.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Selain daripada itu, kelakuan bankrap dan yang paling penting sekali ialah tahap kerjasama si bankrap dengan pihak Insolvensi, ini amatlah penting. Jadi kita kenalah memberi kerjasama yang baik dengan pihak Insolvensi untuk pihak mereka mempertimbangkan permohonan mengeluarkan sijil pembatalan yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya melihat isu bankrap ini daripada dua perspektif, dua sudut. Pertama, sebelum seseorang itu menjadi bankrap dan kedua, setelah dia dijatuhkan hukuman bankrap. Tadi Yang Berhormat menyebut bahawa 38,000 telah dapat dikeluarkan daripada sindrom bankrap sejak lima tahun yang kebelakangan ini tetapi itu *numerator*. Saya yakin *denominato*mya itu makin meningkat menyebabkan jumlahnya semakin lama semakin banyak.

Jadi isunya, sebelum seseorang itu menjadi bankrap, adakah usaha-usaha di antara pihak Yang Berhormat, Jabatan MDI dan juga dengan agensi-agensi daripada Bank Negara, misalnya AKPK, yang berusaha ke arah bagaimana mendidik rakyat Malaysia supaya kita dapat mengelakkan atau mengurangkan bilangan mereka yang akan menjadi bankrap? Kalau ada usaha di peringkat awal, di peringkat preventif, mungkin. Masalah besar sebenarnya orang menjadi bankrap ialah kerana mereka gagal hadir ke hadapan, mereka gagal hadir apabila dipanggil oleh pihak kreditor, bank misalnya ataupun oleh mahkamah. Ini sebagai salah satu punca. Kalau ada usaha bersama saya rasa di antara sebelum seseorang menjadi bankrap dan selepas dia itu, sudah tentulah MDI yang akan memainkan peranan. Terima kasih.

Kedua Tuan Yang di-Pertua ialah bukan semua bankrap susah, bukan semua orang bankrap susah. Ada juga orang yang bankrap masih senang dan kaya raya. Adakah pihak MDI mempunyai mekanisme untuk mengawal mereka-mereka ini ataupun tahu kedudukan mereka ini? Ini kerana separuh, sebahagian daripada mereka menjadi bankrap semata-mata bagi mengelak daripada perlu membayar kreditor mereka. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb atas soalan tambahan ini. Saya di sini Tuan Yang di-Pertua, ingin menjelaskan mengenai isu yang saya telah pun tidak sempat menjelaskan tadi iaitu mengenai undang-undang yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah tadi.

Undang-undang berkenaan itu ialah untuk menggabungkan, *winding-up* prosiding bersama-sama dengan prosiding *bankruptcy* iaitu prosiding penggulungan dan juga *bankruptcy* digabungkan sekali dan akan mengadakan satu mekanisme menyelamat. Ini akan menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Senator. Pada setakat ini, undang-undang tidak ada di mana kita dapat menyelamatkan mereka yang berhutang daripada institusi ataupun individu. Sekiranya tidak bayar hutang, prosiding akan diambil oleh pihak institusi dan prosiding dibuat di mahkamah dan sekiranya pihak bankrap tidak ambil peduli mengenai prosiding tersebut ataupun ambil peduli tetapi kalah dalam prosiding, perintah akan dijatuhkan oleh pihak mahkamah.

Akan tetapi *rescue* mekanisme yang akan diperkenalkan dalam akta yang baru ini ialah di mana pihak MDI akan ber*negotiate*, berunding dengan pihak institusi untuk menyelamatkan pemiutang ini yang berhutang duit. Jadi sekiranya mereka dapat menyelamatkan ataupun *rescue* mereka sebelum prosiding di bawa ke mahkamah, jadi ini akan mengelakkan prosiding *bankruptcy* diambil sekiranya penghakiman dijatuhkan terhadap pemiutang. Jadi ini adalah satu mekanisme yang akan diperkenalkan untuk mendorong mereka yang tidak dapat membayar hutang mereka. Akan tetapi ini tidaklah memberi galakan kepada mereka teruskan hutang dan tidak bayar kerana hutang mesti kena dibayar. Itu kita kena faham.

Keduanya ialah mengenai *restriction* seseorang bankrap sekiranya dia telah pun dibankrapkan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum di Dewan yang mulia ini, sekiranya seseorang itu bankrap, dia tidak bolehlah dicalonkan nanti dalam pilihan raya yang akan datang ini. Tidak boleh calon, tidak boleh dijadikan calon dan juga tidak boleh mengambil peranan dalam apa-apa saja *office* seperti *office counselor* ataupun *local authority* ataupun *maintain* sesuatu *action* dalam mahkamah ataupun tidak boleh keluar daripada negara ini tanpa kebenaran daripada pihak Pengarah Insolvensi atau pun mahkamah. Juga tidak boleh *enter* suatu kontrak dengan sesiapa saja kerana dia telah pun bankrap dan apa saja yang dia kena buat, dia kena memaklumkan kepada pihak MDI kerana pihak MDI lah yang akan menjadi dia punya, *we step into their shoes* apabila seseorang telah dijadikan bankrap.

Jadi inilah *restriction* ataupun kesukaran yang dihadapi oleh seseorang bankrap, tidak peduli sama ada pada masa dia dibankrapkan itu dia ada kedudukan dalam masyarakat ataupun tidak. Jadi dengan itu...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh mencelah Yang Berhormat?

Datuk Liew Vui Keong: Boleh, silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya rasa semangat daripada soalan Dato' Najeeb tadi ialah bahawa ada pihak-pihak yang menggunakan *loopholes* dalam undang-undang *bankruptcy* ini yang agak sukar dikesan. Jadi ini bagaimana? Apa usaha-usaha untuk memastikan supaya pihak-pihak yang sengaja mengambil kesempatan kepada *loopholes* itu tidak lagi menggunakannya? Itu semangat daripada soalan itu Yang Berhormat, kalau itu dapat dijelaskan. Apa usaha-usaha kerajaan, usaha pihak yang berkenaan untuk memastikan bahawa mereka yang bankrap ini walaupun dikatakan macam-macam undang-undang, tidak boleh keluar negeri, tidak boleh buat *sign* kontrak tapi masih lagi hidup mewah dan ini berlaku, dan saya percaya Dato' Najeeb adalah seorang *banker* dan dia tahu hal-hal begini. Jadi, inilah isu yang menjadi persoalannya. Kalau peraturan-peraturan itu kita tahu semuanya. Jadi, bagaimana untuk memastikan bahawa *loophole* itu tidak disalahgunakan? Terima kasih.

■1140

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa apabila perintah bankrap ini dijatuhkan terhadap seseorang individu, jadi ia tidak melibatkan ahli-ahli keluarga mereka ataupun isteri ataupun suami. Kadang kala masalahnya ialah bahawa isteri mereka atau suami mereka yang tidak dibankrapkan itu mengadakan kehidupan yang mewah dan mereka macam boleh tumpang dalam kehidupan itu. Orang awam ataupun yang di luar itu mengadakan satu persepsi terhadap bahawa mereka ini hidup mewah.

Akan tetapi walau bagaimanapun pihak MDI sememangnya kena menyiasat semua bankrap yang telah pun disahkan bankrap dan aset-aset mereka kena diambil ataupun di kendalikan oleh pihak MDI. Tidaklah wujud di mana *loopholes* seperti yang dikatakan tadi, kalau tidak ada menspesifikasikan *loopholes* apa yang dikatakan itu, saya rasa sukarlah untuk saya menjawab soalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Melainkan untuk mengatakan sekiranya kita mendapati seseorang itu bankrap dan hidup mewah, bolehlah memaklumkan mereka itu kepada MDI...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: *No, no* Yang Berhormat, tidak boleh.

Datuk Liew Vui Keong: Ini soalan – jadi, kita kena menyiasat dan kita akan ambil tindakan dalam perkara ini. Akan tetapi saya rasa perkara seperti begitu amatlah spesifik dan kita memerlukan maklumat yang lebih lanjut. Sekian, terima kasih.

6. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta yang mendapat kelulusan tetapi gagal mendapatkan sijil akreditasi dalam tempoh yang ditetapkan dan nyatakan program pengajian yang berkaitan.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 2010 sehingga 2012, tidak terdapat program pengajian ditawarkan oleh IPTA mahupun IPTS yang telah diluluskan oleh KPT tetapi gagal mendapatkan perakuan akreditasi dalam tempoh yang ditetapkan. Perakuan akreditasi merupakan satu perakuan rasmi bahawa sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan kepada graduan mencapai standard kualiti dan kriteria serta selaras dengan kerangka kelayakan Malaysia sebagaimana yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau dengan izin, *Malaysian Qualifications Agency* atau MQA.

Mana-mana program pengajian yang telah diluluskan oleh KPT boleh membuat permohonan akreditasi sementara kepada MQA dan kemudiannya memohon akreditasi penuh apabila sesuatu program pengajian itu telah mencapai tempoh matang. Biasanya permohonan untuk mendapatkan akreditasi penuh dilakukan apabila kumpulan pertama pelajar program pengajian berkenaan berada di tahun akhir pengajian. Kegagalan IPTS mendapatkan akreditasi penuh boleh mengakibatkan kelulusan pengendalian kursus tidak diperbaharui setelah tamat tempoh sah laku selama lima tahun oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Sekian.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkenaan apakah standard ataupun piawaian yang ditetapkan berkenaan dengan penyediaan struktur fizikal bangunan pusat-pusat pengajian tersebut daripada sudut struktur sendiri dan juga lokasi. Adakah penyediaan struktur bangunan pada hari ini melibatkan lot-lot kedai yang digabungkan menjadi tempat pembelajaran dan juga asrama telah menepati piawaian yang ditetapkan dalam MQA?

Ini kerana bagi saya penyediaan infrastruktur ataupun bangunan-bangunan sebegini adalah penyediaan suasana pembelajaran yang tidak konduksi bagi pelajar dan juga tidak kondusif daripada sudut keselamatan dan juga disiplin pelajar. Soalan saya adakah penyediaan tempat-tempat begini menepati piawaian yang ditetapkan oleh MQA?

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya dua isu ini adalah berlainan. MQA hanya menjaga kualiti kursus. Dari segi kelas, *lecture hall* ataupun bangunan ia di kawal oleh Jabatan Pengajian Tinggi. Jadi, Jabatan Pengajian Tinggi akan melihat dari segi sama ada kondusif tempat itu sesuai untuk belajar dan kita selalu mengambil maklum ataupun menyelia keadaan. Kalau ada apa-apa aduan ataupun tidak menepati apa yang diminta oleh Kementerian Pengajian Tinggi, kita akan ambil tindakan dan juga memberikan kompaun kepada kolej ataupun kolej universiti ataupun universiti tersebut. Sekian.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah mengenai kecenderungan beberapa IPTA yang ingin ataupun pernah atau sedang memberikan program ijazah sedangkan ijazah tersebut tidak diiktiraf oleh MQA. Secara spesifiknya saya ingin sentuh tentang Program Luar Kampus, Pengajian Luar Kampus yang ditawarkan oleh UUM di Kota Kinabalu.

Program Ijazah Pengurusan ini sedang dijalankan di Kota Kinabalu sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Akan tetapi saya difahamkan bahawa ijazah tersebut belum diiktiraf oleh MQA. Jadi, saya harap kementerian dan saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh UUM ini khasnya kementerian untuk memastikan bahawa program seperti ini yang sedang dijalankan dapat diiktiraf secepat mungkin oleh MQA demi kebajikan dan kepentingan pelajar-pelajar yang telah dan sedang mengambil kursus tersebut? Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, saya akan mengumpulkan ataupun mendapatkan lebih banyak maklumat dan kita akan menyiasat tentang apa isu ini sebab saya baru menerima isu yang seperti ini. Sejauh yang saya faham, memang Kementerian Pengajian Tinggi kita sangat serius tentang semua kursus yang dikendalikan sama ada di kolej ataupun universiti.

Kalau ada kolej ataupun universiti yang tidak mematuhi kehendak Kementerian Pengajian Tinggi, itulah tindakan yang kita ambil. Kalau ada apa-apa aduan dan pasukan penguatkuasaan kita juga akan ambil tindakan. Itu yang kita lakukan untuk memastikan kerja ini atau pun tindakan ini akan diteruskan. Jadi, untuk soalan ataupun isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya akan ambil maklum dan juga menyiasat tentang isu tersebut. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Pertanyaan yang ketujuh dipersilakan Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah. Saya minta kalau boleh semua pihak jawab dengan tepat, ringkas dan padat dan soalan tambahan pun jangan meleret-leret dan padat juga untuk membolehkan kita menjawab lebih banyak soalan-soalan. Teruskan.

7. Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, dalam Bajet 2013, diumumkan 57 buah Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) dibuka di Sabah dan Sarawak. Oleh sebab jarak satu kampung ke satu kampung adalah jauh, adalah perlu produk-produk KR1M ini sampai ke kampung pedalaman supaya barang-barang kos lebih murah dapat dinikmati oleh penduduk luar bandar dan penduduk yang tiada kemudahan pasar raya yang harganya lebih berpatutan. Bolehkah pihak berkenaan melantik kedai-kedai runcit kampung sebagai agen produk-produk KR1M supaya lebih banyak lagi KR1M ini beroperasi dan manfaatnya boleh dirasai oleh rakyat yang betul-betul susah dan kurang kemampuan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Projek Kedai Rakyat 1 Malaysia atau (KR1M) adalah berlandaskan prinsip 1Malaysia di mana semua rakyat khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana mendapat manfaatnya.

Pada tahun 2013, kerajaan menyasarkan sebanyak 57 KR1M akan dibuka di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, yang mana sekurang-kurangnya sebuah KR1M akan dibangunkan di setiap kawasan Parlimen di negeri-negeri tersebut. Di samping itu juga, produk KR1M turut disebarluaskan melalui Projek Mobile KR1M di bawah *National Blue Ocean Strategy*. Projek perintis *Mobile* KR1M sedang giat dilaksanakan di Kota Marudu, Kudat dan Keningau di Sabah serta di Baram, Miri dan Limbang di Sarawak.

■1150

Mulai tahun 2013, produk KR1M juga merupakan antara barangan yang terlibat di bawah Projek Penyeragaman Harga yang mana kerajaan memberi subsidi pengangkutan ke atas penghantaran barangan keperluan harian ke kawasan pedalaman di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga kini, sebanyak 519 buah kedai runcit di pedalaman Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah bertindak sebagai *point of sale* bagi tujuan tersebut.

Selain daripada produk KR1M, ada juga diedarkan secara meluas khasnya di kawasan-kawasan pedalaman di Sabah, Sarawak dan Labuan iaitu produk KOOP 1Malaysia dan ada 397 *outlets* di seluruh Malaysia. Terima kasih.

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang amat gembira mendengar bahawa kerajaan telah mewujudkan sampai 515 *point of sales.* Ini bermaksud bahawa memang sudah masuk ke pedalaman. Tadi ada dinyatakan bahawa ada *mobile unit* KR1M. Bolehkah saya mendapatkan sedikit penjelasan tentang *mobile unit* KR1M ini. Adakah *mobile* ini yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat di kawasan-kawasan pedalaman kerana pengalaman saya dulu, memang kedai-kedai runcit di pedalaman ini memang sukar untuk memberi banyak barangan untuk keperluan rakyat di situ. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Senator Datuk Raja Ropiaah. *Mobile* KR1M adalah sesuatu yang baru kita luluskan baru-baru ini iaitu di bawah *National Blue Ocean Strategy.* Bermakna bukan kementerian ini sahaja tetapi melibatkan kementerian-kementerian lain termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Modus operandinya ialah barang-barang keperluan dibawa melalui *transporter* melalui Program Penyeragaman Harga di mana *transporter* ini akan membawa dari segi apa yang ditempah oleh kedai-kedai runcit yang dilalui oleh *transporter* tersebut. Jadi bermakna dia akan melalui katalah di Baram. Di sini, yang kita kata di Baram di Sarawak ini memang di pedalaman Sarawak. Jadi mana-mana kedai-kedai runcit yang dilalui oleh *transporter* atau pengangkutan akan juga membawa barang-barang yang diperlukan oleh kedai-kedai runcit ini dan barang-barang ini bukan sahaja barang-barang yang dikendalikan di bawah kementerian seperti barangan KR1M, KOOP 1Malaysia dan juga barang-barang bersubsidi tetapi termasuk juga barang-barang yang dikendalikan oleh FAMA.

Jadi kedai-kedai ini akan diberi perkhidmatan oleh *transporter-transporter* yang mana kontraknya dijaga oleh kementerian ini. Jadi ini akan menyebar luaskan lagi kawasan-kawasan yang diliputi oleh kementerian ini dan juga kementerian-kementerian yang lain yang mempunyai produk yang akan diagihkan kepada semua kedai runcit. Jadi dengan cara demikian, harga-harga akan dikawal sama sebab kos-kos pengangkutan telah ditanggung oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan saya ialah adakah produk-produk KR1M ini juga dibekalkan ke *supermarket* yang besar-besar. Saya terjumpa di satu *supermarket* produk KR1M. Saya tidak ingat. Mungkin minuman *soya bean* dalam botol yang setengah liter itu. Harganya RM1. Saya lihat ada orang ambil sampai 50 botol. Jadi produk ini sebenarnya untuk masyarakat kampung. Kalau yang pergi ke *supermarket* besar itu ialah orang sederhana dan berkemampuan. Jadi kalau ini benar, saya rasa memang benar kerana saya jumpa. Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan supaya subsidi yang diberikan oleh kerajaan ini benar-benar sampai kepada rakyat bawahan? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Jadi, pertamanya produk-produk KR1M ini memang kita khususkan kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana tetapi sebenarnya buat masa ini kita membuatkan produk-produk KR1M dan juga kedai-kedai KR1M ini adalah khususnya sebagai satu pilihan. Jadi sebab didapati bahawa kadang-kadang produk berjenama ini harganya agak tinggi dan kadang-kadang di luar kemampuan. Jadi oleh yang demikian, kita telah mengagihkan selain daripada kedai KR1M sendiri, kita juga membenarkan produk-produk KR1M ini dibekalkan kepada semua kedai-kedai runcit yang hendak membeli dan termasuk mungkin, Yang Berhormat, *hypermarket* juga ada yang membawa produk KR1M. Bermakna kami amat berbesar hati, Yang Berhormat sebab nampaknya *hypermarket* besar juga telah mengambil produk KR1M.

Memang kita alu-alukan dan pada masa ini memang tidak ada had. Untuk makluman, sebagai tambahan, produk-produk KR1M sekarang ini sudah mencecah 339 jenis produk atau SKU. Dicampurkan lagi dengan produk KOOP 1Malaysia, ada 71 jenis barangan dan ditambah produk FAMA ada 67. Dicampurkan pula dengan tujuh barang kawalan dan kami berharap *insya-Allah* dalam tahun depan, kita boleh menambahkan lagi bilangan produk ini dan ini membuka ruang dan peluang juga kepada IKS-IKS tempatan. Terima kasih.

8. To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah penjawat awam masa kini serta nyatakan jumlah penjawat awam perkhidmatan kontrak, sambilan dan sementara serta nyatakan langkah-langkah kerajaan untuk menetapkan penjawat jawatan ini ke jawatan tetap bagi menjamin masa depan mereka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, sehingga 16 November 2012, jumlah penjawat awam lantikan tetap adalah seramai 1.4 juta manakala jumlah pegawai yang dilantik secara lantikan kontrak sementara dan sambilan harian adalah seramai 59,680 orang. Daripada jumlah 59,680 orang tersebut, 49,816 orang adalah lantikan kontrak di mana 9,584 orang iaitu 19.2 peratus adalah mengisi jawatan tetap di bawah peruntukan OS 11,000 dan 40,232 orang ataupun 80.8 peratus dilantik tidak bersandarkan jawatan di bawah peruntukan OS 2:9000.

Kerajaan tidak bercadang untuk melantik tetap pegawai-pegawai lantikan kontrak sedia ada oleh sebab lantikan mereka hanya dibuat bagi tujuan melaksanakan projek-projek sementara ataupun *ad hoc*, bermusim atau atas keperluan tertentu yang tempoh masanya adalah terhad. Pelantikan tetap pegawai berkenaan akan menyebabkan kerajaan perlu mewujudkan jawatan tetap tambahan. Namun dari segi keperluannya tidaklah berterusan seperti mana kewujudan jawatan tetap sedia ada. Walau bagaimanapun, kerajaan akan menimbangkan pelantikan tetap bagi pegawai kontrak yang sedang mengisi jawatan tetap tertakluk kepada pegawai memenuhi syarat skim perkhidmatan yang berkenaan serta mempunyai prestasi yang baik dan diperakui oleh Ketua Jabatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat, agaknya kita setakat itu sahajalah soalan-soalan lisan yang kita dapat hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG HAKMILIK STRATA (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". ***[3 Disember 2012]***

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyambung memberikan huraiannya. Silakan, Yang Berhormat.

11.59 pg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, selamat tengah hari dan terima kasih. Semalam sebentar tadi, saya telah mengatakan dan saya terus menyambungkan pembentangan rang undang-undang berkenaan.

■1200

Semalam saya telah menyatakan bahawa kementerian saya mencadangkan sejumlah 46 cadangan pindaan. Perincian kepada pindaan-pindaan tersebut adalah seperti berikut:

(a) dipinda Bahagian II, Bahagian III dan Bahagian IV akta berkenaan bagi mengubah prosedur kerja permohonan hak milik strata. Dengan kaedah baru ini, hak milik strata akan boleh diserahkan kepada pemohon serentak dengan penyerahan *vacant position* dengan izin;

(b) dipinda seksyen 8 iaitu tempoh masa dan keadaan-keadaan di mana tuan tanah atau pemaju wajib mengemukakan permohonan pecah bahagi bangunan atau tanah. Seksyen ini membolehkan pihak berkuasa negeri mengambil tindakan penguatkuasaan kepada pemaju yang gagal memohon termasuklah bangunan-bangunan lama. Kegagalan mematuhi kehendak seksyen 8 ini membolehkan tuan tanah atau pemaju dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dijatuhi hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-dua sekali jika sabit kesalahan;

(c) diwujudkan seksyen 8A yang baru di mana pemaju perlu mendapatkan sijil cadangan pelan strata atau *certificate of propose strata plan* dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dan perlu dikemukakan semasa permohonan pecah bahagi bangunan di bawah seksyen 9;

(d) dipinda seksyen 9 di mana permohonan hanya boleh dikemukakan bagi tanah yang dipegang di bawah hak milik tetap serta tiada bebanan di atas tanah tersebut;

(e) diwujudkan seksyen 9A yang baru bagi membenarkan pengeluaran hak milik strata sementara di bawah borang 4A *provisional strata title* ke atas petak tanah bagi pembangunan berfasa;

(f) diwujudkan seksyen 17A di mana *subsidiary management corporation* serta *limited common property* boleh diwujudkan bagi mewakili kepentingan yang berbeza. Misalnya pemilik petak kediaman dan pemilik petak komersial dalam satu skim strata. *Subsidiary management corporation* dan *limited common property* ditetapkan menerusi persetujuan komprehensif yang diperoleh di dalam mesyuarat agung tahunan atau mesyuarat agung luar biasa perbadanan pengurusan;

(g) dimansuhkan Bahagian VII pengurusan bangunan yang di pecah bahagi dan Bahagian IXA Lembaga Hak Milik Strata di dalam akta ini dan dipindah masuk ke dalam Akta Pengurusan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini adalah dipertanggungjawabkan dan ia bertujuan untuk mewujudkan pengkhususan bidang kuasa bagi urusan permohonan dan pendaftaran hak milik strata di bawah NRE manakala pengurusan bangunan dikhususkan di bawah KPKT;

(h) Jadual Kelima dipinda bagi mengemas kini prosedur pendaftaran hak milik strata secara manual kepada sistem pendaftaran hak milik strata secara berkomputer melalui sistem pengkomputeran hak milik strata; dan

(i) diperkenalkan Jadual Keenam yang baru selaras dengan pelaksanaan sistem pentadbiran tanah elektronik bagi hak milik strata yang akan dilaksanakan kelak.

Seperti yang dinyatakan pada awal pembentangan tadi, cadangan pindaan ini telah melalui perundingan yang teliti dan melibatkan semua pihak agensi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri serta badan-badan berkanun atau NGO.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan tadi juga Akta Hak Milik Strata dibuat di bawah fasal 4, Perkara 76, Perlembagaan Persekutuan dan menyentuh kuasa-kuasa negeri. Oleh itu Perkara 91, Perlembagaan Persekutuan mengehendaki pindaan kepada undang-undang sebegini di bincang terlebih dahulu dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan pindaan yang saya bentangkan sebentar tadi telah pun diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 16 Mac 2012 dan seterusnya oleh Majlis Tanah Negara yang ke 68, pada 9 Ogos 2012.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong, silakan.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang–undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hak Milik Strata 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman.

12.07 tgh.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya lebih berminat untuk membahaskan *strata management title* tetapi saya mengambil kesempatan untuk berbahas rang undang-undang ini juga. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar di atas inisiatif untuk meminda Akta Strata 1985 ini. Bukan sahaja itu, kita juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk membentangnya. Bukan sehari, dua hari pula.

Di antara tajuk pindaan rang undang-undang ini ialah untuk mempercepatkan proses *issue of strata title,* dengan izin.

Kalau dahulu permohonan untuk mendapatkan hak milik strata hanya dibuat apabila berlaku penjualan, tetapi sekarang di bawah fasal 7 permohonan di wajib dibuat walaupun bangunan masih di dalam pembinaan. Jika pemaju-pemaju tidak membuat permohonan di dalam masa yang ditentukan, mereka bukan sahaja boleh didenda tetapi boleh di penjara. Saya sendiri tidak faham kadangkala mengapa lambat sangat hendak isu hak milik strata ini.

Ini memberi masalah yang besar kepada pembeli. Apa yang mereka ada hanya dokumen jual beli, tidak ada *title*. Kadangkala bank tidak terima untuk mendapat pinjaman kalau lama sangat tidak dapat *title*. Hendak mewarisi harta kediaman kepada anak pun susah. Saya berharap dengan pindaan yang dicadangkan ini, akan dapat mengatasi masalah yang lama, tetapi saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan beberapa isu.

■1210

Pertama di bawah seksyen 9A, permohonan boleh dibuat oleh seseorang pemilik di dalam Skim Rumah Murah untuk mendapat hak milik dan pihak berkuasa negeri boleh mengeluarkan hak milik ini. Saya hendak minta penjelasan dari Menteri, mengapa dalam Skim Rumah Murah sahaja seorang pemilik individu boleh membuat permohonan. Tidak bolehkah permohonan ini dibuat oleh pemilik-pemilik skim yang lain?

Kedua, apa yang akan terjadi kepada pemilik-pemilik unit-unit rumah di mana permohonan tidak dibuat berpuluh-puluh tahun. Pemaju pun tidak tahu ke mana sudah. Kalau tidak salah, Menteri kata semalam ada 60 ribu unit seumpama itu. Saya berharap satu kaedah dapat dicari untuk membolehkan pemilik-pemilik ini mendapat *title*. Makin lama kita tunggu, makin susah untuk diselesaikan. Lagi satu masalah yang saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri ialah kita ada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan kita ada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Apabila skim hendak dimulakan, pemaju membuat permohonan kepada Majlis Tempatan masing-masing. Lesen pemaju dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis Tempatan adalah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Soalannya siapa atau kementerian manakah yang ditugaskan untuk kawal selia penerbitan strata title ini. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kah ataupun Kementerian Sumber Asli? Saya tanya ini sebab saya fikir salah satu faktor mengapa strata title mengambil masa yang begitu lama pada masa yang lepas ialah pertindihan kuasa di antara dua kementerian ini?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan memotong peruntukan mengenai pengurusan strata itu, itu saya setuju supaya ia ditadbir oleh Akta Pengurusan Strata yang kita akan bahas nanti apabila ianya dibentangkan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat semua mengikut, ada dua akta berasingan di bawah kementerian tersebut yang disebut oleh Yang Berhormat. Dia peka dan prihatin mengenai perkara ini. saya harap Ahli Yang Berhormat yang lain juga mesti faham.

Sekarang ini saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Tidak ada? Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi nama kepada saya, tentukan berada dalam Dewan untuk menjimatkan masa. Mempersilakan Yang Berhormat.

12.13 tgh.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi saya ruang untuk membahaskan di bawah Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 1985. Terlebih dahulu saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri kerana sudi membentangkan rang undang-undang ini.

Saya juga amat tertarik untuk membahaskan sedikit rang undang-undang ini sebab saya merasakan masalah yang dihadapi oleh pemilik dan juga pemaju apabila kita membuat pembangunan untuk mendapatkan hak milik strata ini secara rambangnya mengambil masa hampir dua tahun. Jadi saya rasa ini sangat lama. Apabila kita membeli sebuah rumah, hendak tunggu hak milik strata ada kalanya sehingga melebihi dua tahun pun ada kes-kes pun yang berlaku. Jadi tahniah kepada kementerian kerana mengambil inisiatif untuk memastikan tempoh masa ini dapat kita kurangkan. Ini adalah penting sebab kalau kita tengok di negeri-negeri atau di kawasan-kawasan bandar yang mana banyak perumahan rumah pangsa, jadi kepentingan untuk mendapatkan hak milik strata ini perlu kita titik beratkan.

Saya juga ingin memberikan sedikit komen mengenai fasal 7 dalam rang undang-undang ini yang mana tadi ada disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim iaitu kita boleh permohonan hak milik strata boleh dibuat walaupun pembinaan sedang dijalankan. Ini adalah baik, tetapi kita perlu juga melihat impaknya dari sudut yang berlainan. Sekiranya kita membuat permohonan di waktu awal, maknanya sebelum penjualan unit dan petak telah dinamakan. Maknanya unit 'A' dengan petak yang mana. Jadi sekiranya kita buat di peringkat awal, sewaktu penjualan bermakna pembeli tidak mempunyai pilihan. Maknanya dia mahukan tempat letak keretanya di mana berbanding dengan unit yang dimiliki. Kurang pemilihan kepada pembeli, yang pertama.

Kedua, kepada pembangunan. Sekiranya kita membuat *construction* dengan izin. Katalah sewaktu *construction* kita dapati ada batu, pelan harus diubah. Jadi apa akan berlaku sekiranya pelan perlu diubah sedangkan petak itu telah dinamakan dengan terlebih awal. Jadi, adakah kementerian kaji impak ini dan apakah tindakan yang akan diambil sekiranya terdapat perubahan sewaktu pembinaan untuk mengelakkan akan mengambil masa yang panjang kemudiannya untuk mendapatkan hak milik strata.

Saya juga difahamkan di negeri-negeri seperti Perak, Pahang, Perlis, Terengganu dan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan juga Melaka telah berjaya memproses pendaftaran pindah milik tanah 100 peratus dalam masa sehati. Akan tetapi di Pulau Pinang memakan masa sangat lama. Jadi, bolehkah kementerian memberikan penjelasan kenapa ianya tidak diselaraskan di seluruh Malaysia? Kenapa negeri lain, lain praktiknya dan di negeri lain, lain pula yang dipraktikkan. Ini kalau boleh saya perlukan penjelasan. Saya juga difahamkan masih ada lagi pemaju-pemaju yang tidak membuat permohonan *strata title*, walaupun rumah telah siap dibina berpuluh tahun. Jadi apakah tindakan kementerian walaupun kita ada *Strata Title Act*, adakah kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah yang mana belum memohon untuk Akta Hak milik Strata ini.

Mengenai sistem pengkomputeran. Ini saya rasa juga amat penting sebab apabila kita membuat penukaran nama pemilik tanah, kita menggunakan sistem komputer. Adakah pemilik asal itu dimaklumkan sekiranya ada pertukaran ataupun pertukaran ini tidak dimaklumkan. Maknanya ianya akan membahayakan kepada pemilik asal yang menjual rumah atau sekiannya. Saya juga amat bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim tadi. Sebenarnya kita dengan izin, *confused*, keliru apabila kita ada Menteri Sumber Asli yang membuat ini dan juga Kementerian Perumahan.

Jadi saya mencadangkan sekiranya patut diwujudkan satu unit khas, saya tidak pasti di bawah kementerian mana tetapi saya rasa unit khas ini perlu diwujudkan supaya pemproses hak milik strata ini dapat dipercepatkan. Jadi sebagai pemaju atau pembeli rumah dia akan tahu, kalau dia beli rumah ke mana harus dituju sekiranya dia ingin mendapat penjelasan mengenai status hak milik strata. Ini kerana kita jadi keliru, kita tidak tahu kementerian mana yang harus kita rujuk dalam hal ini. Jadi saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ini kerana tadi saya tengok Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah tidak ada, dia baru sampai. Saya mempersilakan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak menjelaskan lagi bahawa Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah telah menghantar nota meminta kebenaran bercakap selepas 2.30 petang. Barangkali nota tadi...

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana kebetulan tidak ada orang yang hantar nama ini. Kalau sekiranya Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah tidak bersedia, ada yang lain yang hendak bercakap? Sila.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Tidak apa. Saya boleh. *Insya-Allah*, saya cuba.

Dr. Syed Husin Ali: Dia sudah datang.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah bersedia?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Sudah bersedia.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh sudah?

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Okey silakan.

12.19 tgh

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan mohon maaf atas sedikit kesilapan teknikal.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, *no problem.*

■1220

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengalu-alukan dan sangat gembira dengan perubahan dan pindaan yang akan dibuat kepada Akta Hak Milik Strata 1985 melalui pindaan pada kali ini. Ada dua tiga isu yang saya ingin ketengahkan iaitu pertamanya berkenaan dengan kelewatan pengeluaran hak milik strata. Masalah ini cuba diatasi dengan beberapa pindaan yang telah dibuat melalui akta ini khususnya pada fasal 8. Melalui fasal 8 ini, kalau pada asalnya permohonan untuk hak milik strata sebelum ini boleh dibuat enam bulan daripada tarikh siap ataupun tarikh perjanjian jual beli tetapi sekarang boleh dibuat dalam masa tiga bulan daripada tarikh pengeluaran dokumen yang memperakui peringkat struktur utama.

Jadi kita lihat permohonan boleh dibuat lebih awal. Akan tetapi saya melihat kelewatan pengeluaran hak milik strata ini bukannya berpunca satu-satunya daripada permohonan yang lambat tetapi kebanyakannya ataupun ada yang berpunca daripada masalah-masalah lain khususnya masalah berkenaan dengan bangunan itu sendiri yang tidak *comply*, tidak menepati dengan akta-akta yang dikawal selia oleh pihak berkuasa tempatan seperti Akta Perancang Bandar dan Desa dan juga Akta Jalan, Parit dan Bangunan. Jadi kerajaan telah mengambil satu langkah untuk mengurangkan masalah ini dengan membuat pindaan melalui Akta Hak Milik Strata tetapi saya pohon kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi masalah-masalah berkaitan dengan terutamanya banyak bangunan yang tidak dapat dikeluarkan CCC. Bila tidak dapat dikeluarkan CCC, maka automatik hak milik strata tidak dapat dikeluarkan.

Jadi punca masalah. Kita melihat kepada punca masalah. Jadi bila kita hendak bagi ubat, kita tengok kepada puncanya. Mungkin ini adalah salah satu ubatnya tetapi antara yang paling perlu adalah kawal selia, pemantauan, penguatkuasaan yang lebih hebat lagi bagi Akta Jalan, Parit dan Bangunan serta Undang-undang Bangunan Seragam serta undang-undang lain yang berkaitan. Saya melihat benda ini daripada sudut penguatkuasaan ke atas bangunan itu sendiri, daripada peringkat awal pembinaan itu lagi perlu dimonitor dengan sewajarnya oleh sama ada pada hari ini pihak arkitek ataupun pihak berkuasa tempatan sendiri. Bila benda itu dimonitor secara terkawal, *insya-Allah* CCC mudah dikeluarkan dan untuk mengeluarkan hak milik strata pun tidak jadi masalah. Itu satu.

Mungkin saya boleh sebut juga di sini walaupun tidak berkait secara langsung dengan Akta Hak Milik Strata tetapi berkenaan dengan pindaan terbaru yang dibuat di dalam Akta 133 melibatkan pengeluaran CCC oleh pihak arkitek di mana PBT perlu mengeluarkan perakuan. Akan tetapi ada beberapa kes yang berlaku di mana kemungkinan disebabkan tekanan-tekanan, pihak arkitek telah mengeluarkan CCC tanpa mendapat perakuan daripada PBT di mana isu ini adalah sangat serius. Prosedur sepatutnya yang dipatuhi, prosedur yang sepatutnya mesti dipatuhi tetapi telah diabaikan. Mohon perkara ini mendapat tindakan sewajarnya oleh pihak Lembaga Arkitek.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada fasal 10. Fasal 10(1) berkenaan syarat-syarat bagi kelulusan. Di dalam rang undang-undang ini menyebut pengarah tidak boleh meluluskan pecah bahagi mana-mana bangunan atau tanah kepada petak-petak melainkan jika syarat-syarat yang berikut telah dipenuhi. Antaranya ialah; "*(b) bahawa pecah bahagi itu tidak akan melanggar apa-apa syarat atau sekatan"*. Jadi saya mempertikaikan di sini adakah pengarah boleh memastikan bahawa pecah bahagi itu "tidak akan melanggar", tidak akan. Bagi saya pengarah tidak boleh memastikan dia, "tidak akan melanggar", cuma boleh memastikan "tidak melanggar". Jadi saya mohon berkenaan dengan fasal 10(1)(b) dan (c) dilihat semula berkenaan dengan kesesuaian perkataan, "tidak akan" tersebut.

Seterusnya berkenaan dengan lambat pemindahan ataupun kelewatan pemindahan hak milik daripada pemilik asal kepada pembeli. Juga melalui rang undang-undang yang baru ini mencuba untuk mempercepatkan proses pindah milik daripada pemilik petak, pemilik asal kepada pembeli dengan meminda daripada yang asalnya selama, kepada yang baru sekarang ini 30 hari daripada tarikh pengeluaran hak milik strata. Cuma isu yang timbul dahulu, semasa akta yang lama sebelum pindaan dan masih lagi kuat kuasa sehingga sekarang ini, Akta 663 sebelum dibuat cadangan baru Rang Undang-undang Pengurusan Strata. Isu yang timbul adalah berkenaan dengan siapa yang akan menjalankan siasatan dan juga akan membuat pendakwaan bagi kes-kes tersebut. Sebabnya berlaku konflik sama ada pihak pengarah ataupun COB. Saya harap dalam mendraf, dalam Rang Undang-undang Pengurusan Strata yang akan dibincangkan nanti akan menyelesaikan isu ini. Siapa yang akan membuat siasatan dan penguatkuasaan ke atas isu-isu, kes-kes kelambatan pindah milik di antara pemilik asal dan juga pembeli.

Seterusnya berkenaan dengan isu kemudahan dan juga fasiliti bagi pembangunan-pembangunan strata. Terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan dalam pembangunan-pembangunan strata seperti gimnasium dan juga surau ataupun tempat solat. Kalau mengikut kaedah perancangan bagi 40 buah rumah ataupun petak, perlu disediakan sebuah surau ataupun musala untuk orang Islam. Cuma saya ingin mengetengahkan di sini berkenaan dengan kedudukan ataupun lokasi bagi surau-surau berkenaan. Sepatutnya surau-surau diletakkan di tempat-tempat yang lebih menonjol, bukannya disorok-sorok, bukannya diletakkan di *basement*, bukannya diletakkan di belakang-belakang, perlu diletakkan di bahagian hadapan. Ini adalah merupakan suatu syiar, suatu tarikan dan sebagai sebuah surau, bukan hanya sebagai tempat beribadat, tempat sembahyang tetapi ia adalah tempat komuniti. Jadi kita ketengahkan idea, surau bukan semata-mata tempat sembahyang tetapi tempat komuniti, tempat masyarakat bertemu, berjumpa dan berbincang.

Seterusnya berkenaan dengan permohonan. Permohonan untuk hak milik strata dalam rang undang-undang ini diawalkan iaitu dalam masa tiga bulan daripada tarikh pengeluaran dokumen yang memperakui peringkat struktur utama. Persoalannya, sekiranya selepas arkitek mengeluarkan dokumen-dokumen yang memperakui peringkat struktur utama, bangunan tersebut terbengkalai, bangunan tersebut tidak dapat disiapkan sedangkan hak milik strata kemungkinan telah pun dikeluarkan.

■1230

Jadi, adakah mana-mana peruntukan di dalam akta di dalam rang undang-undang ini yang boleh me*remedy.* Saya melihat kemungkinan berkenaan dengan penamatan pecah bahagian di seksyen asal 57 boleh diguna pakai. Akan tetapi kemungkinan pihak kerajaan perlu meneliti balik adakah seksyen 57 ini akan menepati dan boleh digunakan sekiranya berlaku kes-kes sedemikian di mana pemaju tidak dapat menyiapkan bangunan-bangunan tersebut.

Seterusnya, saya mohon sedikit penjelasan tentang cukai. Cukai strata. Adakah cukai tanah dan cukai strata, kedua-duanya dikenakan. Sama ada salah satu ataupun kedua-duanya sekali dan cukai strata itu dikenakan kepada siapa? Cukai tanah dikenakan kepada siapa? Mohon sedikit penjelasan dan setakat itu sahaja. Sekian. *Wabillahitaufik. Assalamualaikum warrahmatullaahi taala wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam warrahmatullahi taala wabarakaatuh*. Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Noriah binti Mahat. Saya rasa dalam perkara ini, sebelum saya benarkan Yang Berhormat, Yang Berhormat mesti faham akta strata ini ada dua akta yang kita bincang. Harap Yang Berhormat semua faham.

Saya nampak juga yang bercakap tadi memang faham. *Very technical*, dengan izin, dan saya harap pihak kementerian juga tolong ambil begitu minat dalam perkara ini untuk memberi jawapan yang betul-betul padat dan kena pada tempat. Juga kepada Ahli Yang Berhormat hendak berbahas tentukan, kita ada dua rang undang-undang.

Satu, rang undang-undang pengurusan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan satu lagi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Dua ini ada main peranan sebagaimana Datuk Rahim cakap sebentar tadi. Saya harap Yang Berhormat tolong fokus kepada yang mana satu akta yang hendak dibahaskan. Kita ada dua. Saya mempersilakan Yang Berhormat Hajah Noriah binti Mahat.

12.37 tgh.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warrahmatullaahi taala wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua. saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan dalam rang undang-undang yakni Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2012. Secara umumnya, pindaan Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2012 adalah satu kaedah penambahbaikan yang tepat terhadap usaha memperkemas, memperkukuh dan menambah baik sistem pentadbiran hak milik strata di negara ini dan secara langsung dapat meningkatkan keberkesanan penyampaian urusan hak milik strata di Malaysia.

Antara perkara yang penting, pindaan Rang Undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2012 ini adalah bertujuan penambahbaikan prosedur, permohonan hak milik strata iaitu dengan pelaksanaan pengeluaran hak milik strata dan *Vacant Possession* (VP) serentak. Kedua, meminda tempoh masa wajib memohon dari enam bulan kepada satu bulan dan meningkatkan penalti dengan hukuman penjara bagi memastikan pemaju tuan tanah tidak ingkar.

Ketiga, menyelaraskan bidang kuasa bagi urusan pendaftaran hak milik strata di bawah Kementerian Sumber Asli, manakala pengurusan bangunan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Manakala yang keempat, untuk membolehkan pelaksanaan sistem pentadbiran tanah elektronik bagi hak milik strata di Semenanjung Malaysia iaitu melalui seksyen baru 4b.

Antara isu-isu yang berbangkit Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, status kejayaan pelaksanaan sistem pentadbiran tanah secara elektronik. Berapa buah negeri kini yang telah menggunakan sistem pentadbiran tanah elektronik dan berapakah jumlah urusan pentadbiran tanah yang masih tertunggak walaupun selepas kaedah elektronik diperkenalkan di seluruh negara? Apakah halangan pelaksanaan dan apakah sistem penambahbaikan yang telah diperkenalkan?

Yang kedua, apakah persediaan latihan bagi tujuan meningkatkan kecekapan dan integriti pegawai dan kakitangan di pejabat tanah? Ini kerana antara halangan utama berkaitan pentadbiran pejabat tanah adalah kelemahan struktur organisasi dan kepimpinan di pejabat tanah termasuklah kekurangan tenaga kerja, kompetensi dan integriti kakitangan.

Yang ketiga, sejauh manakah keberkesanan dan perluasan aplikasi biometrik dalam proses pindah milik tanah. Adakah aplikasi biometrik juga digunakan dalam proses pemindahan atau pertukaran hak milik strata. Adalah dicadangkan agar modul pindah milik tanah yakni Borang 14a juga diwajibkan dalam proses pindah hak milik strata. Ini kerana penggunaan seksyen 302 dan seksyen 377, Kanun Tanah Negara membolehkan Pendaftar untuk memanggil pemilik strata hadir ke pejabat tanah dalam membuat pengesahan sebelum pindah milik dilakukan.

Yang keempat, seperti mana yang dimaklumkan sebahagian besar isu kelewatan pengeluaran hak milik strata adalah disebabkan kegagalan tuan tanah atau pemaju mengemukakan permohonan hak milik strata kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri. Mohon penjelasan sekiranya melalui pindaan akta ini pengeluaran hak milik strata dikeluarkan serentak bersama *vacant possession*. Berapakah tempoh masa yang diperlukan untuk pengeluaran hak milik strata.

Jika praktis sekarang masa yang diambil untuk mengeluarkan hak milik strata adalah 170 hari. Apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh kementerian terhadap permohonan yang telah ditolak atau digantung. Apakah *progress* permohonan sehingga sekarang.

Yang kelima, mengikut maklumat sehingga 15 Ogos 2012, pihak pentadbiran tanah negeri telah berjaya mendaftarkan sebanyak 978,122 hak milik strata. Malangnya sebanyak 105,133 petak tidak dapat dikeluarkan hak milik strata.

Dalam maksud lain, permohonan ditolak atau digantung. Juga difahamkan adalah punca utama penolakan adalah pembangunan bercanggah dengan syarat nyata tanah dan juga binaan tidak mengikut pelan bangunan yang telah diluluskan PBT. Perkara ini agak janggal kerana sewajarnya ketidaksepadanan projek dengan syarat nyata tanah boleh dikesan semasa peringkat awal pembangunan ataupun semasa permohonan kelulusan untuk membangunkan sesuatu projek pembinaan bangunan oleh mana-mana pihak oleh kerajaan negeri.

Justeru itu, apakah cadangan kerajaan supaya perkara pembangunan bercanggah dengan syarat nyata tanah tidak berlaku dan sekali gus dapat menghalang daripada proses pengeluaran hak milik yang ternyata merugikan semua pihak. Yang keenam, juga mohon penjelasan apakah penyelesaian yang dapat dilakukan terhadap skim strata yang terlibat dengan pemaju dan pemilik tanah yang gulung tikar, yakni berapakah jumlah kes dan jumlah petak yang terlibat. Adakah petak-petak ini dapat diberi hak milik kepada pembeli dan bagaimanakah kaedahnya dan berapa lama tempoh penyelesaiannya.

Yang ketujuh, yang akhir, mohon penjelasan jumlah peruntukan yang diperlukan bagi membangunkan program *e*-hak milik strata. Apakah jaminan kementerian supaya sistem ini lebih efisien, selamat dan boleh dipercayai dan digunakan secara menyeluruh ke seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua...

Ke pasar lama membeli kangkung,
Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

12.39 tgh.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kondo yang pertama di Malaysia dibina dalam tahun 1985 lebih kurang di situ. Sehingga sekarang, saya pun dengar dari media massa bahawa ada banyak kondo, apartmen, flat dan *guarded community* yang belum dapat *strata title*. Bolehkah kementerian beritahu berapakah bangunan begini dibina dan berapakah bangunan yang tidak ada *strata title*.

Saya juga difahamkan bahawa lebih kurang 500,000 penduduk di bangunan tinggi tidak ada *strata title*. Sekarang bila akta ini diluluskan, adakah mereka ini diberi *strata title* dengan segera. Kalau tidak, apakah langkah mereka kena buat? Sebab ada juga kondo yang sedang menguruskan untuk *strata title* dan ini ambil masa yang panjang dan mereka pun tidak tahu berapa lama akan ambil masa untuk dapat *strata title* itu.

■1240

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, *I think you focus on the law,* dari segi undang-undang itu apakah kelemahan-kelemahan itu macam mana yang boleh ini...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Itu yang saya katakan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *You focus on the law and then issue* mana kelemahan-kelemahan itu *you* apa inikan. Soalan-soalan spesifik itu *you can... [Gangguan sistem pembesar suara]... On your own* dalam pertanyaan. Silakan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Okey. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua ialah bila bangunan ditubuhkan dan kalau pemaju lambatkan untuk beri *strata title*, apakah *recost* yang ada kepada pembeli bangunan untuk dapat?

Sebab pemaju ada motif sebab mereka boleh jadi ahli GMC kemudian. Mereka ada motif untuk lambatkan. Jikalau begitu yang berlaku, apakah *recost* kepada pembeli?

Juga, bila pemaju memohon kepada Jabatan Tanah dan mereka menunggu, di sini sekarang Jabatan Tanah ada hak-hak untuk beri dan di sini ada juga unsur-unsur rasuah boleh berlaku. Jadi untuk mengelakkan rasuah berlaku, apakah *precaution,* dengan izin, yang menentukan bahawa ini tidak ada unsur-unsur rasuah dalam permohonan ini?

Akhir sekali ialah mengenai kondo sekarang yang di bawah *liquidator.* Sebab ada, saya tahu, kondo yang dibina dulu pemaju sudah bankrap dan sekarang di tangan *liquidator* dan tidak ada *strata title*, bila mereka beli rumah dulu, harga rumah juga termasuk kos *strata title* tetapi sekarang pemaju tidak ada, *liquidator* yang menguruskan dan mereka kena bayar lebih sekarang untuk *strata title* lagi sekali. Jadi adakah apa-apa cara untuk mereka untuk mengelakkan bayaran atau cara yang lebih ringkas untuk mereka dapat *strata title*? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab. Dalam hal ini Yang Berhormat, saya berharap, saya mendengar segala yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, tolong Yang Berhormat fokus kepada perkara-perkara yang dibangkitkan itu dan dijawab dengan padat. Silakan.

12.42 tgh.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan mungkin cadangan terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa perbahasan Rang Undang-undang Hakmilik Strata (Pindaan) 2012 di Dewan yang mulia ini.

Isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan strata adalah – ini perlu bagi kita untuk memahami isu-isu yang berkaitan dengan pengeluaran *strata title* adalah di bawah bidang itu sejak di bawah bidang kuasa NRA. Pengurusan kemudian itu, itu adalah lain perkara. Itu mungkin ada rang undang-undang yang lain yang akan di bentang selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa Ahli yang telah mengemukakan beberapa soalan tetapi saya ingin merumuskan sekali gus oleh kerana jawapan itu akhirnya jawapan itu sama juga dan saya lihat pertanyaan-pertanyaan itu ialah menjurus kepada masalah itu juga dan jawapan yang kemudian itu, itu juga.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin memberi penjelasan terlebih dahulu berkaitan dengan proses. Seperti mana yang saya katakan kelmarin, tujuan matlamat utama bagi rang undang-undang ini ialah untuk apabila sahaja bangunan itu mencapai ke tahap *super structure*, bermakna ia sudah hampir siap sedia untuk disukat, maka pada waktu itulah kita boleh menyukat dan seterusnya bertujuan itu adalah untuk mengeluarkan hak milik strata dengan *vacant possession* itu. Itu bererti ada sudah petak itu, *strata title* pun ada sudah.

Kelmarin saya telah berkata juga berkaitan dengan kita memang sebenarnya prihatin terhadap masalah yang kita hadapi berkaitan dengan *strata title* ini. Saya sudah menyentuh beberapa ribu orang yang sehingga kini ada yang telah menduduki bangunan itu sejak tahun 1958 belum mendapat *strata title* lagi. Masalah yang kita kenal pasti itu, seperti saya huraikan hari kelmarin itu ialah pertama, masalah tanah. Masalah tanah itu, kebanyakan kita sudah lihat masalah tanah itu apabila kita sudah diberi *title,* ada yang dapat hak milik tanah sementara. Bermakna di bawahnya itu belum ditentu lagi betul-betul berapa, di mana *exact boundary* dia. Keduanya, masalah bangunan. Apabila bangunan itu didirikan, mungkin ia *in growth,* ia berlebihan daripada kawasan yang sebenarnya dipunyai oleh beliau. Ketiga itu ialah masalah berkaitan dengan tuan tanah atau pemaju. Ada yang digulung, ada yang laris sahaja begitu, ada mungkin yang sebenarnya tidak memohon *strata title.*

Memandangkan hakikat masalah ini, maka itulah kita cuba meringkaskan, kita cuba mengatasi kesemua masalah ini terlebih dahulu sebelum kita mengeluarkan *strata title.*

Daripada mulanya apabila kita membangunkan sesuatu keping tanah, perlu bagi kita untuk mendapat perintah pembangunan, kebenaran merancang. Dalam proses itu, kita minta supaya semua masalah ini, semua masalah berkaitan dengan tanah, *boundary* dan sebagainya diatasi terlebih dahulu. Sepatutnya ia diatasi terlebih dahulu. Apabila kita nanti mendapat kelulusan *development plan, Development Order* itu, semestinya- masalah yang kita sering kali hadapi ialah berkaitan dengan apabila pembangunan itu diadakan, pemaju itu kemungkinan sengaja tidak memohon oleh kerana penyukatan pembayaran, penyukatan itu cukup mahal.

Jadi dalam pada itu, kita minta supaya sebelum pelan pembangunan itu dikeluarkan, maka pelantikan juruukur yang berlesen terlebih dahulu dilantik, disediakan. Keduanya, perlu bagi mereka, pemaju itu, untuk membayar deposit berkaitan dengan pembayaran pengukuran itu nanti. Kemudian, dia kena juga untuk membuat formula kira unit syer oleh Jawatankuasa OSE dan di mana yang sesuai berkeadaan, perlu bagi dia untuk menyediakan *register of purchase*lah juga. Selepas itu, sememangnya dia boleh mula pembangunan itu.

Now, ini menjawab satu soalan sebentar tadi. Dalam proses bagi pemaju itu untuk membangun sesuatu bangunan dan kemungkinan ada *delay* oleh kerana ada batu yang mengakibatkan nanti dia pengubahan *development plan* atau petak itu, maka di situ boleh pemaju itu memohon semula kepada pihak berkenaan, KPKT, untuk meminda *plan development* itu. Ini kerana juga bagi beliau untuk meminda pelan petak itu di mana *strata title* akan dikeluarkan. *Now*, setelah itu...

■1250

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Ingin mencelah. Saya cuma hendak dapatkan *clarification,* dengan izin, sekiranya dibuat pindaan tetapi surat perjanjian jual beli itu telah ditandatangani. Maknanya, petak itu telah diletakkan atau di*assign*kan dalam S&P. Jadi, macam mana kita hendak uruskan perubahan tersebut? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Pengurusan itu di antara *developer* dan pembeli dan juga perjanjian jual beli itu ialah ditandatangani di antara pembeli dan *developer.* Jadi, terserah kepada mereka untuk mengurus apa sebab-sebab ia dipinda. Kita hanya bertanggungjawab untuk mengubah pelan yang sesuai itu.

Tuan Yang di-Pertua, selepas itu pembangunan diteruskan dan apabila nanti *superstructure* bangunan siap maka di situlah cadangan *strata title* mesti dikemukakan kepada JUPEM dan penyukatan itu akan dijalankan. Ini bererti saiz petak itu sudah disukat, sudah ditentu dalam masa apabila *superstructure* itu dibuat dan mendapat sijil, *certificated* setakat mana dia sudah buat kerja, maka ini mesti dibuat dalam tiga bulan daripada *certificate* itu dikeluarkan. Ia akan mendapat kelulusan daripada JUPEM dan kalau semuanya teratur, maka di situlah *strata title* itu dikeluarkan. Ini bererti *by the time the building is completed superstructure* ada, *strata title* pun juga sudah boleh dikeluarkan dan sebenarnya pihak JUPEM ini hanya bertanggungjawab untuk memberi kelulusan sama ada *strata title* itu boleh dikeluarkan atau tidak. Setelah *strata title* itu dikeluarkan, strata *title* itu sebenarnya akan dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG). Itu sahaja, *very simple.*

Jadi, kalau ada kelewatan atau *delay* dalam proses untuk membina bangunan itu, itu sudah bukan kita punya tugas. Tugas itu ialah di antara pembeli dan juga *developer.* Kalau dia menjadi bankrap, dia mempunyai *precaution* yang lain. Jadi inilah. *We have to simpler*. Kita punya tanggungjawab itu hanya untuk mengeluarkan strata *title* dalam masa terhad itu. Oleh kerana ini masalah yang kita sudah kenal pasti berkaitan dengan pengeluaran *strata title* itu. *That is the principal of under objective of this law*.

Akan tetapi ada juga soalan-soalan spesifik yang ditanya oleh beberapa Ahli Yang Berhormat misalannya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat. Dia bertanya berkaitan dengan aplikasi biometrik. Sebenarnya, ia sedang dibangunkan secara berperingkat ke seluruh Semenanjung, menjelang hujung tahun 2012, hampir-hampir semua daerah besar di semenanjung akan menggunakannya. NRE juga sedang berunding dengan Pejabat Tanah dan Ukur Sabah supaya diperluaskan sistem ini nanti. Satu pertanyaan lagi, pertanyaan spesifik yang selain daripada prinsip yang saya sudah huraikan sebentar tadi ialah cukai tanah dan cukai petak strata yang dikemukakan oleh Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

Kementerian dalam proses mengkaji bersama dengan kerajaan negeri untuk mengasingkan cukai tanah dan cukai petak strata. Kita cuba mengasingkan ini pula.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi yang saya katakan tadi ialah Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim. Oh! Ini sebenarnya saya sudah jawab. Saya minta maaf. Berkaitan dengan pemindahan pelan kalau ada masalah yang dihadapi dalam proses pembinaan bangunan itu. Tuan Yang di-Pertua, ada satu pertanyaan tadi yang disentuh oleh beberapa hari Yang Berhormat ialah berkaitan dengan pertindihan kuasa di antara pihak-pihak berkuasa yang lain dan juga NRE yang berkuasa berkaitan dengan *strata title* ini. Itu juga matlamat utama pindaan hak milik *strata title* ini untuk mengasingkan dan *define definitely* apa kuasa pihak kerajaan tempatan ini dan juga NRE.

Seperti saya katakan tadi itu dan saya ulangi sekali lagi bahawa kita hanya bertanggungjawab untuk menentukan persempadanan itu dan seterusnya mengeluarkan *strata title.* Kalau semuanya teratur, kita akan keluarkan *strata title.* Pengurusan itu, pengurusan kemudian, kerajaan tempatan *will take care of it*. Kalau sekiranya ada orang yang lari daripada tanggungjawab mereka untuk menyiapkan bangunan itu sepertimana yang saya katakan tadi, itu adalah satu pengurusan yang dinamakan tribunal pengurusan perumahan ini. Itulah satu badan di mana *consumer* boleh membuat *complaint* untuk mendapat nasihat apa yang sepatutnya dibuat untuk mendapat *what he intend to buy* daripada mulanya.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman tadi bertanya berkaitan dengan seksyen 98(b) di mana ia berkata ia hanya membenarkan permohonan *low cost* dibuat secara individu. Sebenarnya Ahli Yang Berhormat, semua permohonan hak milik strata hendaklah dipohon oleh tuan tanah asal itu. Oleh itu, tiada permohonan hak milik strata yang boleh dilakukan secara individu sama ada *low cost* ataupun tidak...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Mohon penjelasan Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Boleh.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih. Saya faham bahawa permohonan mesti dibuat oleh pemaju. Itu untuk masa depanlah, untuk yang akan kita bina. Akan tetapi apakah yang terjadi kepada beribu-ribu pemilik petak ini yang pemaju tidak mohon? Sudah 10 hingga 20 tahun seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah. *Are we going to leave them alone* macam itu, dengan tidak ada *title?* Jadi saya hendak minta, tidakkah pemohon-pemohon ini boleh ataupun pemilik ini memohon dengan cara persendirian supaya tiap-tiap satu kes ditengok dari segi itu. Saya fikir kerajaan kena mengatasi masalah ini walau bagaimana sekalipun. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Sambung ya. Terima kasih. Tadi, Yang Berhormat Menteri nampak macam proses yang sangat senang. Akan tetapi masih ada 500,000 penduduk di *high-rise building* tidak ada strata *title.* Jadi, ini bukan begitu senang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat jawab, masa sekarang menunjukkan tepat pukul 1 tengah hari. Saya harap pegawai-pegawai kanan daripada kementerian ini tolong bantu Menteri ya dan jawapan-jawapan itu- ini adalah undang-undang yang penting. Rang undang-undang ini untuk menambahbaikkan. Kita tahu banyak kelemahan dalam ini. Semasa saya mengamalkan memang banyak masalah, memang betul.

Sekarang ini kita hendak cuba selesaikan masalah ini dan kita terpaksa buat satu undang-undang yang baru. Undang-undang yang baru ini mestilah boleh mengatasi segala permasalahan yang telah lalu dan yang ke depan itu. Ini adalah contoh barunya. Inilah perkara pokok yang patut kita fokuskan. Apa yang dibangkitkan itu, saya harap pegawai-pegawai yang daripada kementerian berkenaan tolong, selepas ini nanti kita akan sambung dan saya harap jawapan-jawapan iaitu lebih baik lagilah, *insya-Allah*. Sekian, saya tangguhkan, kita berjumpa lagi pada jam 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Doris Sophia ak Brodi) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 5 Disember 2012."

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri teruskan dengan jawapan.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung jawapan saya .

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Saya yang pertamanya akan menyentuh berkaitan dengan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga keprihatinan utama kerajaan Barisan Nasional iaitu berhubung dengan isu pemaju yang digulungkan seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat dan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan.

Sehingga ke hari ini untuk makluman Dewan yang mulia ini terdapat 477 skim strata, 26,000 lebih petak yang telah terlibat dalam kes penggulungan syarikat. Dalam hal ini pre-likuidasi yang dilantik hanya bertindak untuk menguruskan harta milik pemaju yang digulungkan. Pembeli-pembeli terpaksa menanggung kos pengeluaran hak milik strata dan pihak perlikuidasi boleh bertindak untuk membuat permohonan ke pejabat tanah.

Berhubung dengan persoalan yang dibangkit kalau oleh Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim iaitu berhubung dengan kelewatan pengeluaran dan hak milik strata berikut adalah inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian. Pertama, mesyuarat jawatankuasa kerja hak milik strata hendaklah ditubuhkan. Turut dianggotai oleh pihak NGO-NGO bagi memantau kes-kes permohonan hak milik strata secara berkala.

Untuk makluman Dewan ini, isu ini adalah sebenarnya di bawah tanggungjawab kerajaan-kerajaan negeri. Akan tetapi kementerian saya sama-sama membantu dengan menjemput semua pihak yang terlibat termasuklah persatuan-persatuan pemaju, persatuan bank, *Bar Council* dan sebagainya. Sehingga 15 Oktober 2012, sebanyak 18,000 skim atau 1.1 juta petak telah memohon. Sebanyak 15,691 skim telah selesai dan baki sebanyak 2,309 skim masih dalam proses untuk diselesaikan.

Now, ini membuktikan bahawa kami cukup prihatin untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang yang belum lagi mendapat *strata title*.

Kedua, program pemutihan di bangunan-bangunan lama yang gagal memohon hak milik strata turut dilaksanakan melalui antaranya Program 1Negeri 1Skim sebagai salah satu cara untuk membantu pemilik pihak milik tanah untuk memperoleh hak milik strata. Ketiga, di bawah pindaan rang undang-undang ini penguatkuasaan akan dibuat oleh pihak berkuasa negeri di bawah seksyen 8.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, sebanyak 4,615 skim telah dikenal pasti gagal untuk memohon hak milik strata setakat 31 Julai 2012. Daripada jumlah ini 1,105 skim pun telah disediakan laporan awalan dan 91 skim telah disediakan ke atas siasatan. Terdapat dua kes yang telah didakwa di Selangor dan Pulau Pinang.

Berhubung tempoh masa pengeluaran hak milik strata yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat melalui pindaan rang undang-undang ini pengeluaran hak milik strata dapat dibuat dalam tempoh kurang 100 hari dengan syarat permohonan yang masuk adalah lengkap seperti saya katakan sebentar tadi adalah lengkap dan semua masalah tanah telah diselesaikan.

Berhubung isu sistem elektronik pentadbiran tanah, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim juga dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, buat permulaan sistem e-Tanah telah dimulakan di Pulau Pinang. Keberkesanan sistem ini hanya akan dapat dilihat setelah ia dijalankan sepenuhnya di Pulau Pinang.

Sistem ini sedang diperluaskan ke negeri-negeri lain secara berperingkat-peringkat bermula dengan Negeri Sembilan dan negeri Melaka. Negeri-negeri lain masih menggunakan sistem pendaftaran tanah berkomputer.

■1440

Berhubung isu pindah milik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Khairiah binti Mohamed, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak yang bertanggungjawab untuk membuat siasatan ke atas isu-isu kelewatan pindah milik hak strata, menurut Rang Undang-undang Hak Milik Strata ini adalah Pengarah Tanah dan Galian (PTG) negeri, masing-masing.

Seterusnya berhubung isu kedudukan surau di dalam skim-skim strata, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, untuk makluman Yang Berhormat kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan membuat dasar masing-masing berkenaan perkara ini kerana di luar bidang kuasa kementerian saya.

Berhubung isu tindakan supaya syarat pembangunan tidak bercanggah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, pembangunan apa jua atas tanah perlu mematuhi *Development Order* (DO) atau perintah pembangunan yang ditetapkan oleh PBT. Justeru salah satu syarat pecah bangunan di bawah rang undang-undang ini mewajibkan pemilik tanah mematuhi *Development Order* dan perlu menyatakan dalam *Development Order* itu sebagai syarat asal permohonan pecah bahagi bangunan.

Seterusnya ada beberapa isu yang dibangkitkan yang menyentuh bidang kuasa KPKT seperti isu *Certificate of Compliance, Certificate of Compliance* dan sebagainya. Saya pohon Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membangkitkan isu-isu ini semasa pembentangan Rang Undang-undang Pengurusan Strata 2012 oleh pihak KPKT nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan dalam Rang undang-undang Hak Milik Strata (Pindaan) 2012 telah saya jawab. Pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua isu yang dibangkitkan dalam perbahasan ini. Bagi perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa kementerian lain, sekali lagi saya mohon supaya perkara berkenaan dipanjangkan terus kepada kementerian tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[****Fasal-fasal 1 hingga 46*** *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PEMINDAHAN ANTARABANGSA BANDUAN 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.45 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta Pemindahan Antarabangsa Bantuan 2012 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan politik, ekonomi dan keharmonian negara Malaysia merupakan faktor utama kemasukan warga negara asing ke Malaysia atas pelbagai urusan termasuk melancong, belajar, tinggal, menetap dan bekerja. Mengikut statistik Jabatan Imigresen Malaysia pada tahun 2011, seramai 17.03 juta orang telah memasuki Malaysia. Manakala pada tahun 2012 sehingga 31 Ogos, seramai 15.7 juta orang warganegara asing telah memasuki Malaysia.

Kadar kemasukan warganegara asing yang tinggi secara tidak langsung mendedahkan Malaysia kepada risiko peningkatan kadar jenayah yang dilakukan oleh warganegara asing semasa mereka berada di Malaysia. Statistik Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia menunjukkan lebih 40,000 orang warganegara asing telah ditangkap dan didakwa pada setiap tahun kerana pelbagai kesalahan termasuk kesalahan di bawah Akta Imigresen dan kesalahan-kesalahan jenayah yang lain. Jumlah ini turut meningkatkan bilangan banduan warganegara asing di seluruh penjara Malaysia.

Pada masa yang sama, kes warganegara Malaysia yang ditahan di luar negara terutamanya yang terperangkap sebagai keldai dadah atau yang dikatakan tertipu oleh pihak-pihak tertentu sehingga sukar mendapat pembelaan undang-undang semakin meningkat. Mereka terpaksa menjalani hukuman pemenjaraan di luar negara mengikut acuan program pemulihan negara tersebut yang berbeza dari segi budaya, agama dan bahasa. Berjauhan dengan keluarga sedikit sebanyak mempengaruhi proses pemulihan dan pengintegrasian semula ke dalam masyarakat.

Rentetan itu didapati ada keperluan Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan diwujudkan. Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 ini merupakan undang-undang yang digubal khusus bagi tujuan membawa balik banduan warganegara Malaysia yang ditahan di luar negara bagi menjalani baki hukuman pemenjaraan dalam persekitaran yang lebih kondusif di Malaysia.

Akta ini juga membolehkan banduan warganegara asing dipindahkan ke negara asal bagi menjalani baki hukuman pemenjaraan, sekali gus dapat mengikuti program pemulihan mengikut acuan dan budaya negara mereka sendiri dan memudahkan pengintegrasian semula mereka ke dalam masyarakat.

■1450

Pemindahan antarabangsa banduan bukanlah merupakan fenomena baru di dalam sistem *correctional* kerana terdapat 99 buah negara yang telah melaksanakan pemindahan antarabangsa banduan dan telah menjadi amalan di peringkat antarabangsa. Berdasarkan peningkatan dalam penerimaan negara luar terhadap pelaksanaan pemindahan antarabangsa banduan, adalah wajar Malaysia juga melaksanakan pemindahan antarabangsa banduan bagi memudahkan urusan di peringkat antarabangsa serta mengukuhkan lagi hubungan dua hala dengan negara-negara berkenaan. Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 hanya boleh dilaksanakan melalui hubungan bilateral kedua-dua negara yang bersetuju untuk menandatangani perjanjian atau *treaty*.

Butiran perjanjian atau *treaty* akan disediakan bagi memperincikan tentang mekanisme pemindahan banduan antara Malaysia dengan negara-negara tersebut. Negara-negara yang bersetuju untuk mengadakan peruntukan tentang pemindahan banduan akan diisytiharkan oleh Menteri melalui perintah menjadi negara asing yang ditetapkan. Bagi pelaksanaan pemindahan banduan antarabangsa, hanya banduan yang layak sahaja yang boleh dipindahkan iaitu:

(i) bagi pemindahan banduan dari Malaysia ke negara asing yang ditetapkan. Banduan itu hendaklah warganegara asing yang ditetapkan atau mempunyai hubungan komuniti dengan negara tersebut; dan

(ii) bagi pemindahan banduan ke Malaysia dari suatu negara asing yang ditetapkan, banduan itu hendaklah warganegara Malaysia.

Rang undang-undang ini juga memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk menolak permohonan bagi pemindahan bantuan atau tidak memberikan keizinan bagi pemindahan banduan jika:

(i) banduan itu telah dijatuhi hukuman mati;

(ii) pemindahan akan menjejaskan kedaulatan, keselamatan, ketenteraman awam atau kepentingan awam bagi Malaysia;

(iii) pemindahan banduan itu akan mengenakan tanggungan beban yang berlebihan ke atas sumber kewangan Malaysia; atau

(iv) pemindahan itu akan mengehendaki langkah-langkah yang bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis diambil.

Selain itu, terdapat syarat-syarat pemindahan bantuan ke atau dari Malaysia yang perlu dipenuhi seperti berikut:

(i) hukuman pemenjaraan atau perintah adalah tidak tertakluk kepada rayuan di mana-mana mahkamah atau tribunal;

(ii) sabitan hukuman tersebut adalah juga merupakan suatu kesalahan di dalam negara berkenaan;

(iii) pada masa permohonan pemindahan dibuat, banduan mempunyai lebih daripada enam bulan untuk menjalani hukuman pemenjaraan atau parol;

(iv) persetujuan Menteri dan pihak berkuasa yang bersesuaian kepada pemindahan tersebut telah diperoleh;

(v) keizinan banduan telah diperoleh. Jika keizinan dikehendaki oleh *treaty* atau apa-apa perjanjian lain antara Malaysia dengan negara asing ditetapkan; dan

(vi) apa-apa syarat tambahan lain yang dikehendaki oleh perjanjian atau *treaty* antara Malaysia dengan negara asing yang ditetapkan.

Berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 16 November 2012, terdapat seramai 37,947 orang banduan di seluruh institusi penjara. Dari jumlah tersebut, seramai 10,713 orang atau 28.23 peratus adalah warganegara asing. Daripada 10,713 orang banduan warganegara asing, seramai 1,758 orang adalah layak untuk dipindahkan berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Bilangan tersebut merangkumi warganegara bagi 21 buah negara asing.

Mengikut statistik daripada Kementerian Luar Negeri pada 31 Ogos 2012, terdapat seramai 2,622 orang banduan warganegara Malaysia sedang menjalani hukuman pemenjaraan di 59 buah negara asing kerana pelbagai kesalahan. Berdasarkan kepada senario yang diberikan di atas, kerajaan memutuskan bahawa terdapat keperluan Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 diwujudkan. Rang undang-undang ini akan diletakkan di bawah tanggungjawab kepada Kementerian Dalam Negeri dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Penjara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, huraian terperinci mengenai Rang Undang-undang Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 yang dicadangkan. Akta yang dicadangkan adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan banduan ke dan dari Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk menyatakan pemakaian akta yang dicadangkan.

Fasal 3 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Fasal 4 bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat perintah bagi mengisytiharkan suatu negara asing sebagai negara sing yang ditetapkan.

Fasal 5 menyatakan kelayakan bantuan bagi pemindahan dari Malaysia jika banduan itu ialah warganegara atau mempunyai hubungan komuniti dengan negara asing yang ditetapkan.

Fasal 6 menyatakan kelayakan banduan bagi pemindahan ke Malaysia jika banduan itu ialah warganegara Malaysia.

Fasal 7 mengandungi peruntukan tentang syarat bagi pemindahan banduan ke dan dari Malaysia dan kuasa Menteri untuk menolak permohonan pemindahan itu.

Fasal 8 mengandungi peruntukan mengenai pertimbangan awal berhubung dengan suatu permohonan untuk memindahkan banduan dari Malaysia ke negara asing yang ditetapkan.

Fasal 9 mengandungi peruntukan mengenai permohonan untuk memindahkan banduan dari Malaysia ke negara asing yang ditetapkan.

Fasal 10 menetapkan tatacara bagi pengeluaran waran bagi pemindahan banduan dari Malaysia.

Fasal 11 mengandungi peruntukan bagi permohonan untuk memindahkan banduan ke Malaysia dari negara asing yang ditetapkan.

■1500

Fasal 12 menetapkan tatacara bagi pengeluaran waran bagi pemindahan banduan ke Malaysia.

Fasal 13 mengandungi peruntukan bagi pendaftaran waran atau perintah yang dikeluarkan oleh negara asing yang ditetapkan bagi maksud penguatkuasaan di Malaysia.

Fasal 14 memberi Menteri kuasa untuk mengubah mana-mana waran bagi pemindahan dan dikeluarkan di bawah subseksyen 10(1), 12(1) akta yang dinyatakan.

Fasal 15 memberi Menteri kuasa untuk membatalkan mana-mana waran bagi permintaan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 10(1) atau 12(1) akta yang dicadangkan jika Menteri berpuas hati bahawa keizinan negara asing yang ditetapkan telah ditarik balik atau jika adalah tidak wajar untuk memindahkan banduan itu atau jika ada kehendak untuk banduan itu memberi keizinan itu telah ditarik balik.

Fasal 16 memperuntukkan bahawa penguatkuasaan hukuman pemenjaraan atau perintah tahanan di dalam penjara yang dikenakan ke atas mana-mana banduan yang dipindahkan ke Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

Fasal 17 menyatakan bahawa tempoh hukuman pemenjaraan atau perintah tahanan di dalam penjara yang telah dijalani oleh banduan di negara asing yang ditetapkan hendaklah dikira sebagai tempoh yang telah dijalani di Malaysia.

Fasal 18 memperuntukkan bahawa akta yang dicadangkan tidak menyekat kuasa negara asing yang ditetapkan untuk memberi ampun, tunda hukum atau lega hukum berkenaan dengan kesalahan yang dilakukan atau peremitan, penggantungan atau peringanan hukuman itu kepada banduan itu selepas dipindahkan ke Malaysia dan begitu juga sebaliknya.

Fasal 19 memberi Menteri kuasa untuk mendapatkan balik kos perbelanjaan yang dilakukan bagi pemindahan seseorang banduan.

Fasal 20 memberi Menteri kuasa untuk mewakilkan kuasanya di bawah akta yang dicadangkan kepada orang yang layak dan sesuai.

Fasal 21 memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat bagi memberi kesan sepenuhnya kepada peruntukan akta yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan banduan ke dan dari Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Sebelum saya membuka ruang untuk kita membahaskan rang undang-undang ini, saya sekali lagi ingin kerjasama dari Yang Berhormat sekalian kalau ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin turut serta membahaskan rang undang-undang, sila kemukakan atau menghantar nama Yang Berhormat kepada saya sekarang, supaya senang saya membahagi masa. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok, silakan Yang Berhormat.

3.04 ptg.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam 1Malaysia dan selamat petang. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pemindahan Banduan Antarabangsa ini akan membolehkan pemindahan banduan, orang-orang Malaysia yang sedang dipenjarakan di luar negara ke penjara di Malaysia, begitu juga sebaliknya iaitu pemindahan banduan warganegara asing dipindahkan daripada Malaysia balik ke negara asalnya.

Di bawah Konvensyen Geneva, seorang banduan yang tidak dapat menyumbang kepada usaha perang disebabkan penyakit atau hilang upaya, itu diberi hak untuk dipulangkan ke negaranya. Negara yang memenjarakannya tidak boleh menghindari permintaan triti. Ini termaktub di dalam Konvensyen Geneva 1929, seksyen 68 hingga 74.

Tuan Yang di-Pertua, pemindahan banduan orang Malaysia pulang ke Malaysia memang ada kebaikannya. Antara kebaikannya yang pertama adalah mereka lebih mudah dikunjungi oleh sanak saudara dan rakan-rakan, kalau hendak pergi ke luar negara untuk melawatnya akan mengambil kos yang tinggi.

Kedua, mereka dapat meraikan perayaan yang biasa dirayakan di Malaysia dan yang ketiga bagi mereka yang beragama Islam, penjara Malaysia ada menyediakan ajaran agama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa soalan. Pertama, merujuk kepada statistik, rakyat Malaysia yang dipenjarakan di luar negara mengikut bangsa, didapati bangsa Cina meliputi 1,304 orang iaitu 49.88 peratus, bangsa Melayu 756 orang iaitu 28.83 peratus dan bangsa India 441 orang iaitu 16.81 peratus dan lain-lain 117 orang sebanyak 4.46 peratus dan total kesemuanya 2,622 orang. Ini merupakan satu statistik yang mengecewakan.

Saya ingin tanya apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk mengurangkan rakyat Malaysia daripada melakukan kesalahan atau jenayah di luar negara. Soalan yang kedua, daripada statistik yang diperoleh, didapati seramai 10,520 orang warga asing berada di dalam penjara Malaysia. Berapa orang atau berapa peratuskah banduan asing yang dijatuhkan hukuman bunuh dipenjarakan di Malaysia mengikut negara. Ketiga, daripada statistik yang diperoleh, didapati 2,622 orang Malaysia berada di penjara luar negara, berapa orang dan berapa peratus banduan orang Malaysia yang dijatuhkan hukuman bunuh di negara lain dan sila nyatakan kesalahan yang dilakukan.

Keempat, bagaimana Malaysia hendak memastikan bahawa banduan orang asing di Malaysia itu setelah dipindahkan ke negaranya akan betul-betul meneruskan hukuman penjara yang sama. Kelima, terdapat- ini saya hendak tanya sedikit tentang, contohnya terdapat 403 orang banduan warga Filipina di penjara Malaysia okey. Katakanlah tiada dijatuhkan hukuman bunuh, hanya terdapat 22 orang banduan warga Malaysia di penjara Filipina. Adakah Kerajaan Filipina menerima balik 403 orang banduan di Malaysia ini dan Malaysia hanya menerima balik seramai 22 orang banduan Malaysia di Filipina. Maksudnya adakah apabila hendak menukar balik, satu kepada satu. Kalau tidak kita hanya menghantar lebih ramai banduan Filipina balik ke Filipina tetapi banduan Malaysia hanya 22 orang sahaja. Begitu juga di Indonesia. Banduan Indonesia di Malaysia begitu ramai, di mana banduan Malaysia di Indonesia. Sekian sahaja. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar, silakan Yang Berhormat.

3.08 ptg.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Yang berusaha Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana mengadakan satu Akta Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012, tahniah dan syabas. Yang mengandungi 21 fasal yang diterangkan tadi. Sudah tentu kita akui bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang aman, makmur, stabil, harmoni, kaya dari segi ekonomi, *mutual* dari segi pelajaran dan sebagainya.

■1510

Sebab itulah ramai pendatang pelancong mari. Tahun 2011, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata seramai lebih kurang 17 juta orang masuk ke sini. Tahun 2012, seramai 15.7 juta orang. Jadi, ramai. Akan tetapi kita kena sedar dan ingat bahawa mereka ada yang tidak guna. Mereka datang dengan niat, dengan perbuatan yang tidak baik, mencuri, membunuh, merogol, merompak, macam-macam lagi. Jadi, sebab itu dia kena penjara.

Sebenarnya akta ini bertujuan untuk hantar orang salah di penjara Malaysia balik ke negeri asal, saya sokong. Ikut laporan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, seramai 1,758 orang layak dihantar balik. Saya syorkan hantarlah balik cepat-cepat, buat habis beras sahaja. Kita kena tanggung beras, makan, minum, pakaian, gaji pegawai penjara, sakit demam, macam-macam, lebih baik hantar balik. Setuju Timbalan Yang di-Pertua. Senyum, okeylah.

Kedua, kita dapati ada yang lama di sini tetapi tidak ada tindakan apa-apa. Ada setahun, ada dua tahun, ada tiga tahun, ada empat tahun. Dia rasakan penjara itu macam syurga di tempat dia. Orang Malaysia kena penjara di Thailand, hendak bangun pun tidak boleh, hendak tengok matahari pun tidak boleh. Begitu juga di Afrika, di Vietnam, dahsyat. Akan tetapi dia kena penjara di sini, dia hendak lagi, hendak lagi, hendak lagi, baik penjara daripada tinggal di negara mereka. Mereka ingat bahawa penjara di Malaysia lebih aman daripada rumah mereka di negara asal mereka sebab itu mereka suka datang.

Apa pun kita tengok akta ini iaitu pertama, kita kena ingat isu semasa pertama, pengganas. Pengganas ramai mari ke sini atau ke luar negara. Kedua penyeludupan manusia, ketiga pengubahan wang haram. Keempat penculikan, kelima jenayah senjata api, keenam jenayah bentuk sindiket, ketujuh kesalahan berkaitan dengan imigresen.

Jadi, saya tengok fasal-fasal 1 hingga 21, merangkumi kesalahan-kesalahan yang boleh dikira berat, dikira satu berat kita kena tanggung. Kedua, berat juga penjara kita tidak muat. Jadi, kena besar lagi, kena besar lagi kos. Lebih baik hantar sahaja mereka pulang. Itu mereka, orang Malaysia pun daripada sini juga di negara luar pun banyak. Saya baca tadi lebih kurang 2,622 orang Malaysia dipenjarakan di 59 negara asing termasuk Perancis, Amerika, Eropah, Asia, Singapura, Indonesia, Jepun, Korea, macam-macam lagi, 59 negara. Ada macam-macam hukuman, setahun, dua tahun dan macam-macam lagi.

Saya rasa lebih baik kita kembalikan sebab di penjara asing, warga negara Islam, budaya, adat, agama, berbeza. Ada yang kena penjara di negara asing, dia terpaksa makan makanan yang haram. Contoh, makan khinzir, khinzir itu babi. Babi haram. Banyak kita dengar orang Malaysia kena penjara, dipaksa, terpaksa makan yang haram. Lebih baik kita bagi pulang mereka, kena penjara di Malaysia, lebih baik. Itu ibadat kerajaan, kerajaan pun buat ibadat, bukan di masjid sahaja, surau sahaja, hospital sahaja, bahkan orang kena penjara Malaysia, kena bawa pulang di Malaysia. Itu pun satu ibadat. Oleh itu saya sokong akta ini dipinda, dibuat.

Orang Malaysia 2,622 orang tetapi jika dibandingkan orang asing di sini sebanyak 10,713, yakni 28.2 peratus daripada jumlah 37,947 orang. Jadi maknanya, kita bukan sedikit tanggung orang asing. Sudahlah kita tanggung mereka kerja macam-macam, rumah, masalah sosial, penjara juga kita kena tanggung. Saya hendak tanya, sampai bila kita kena tanggung? Lebih baik kita hantar dia.

Kedua, hendak tanya juga Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sepuluh jenis kesalahan yang utama untuk 10,713 orang ini. Saya khuatir kenapa sedikit sangat. Sebanyak 1,758 orang yang layak dihantar. Kenapa tidak 10,000, kenapa? Adakah kebanyakan kena hukum mati. Sebab dalam akta ini saya baca, orang dihukum mati, Menteri ada kuasa untuk sekat, untuk *block* mereka dihantar. Adakah mereka dihukum mati atau hukuman lain. Sebab sedikit sangat, hanya 1,758 orang sahaja daripada 10,713 orang. Itu saya hendak jawapan daripada kementerian kenapa sedikit sangat.

Ketiga, saya ingat masalah orang asing yang kena penjara itu bertambah dari tahun ke tahun. Hendaklah ada penguatkuasaan yang betul-betul efisien, betul-betul ketat. Jangan bercambah, bertambah. Kita adakan undang-undang, adakan akta baru tetapi kuat kuasa remeh, kuat kuasa longgar, menyebabkan pendatang asing bertambah-tambah. Keempat, saya hendak juga tahu apakah hukuman di Malaysia seronok. Mereka seronok, *happy*, hendak buat lagi, hendak buat lagi. Jadi, mereka tidak serik. Jadi, kena hukuman yang sepatutnya buat mereka serik dan bertaubat tak nak datang lagi. Saya juga sokong akta ini sebab akta ini bersifat kemanusiaan. Selain daripada agama, kita kena ingat juga rakyat Malaysia yang berada di luar negara, dia hendak balik.

■1520

Hendak balik jumpa anak bini, jumpa suami, jumpa isteri, jumpa famili, jumpa orang kampung. Jadi kalau dia kena penjara di Itali atau di Eropah atau di Amerika atau di Rusia, susah mereka nak balik. Betullah mereka salah tapi daripada segi kemanusiaan, akta ini saya sokong. Bawa baliklah, bukan banyak sangat, cuma 2,622 orang.

Saya nak minta berapa lama tempoh masa yang ditunggu oleh banduan di seberang laut boleh balik. Saya nak minta kementerian buat satu jawapan berapa lama tempoh, dua tahun kah, dua bulan kah, tiga tahun kah? Itu kena buat. Saya nak tanya lagi satu, kenapa hanya dihadkan mereka yang bersalah enam bulan ke atas?

Kenapa tidak tiga bulan, kenapa tidak dua bulan, kenapa enam bulan? Apakah sebabnya enam bulan had masa yang diperuntukkan?

Saya juga sokong akta ini sebab ternyata akta ini membawa natijah yang baik iaitu wujudnya persefahaman yang erat antara negara-negara Bangsa-Bangsa Bersatu. Jadi, hubungan rapat lagi. Tanggungan negara-negara miskin kita kurangkan. Macam ada negara yang miskin, dia terpaksa tanggung warganegara kita yang dipenjarakan. Contohnya Bangladesh, India, Indonesia, Filipina, dia terpaksa tanggung. Jadi untuk meringankan beban mereka, akta ini perlu diperluaskan, perlu diperincikan untuk lebih baik. Itu saya simpulkan sebagai tanggungjawab moral antara negara kita dengan negara yang ada 59 buah negara di dunia, orang Malaysia kena penjara.

Satu lagi kita nak tanya juga, banduan asing yang dihukum mati di Malaysia dan diminta oleh negara asal untuk dipulangkan, adakah hukuman mati tadi terbatal kerana negara tersebut tiada hukuman mati di bawah undang-undang mereka? Di negara mereka tak ada hukuman mati tapi adakah bila sampai di sini kes yang sama dihukum mati? Itu satu. Satu lagi, di negara Malaysia dia dijatuhkan hukuman mati tapi bila dipindahkan ke negara asal, adakah hukuman mati itu batal atau dikekalkan? Itu satu. Satu lagi, adakah hukuman itu sama? Misal kata dia penjara di sini dua tahun, adakah balik negara asal, dua tahun juga? Adakah sama, adakah beza atau macam mana? Itu pun kita nak tahu juga.

Akta ini saya sokong sebab Negara Britain pun tak mahu negaranya disesakkan oleh orang-orang yang tidak bermoral, orang-orang salah, penjahat, penjenayah, mereka tak suka. Mereka kalau boleh nak halau balik cepat-cepat. Pun begitu, negara kita pun nak halau orang salah balik ke negara asal mereka cepat-cepat. Oleh itu, akta ini saya sokong seratus peratus sebab akta ini bersifat global, bersifat kemanusiaan, ambil kira adat agama, ambil kira kemanusiaan. Jadi sebagai kesimpulannya, saya minta akta ini disokong sepenuhnya oleh Ahli-ahli Dewan Negara dan saya turut menyokongnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah.

3.25 ptg.

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut baik matlamat serta tujuan diadakan Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan ini terutamanya untuk menghantar balik banduan-banduan warga asing supaya bebanan kos tanggungan kerajaan kita dapat dikurangkan. Saya juga mengalu-alukan rang undang-undang ini termasuklah juga untuk membawa balik banduan Malaysia yang ditahan di luar negara bagi membolehkan mereka menghabiskan baki hukuman mereka di dalam negara dengan tujuan untuk memberikan banduan ini keadaan sekitar yang lebih kondusif dan boleh diberi pemulihan.

Tadi kita telah diberi angka-angka bahawa jumlah warga asing yang ada di dalam penjara kita seramai 10,000 lebih orang dan hanya 1,758 sahaja yang boleh kalau mengikut syarat, yang layak dipindahkan ke negara asal mereka. Tidakkah boleh kerajaan kita mencari kaedah dan jalan melalui perundangan dan sebagainya untuk menentukan bahawa kita boleh juga menghantar pulang ke negara asal mereka lebih kurang 7,000 lebih warga asing yang terpaksa kita tanggung. Saya rasa kalau boleh, saya hendak mendengar sedikit apakah langkah yang boleh kita ambil.

Kita mempunyai warganegara kita di luar negara seramai 2,622 orang yang sedang menjalani hukuman di 59 buah negara di seluruh dunia. Saya difahamkan bahawa setakat ini bukan semua negara yang berminat untuk mengadakan pemindahan antarabangsa banduan ini, tapi saya rasa harus kita usahakan dengan sedaya upaya supaya semua negara di seluruh dunia ini menerima sekiranya kita hendak menghantar balik dan juga untuk kita mengambil balik warganegara kita.

Sudah pasti rang undang-undang ini memberi kesan positif kepada banduan kerana pertamanya, mereka akan dapat dekat dengan keluarga dan ini memudahkan ahli keluarga untuk membuat lawatan dan membantu mereka dalam memulihkan banduan-banduan ini. Keduanya, keberkesanan program pemulihan di negara asal kerana faktor persekitaran yang lebih kondusif daripada segi budaya, agama dan bahasa.

Ketiganya, Malaysia juga sebagai sebuah negara yang progresif mengikuti amalan di peringkat antarabangsa di mana saya dimaklumkan terdapat 86 buah negara di seluruh dunia telah pun melaksanakan program ini.

Daripada penjelasan yang kita terima daripada Menteri tadi, kerajaan memang cuba mengatasi masalah ini. Namun begitu, di dalam kita menginginkan sesuatu yang baik kepada warganegara kita yang ditahan di luar negara dibawa balik, kerajaan harus dan perlu meneliti bentuk dan jenis kesalahan yang telah banduan-banduan ini lakukan. Adakah kesalahan itu berkenaan kesalahan undang-undang imigresen atau kesalahan jenayah berat seperti memperdagangkan manusia ataupun dadah ataupun berkaitan penculikan dan kesalahan bersenjata atau kegiatan *terrorist* bersenjata.

■1530

Bagaimanakah banduan yang melakukan kesalahan jenayah ini yang berat seperti pengedaran dadah di peringkat antarabangsa atau kesalahan seksual pelbagai bentuk atau pemerdagangan manusia boleh diberi pemulihan. Memberikan mereka ruang untuk memudahkan proses pengintegrasian semula mereka ke dalam masyarakat dapat kerajaan kita terjemahkan ataupun jika tidak kita berhati-hati perkara sebaliknya pula akan berlaku dan akan lebih memudaratkan negara kita.

Sekiranya kesalahan adalah berkaitan jenayah berat seperti pemerdagangan manusia, pengedaran dadah di peringkat antarabangsa atau kegiatan *terrorist* bersenjata, adakah kita mahu mereka ini dibawa balik ke negara kita semata-mata atas alasan di atas? Apakah kebaikannya kepada negara umumnya dan kepada rakyat kita khususnya dengan membawa mereka ini kembali? Walaupun saya faham sangat apa yang telah dihujahkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat lain tadi, kita harus menentukan sekiranya kita bawa mereka balik ke Malaysia, mesti mengenakan syarat-syarat yang ketat. Mesti diawasi supaya mereka tidak nanti mempengaruhi rakyat lain yang baik-baik. Ini kita harus ingat bahawa mereka yang beroperasi jenayah di peringkat antarabangsa memang ada *networking* mereka. Ini kita harus berhati-hati.

Di dalam kita ingin menentukan bahawa mereka ini dibawa balik ke sini dan bersama dengan keluarga dan sebagainya, kerajaan juga harus meneliti perkara ini. Setelah dibawa balik apakah boleh kita betul-betul memulihkan keadaan. Kalau tidak kita tentukan bahawa kita mesti adakan satu sistem atau satu kaedah di mana mereka ini perlu diawasi dengan sepenuhnya.

Saya sebenarnya memang mengalu-alukan kewujudan rang undang-undang ini tetapi saya memohon agar penjelasan yang lebih terperinci dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini agar rakyat jelata semua dapat memahami keperluan wujudnya rang undang-undang ini terutama sekali jikalau kesalahan yang berkait dengan jenayah-jenayah yang besar di peringkat antarabangsa, yang boleh melibatkan nyawa serta maruah kemanusiaan dan maruah negara kita. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja saya hendak hujah. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin. Teruskan Yang Berhormat.

3.33 ptg.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang berbahas dalam rang undang-undang ini. Pertama, saya ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian kerana mengambil inisiatif dalam menangani masalah-masalah yang telah lama menjadi persoalan orang ramai termasuk saya sendiri iaitu apakah usaha jelas yang dilakukan oleh Malaysia dalam membawa balik banduan-banduan warganegara kita yang menjalankan hukuman di negara sendiri. Saya ada beberapa perkara yang ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Pertama, mengenai 10,713 orang banduan warganegara asing yang berada di penjara di seluruh negara dan yang layak untuk dipindahkan hanyalah 1,758 orang sahaja. Saya ingin bertanya, apakah yang terjadi kepada baki 8,955 banduan warga asing ini dan kenapa mereka ini tidak layak untuk dipindahkan? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan, adakah warga asing yang berada di dalam lokap ini kebanyakannya melakukan kesalahan memasuki negara kita tanpa permit yang sah?

Jika begitu, apakah relevan kerajaan perlu mengambil masa lama untuk menghantar mereka kembali ke negara asal kerana kos yang ditanggung kerajaan akan semakin meningkat sekiranya mereka dibiarkan lama di penjara kita.

Kedua adalah mengenai kesesakan di sepuluh buah penjara di negara kita dan apakah tindakan kerajaan dalam mengatasi perkara ini terutama penjara di Sandakan, Sabah? Ketiga, adalah mengenai kesihatan. Apakah jaminan kerajaan dalam memastikan banduan warganegara kita yang ditahan di luar negara dan dibawa pulang semula ke Malaysia nanti bebas daripada sebarang penyakit berjangkit dan penyakit kronik kerana Tuan Yang di-Pertua, sekiranya keadaan ini berlaku tanpa pengasingan dibuat maka penjara kita akan mengalami masalah besar. Keempat, apakah pemindahan banduan seperti kes PATI boleh dijalankan sebelum mereka dijatuhkan hukuman di mahkamah terutamanya mereka yang ditahan di Sabah? Mereka ini cukup ramai Tuan Yang di-Pertua dan saya harap akan ada jalan penyelesaian mengenai perkara ini.

Kelima dan yang terakhir, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan iaitu 8,955 banduan warga asing yang tidak layak dipindahkan ini, yang mana mereka ini tidak dikategorikan dalam jenayah yang berat, kita jadikan mereka ini pekerja-pekerja buruh binaan ataupun kerja-kerja sosial dengan gaji yang lebih rendah berbanding harga gaji semasa. Hadkan tempoh pekerjaan mereka ini dan apabila sudah cukup tempoh hantar mereka pulang menggunakan gaji yang mereka peroleh.

Pada pendapat saya, ianya akan memberikan banyak kelebihan kepada negara kita terutama dari segi pengurangan kos yang ditanggung oleh kerajaan dan ia akan memberikan pengajaran yang berguna kepada mereka. Saya harap agar kerajaan dapat mengkaji semula cadangan ini dan rangkumkan kebaikan dan keburukannya kepada negara pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih dan saya menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu. Teruskan Yang Berhormat.

3.38 ptg.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan pada hari ini. Saya ingin menyentuh isu berkaitan dengan keselamatan dalam negeri yang melibatkan banduan dan pemindahan antarabangsa banduan. Perkara utama yang diberikan perhatian khusus di dalam Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 ini adalah seperti yang terdapat di bawah pengenalan yang membawa maksud iaitu satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi, "*Pemindahan banduan ke dan dari Malaysia dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.*"

Tuan Yang di-Pertua, isu khusus yang diberikan perhatian adalah yang melibatkan persoalan berkaitan dengan jenayah bersebab daripada peruntukan undang-undang lain setara terutamanya yang melibatkan keselamatan dalam negeri. Keselamatan yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri dan isu yang berkaitan dengan peruntukan Bangsa-bangsa Bersatu dan konvensyen yang berkaitan dengan isu keselamatan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang bertitik tolak dari keselamatan adalah seperti *terrorism*, penyeludupan manusia, pengubahan wang haram, *extradition treaty, bilateral agreement,* dengan izin, penculikan, jenayah berkaitan dengan senjata api, jenayah berbentuk sindiket *inter world crime* dan kesalahan-kesalahan berkaitan dengan undang-undang imigresen. Menyentuh isu *extradition treaty* di peringkat ASEAN yang masih dijalankan dan buat masa ini negara Filipina masih belum menerima pakai triti ini dengan Malaysia. Oleh itu pertukaran banduan secara khusus tidak dapat dilaksanakan.

■1540

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku pada hari ini adalah *suspect* dengan izin, atau orang tahanan boleh di bawa dari atau keluar dari sesebuah negara di bawah *Mutual Assistance in Crime Matters Act 2002,* dengan izin, yang mana ia merupakan *an act to make provision for mutual assistance in criminal matters between Malaysia and other countries and for matters connected there with,* dengan izin. Selain daripada itu, pertukaran orang tahanan di bawah kerjasama erat di antara pasukan polis di bawah Interpol.

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 ini disokong tetapi dengan sedikit bersyarat di mana ia berkaitan dengan prinsip undang-undang. Jika rang undang-undang ini diadakan kerana ingin membela banduan yang terpenjara di luar negara kerana isu dadah dan mereka yang menjadi keldai dadah, maka kita hendaklah berfikiran jauh ke hadapan secara lebih waras.

Tuan Yang di-Pertua, prinsip undang-undang yang berbunyi, *"legis neminem non excusat",* yang membawa maksud, *"not knowing the law is not an excuse"* dengan izin, tidak boleh dijadikan syarat untuk *exoneration* terhadap jenayah yang dilakukan atas alasan tidak tahu undang-undang. Jika mereka terjebak dan tertipu kerana urusan dadah, maka mereka hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya dan perlu bertanya diri sendiri sebelum terjebak, apakah maksud perbuatan atau transaksi yang akan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu perlulah mereka terus menjalani hukuman yang setimpal tidak kiralah sama ada hukuman penjara seumur hidup atau menjalani hukuman mati sama ada di Malaysia atau di mana-mana negara lain. Persoalan akan timbul bagi banduan-banduan lain yang ingin juga mendapatkan *advantage,* dengan izin, dari badan undang-undang ini jika banduan tersebut berada di penjara luar negara dan ingin pulang ke nagara asal sebelum enam bulan terakhir hukuman yang dijalankan. Persoalan keadilan akan timbul kenapa banduan ini dapat hak sedangkan yang lain mungkin tidak mendapat layanan yang sama. Apakah banduan sebenar-benarnya punya hak?

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya rang undang-undang ini hanya sesuai jika ia berurusan dengan pendatang asing tanpa izin sahaja. Kesalahan pendatang asing tanpa izin yang pada dasarnya hanya pelanggaran undang-undang imigresen dan itu pun mungkin menjadi satu perkara yang suka dilaksanakan atau diimplementasikan atas dasar pertukaran suka sama suka. Berapa ramai pula rakyat Malaysia yang menjadi pendatang asing tanpa izin di England atau di Indonesia yang ingin ditukar secara *vise versa,* dengan izin, dengan banduan dari negara tersebut yang ada di Penjara Malaysia.

Pertukaran pendatang asing tanpa izin secara tidak langsung bukan mengurangkan masalah tetapi ia akan menjadi satu isu *aggravated* dengan izin, di mana masalah pendatang asing tanpa izin berulang akan terus menjadi isu negara. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Silakan Yang Berhormat.

3.45 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya mengalu-alukan rang undang-undang ini terutama sekali kerana ia telah memberikan asas prosedur yang agak jelas tentang proses pemindahan ataupun pertukaran antarabangsa banduan. Namun demikian, dalam prosedur ini ada terutama sekali dua perkara yang tidak begitu jelas pada saya dan saya harap pihak Menteri dapat menjelaskannya.

Pertama ialah berkaitan dengan 7(1)(b). 7(1)(b) ini kalau saya faham menyatakan seolah-olah seseorang yang ditahan, seorang Malaysia ditahan di negeri lain atas satu kesalahan tertentu akan dianggap sebagai melakukan kesalahan yang sama di negerinya sendiri. Bagaimana keadaannya jikalau ada undang-undang yang membuatkan orang Malaysia itu sebenarnya salah di negeri 'A' tetapi dalam negara ini sendiri tidak ada undang-undang tersebut.

Saya sebenarnya duduk memikirkan apakah contoh undang-undang yang ada di tempat lain dan tidak ada di negara kita dan saya tidak dapat tapi yang saya dapat ialah satu contoh di mana undang-undang itu hukumannya sangat berat di satu negara tapi kurang beratnya di Malaysia misalnya. Katakanlah pengambilan dadah ataupun pengedaran dadah. Ini satu perkara yang serius, boleh membawa kepada hukuman mati di negara ini tapi apabila hukum mati itu tidak boleh dipindahkan. Itu sudah jelas prosedurnya tetapi bagaimana kalau dia tidak dihukum mati tapi dihukum misalnya 10, 20 tahun walhal kalau di negara lain tidak seberat itu. Jadi bagaimana keadaannya? Adakah dianggap adil umpamanya jikalau seseorang yang melakukan kesalahan di tempat lain dibawa balik dan disambung penahanannya sebagai banduan padahal kesalahan di tempatnya sendiri tidaklah begitu berat. Itu yang kurang jelas bagi saya.

Perkara kedua yang kurang terang ialah tentang 7(1)(d) dan (e) kita lihat (d) yang menyatakan bahawa perpindahan berlaku apabila pihak berkuasa berkenaan telah memberikan keizinan mereka. Jadi ertinya mesti ada keizinan Menteri. Selain daripada itu, mesti ada keizinan banduan itu sendiri, keizinan banduan mesti diperoleh. Saya rasa kalau banduan bagi izin tapi Menteri tidak beri izin mudah kita mengatakan tidak akan berlaku pemindahan ini atau *transfer* ini.

Bagaimana pula kalau misalannya Menteri bersetuju tetapi banduan itu sendiri tidak memberi izin. Jadi adakah dengan perkara ini maka tidak boleh dihantar orang itu ke negara yang memintanya kerana di sini disebut dengan jelas keizinan banduan mesti diperoleh. Bolehkah paksaan digunakan untuk memindahkannya?

Satu perkara lain yang hendak saya terangkan ialah pemahaman saya daripada rang undang-undang ini ialah ia melibatkan dua perkara. Satu perkara ialah misalnya Malaysia mahu menghantar rakyat bukan Malaysia ke negara asalnya. Kalau kedua-dua pihak bersetuju okey. Satu lagi ialah Malaysia meminta orang buat salah di negara lain untuk balik ke Malaysia. Anggapan pertukaran seumpama ini ialah kita hendak hantar mereka ke negara lain kerana tidak suka bebanan yang kita tanggung di sini terhadap orang yang buat salah, orang luar yang buat salah itu.

■1550

Resolusi kita hendak bawa balik rakyat kita yang ditahan di luar ke Malaysia ialah dengan harapan kita dapat memberikan keselesaan atau pun keadaan yang lebih kondusif baginya. Masalahnya timbul ialah apabila misalnya, perkara ini melibatkan bukan dua negara, tetapi mungkin lebih daripada dua negara. Dalam contoh yang pertama tadi mudah sahaja apabila berlaku pertukaran.

Katakanlah seorang warganegara Malaysia membuat kesalahan di Amerika dan lari ke Thailand. Amerika misalannya kalau mengikut peraturan ekstradisinya sebagai mana yang saya faham, boleh meminta supaya Malaysia memulangkan, menghantar rakyat itu ke Amerika kerana kesalahan yang dibuat di sana. Akan tetapi saya tidak tahu sama ada kita mempunyai perjanjian atau *sign* perjanjian dengan Amerika untuk berbuat demikian. Bagaimana pulahendak membawa pulang rakyat kita ini dari Thailand, sebab dia bukan ditahan di sana.

Kalau kita tidak ada perjanjian, bagaimana? Bagaimana pula hendak membawa pulang rakyat kita di Thailand sebab dia bukan di tahan di sana. Adakah peraturan-peraturan yang dibuat, undang-undang yang dibuat, prosedur yang ditentukan, supaya misalannya kita boleh meminta dipulangkan seorang yang berbuat salah di Amerika, tetapi sekarang ini lari ke Thailand? Mungkin di Thailand pula ditahan oleh kerana kesalahan-kesalahan yang lain seperti masuk secara haram. Ini melibatkan barangkali keadaan yang kompleks. Sebagaimana yang berlaku umpamanya dengan- saya tidak tahu macam mana sebut namanya Julian Assange yang dituduh melakukan kesalahan seks di Sweden, lari di Britain. Walaupun dia bukan rakyat Amerika tetapi dituntut oleh Amerika untuk ke sana hingga menimbulkan komplikasi dari segi ekstradisi dan hubungan antarabangsa.

Saya tidak tahu sama ada sesuai atau tidak, relevan atau tidak situasi seumpama ini di jangkakan, dengan kita mengadakan peraturan-peraturan yang boleh menangani masalah tersebut. Perkara satu lagi, perkara ketiga ialah pertukaran banduan ini biasanya boleh dilakukan apabila kita mengetahui adanya rakyat kita yang ditahan umpamanya di Thailand dan kita ketahui umpamanya rakyat Thailand yang di Malaysia yang ditahan itu ada sanak saudaranya di Malaysia atau Thailand dan boleh kita pulangkan. Masalahnya ialah bagaimana jika kita tidak mengetahui adanya banduan-banduan rakyat Malaysia yang ditahan di Thailand misalannya. Saya diberitahu bahawa tidak kurang dari 2,000 orang Malaysia ditahan dalam keadaan yang sangat teruk di Thailand. Mereka tidak...

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Mohon mencelah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu di penjara mana di Thailand itu?

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya belum sampai ke situ tadi. Banyak penjara di Thailand dan saya tidak mahu menjelaskan perkara ini sebab sudah berjanji dengan teman Yang Berhormat yang lain yang lebih tahu hal ini yang telah pergi ke sesetengah penjara itu dan sudah berjumpa dengan sesetengah mereka itu dan beliau akan menerangkan. Akan tetapi, kebetulan sekarang ini dia terpaksa berjumpa dengan doktor. Apabila dia datang nanti, dia akan beritahu dengan jelas.

Yang hendak saya terangkan ialah adanya rakyat Malaysia di Thailand, di beberapa buah penjara yang ditahan dan tidak diketahui oleh Malaysia dan dianggap oleh pihak-pihak berkenaan di Malaysia sebagai orang yang sudah hilang, tidak tahu ke mana. Masalah berhubungan dengan ini ialah orang Malaysia yang ditahan yang tidak diketahui itu, bukan sahaja ditahan dalam keadaan yang sangat teruk bahkan diberi makan sebab tidak ada pilihan, makanan-makanan yang tidak dibenarkan di sisi agama dan tidak dapat melakukan fardu ain yang ditentukan ke atas orang Islam, walaupun dia hendak berbuat demikian.

Jadi, perkara ini sebenarnya keluar sedikit daripada undang-undang ini. Kalau boleh baguslah diadakan undang-undang yang boleh menangani hal ini. Akan tetapi saya harap luar daripada mengadakan undang-undang, perkara ini dapat disiasat oleh kementerian yang berkenaan supaya dapat dilakukan sesuatu.

Pertama untuk mengenal pasti orang-orang tersebut. Kedua, untuk mengetahui di mana letaknya mereka. Ketiga, akhirnya untuk dibawa balik. Saya tidak tahu sama ada perkara seumpama ini boleh dijalankan melalui undang-undang yang ada ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada sedikit salah faham atau pun perubahan fikiran selepas berlakunya seolah-olah perjanjian di antara Australia dengan Malaysia berhubung dengan *refugee exchange* yang telah dirancang. Di antara Perdana Menteri Malaysia dengan Perdana Menteri Australia seolah-olah telah dicapai persetujuan untuk kita menghantar ke Australia beberapa orang banduan dan kita menerima lebih banyak lagi *refugee* daripada Australia. Akan tetapi akhirnya melalui tindakan mahkamah di Australia, perkara ini telah dibantutkan dan tidak dapat dilaksanakan. Alasan yang telah diberi adalah bahawa Malaysia gagal dalam pematuhan *minimal standard for refugee burden sharing* dengan izin. Mereka menganggap bahawa Malaysia tidak boleh menjamin hak asasi untuk tahanan-tahanan itu.

Jadi, saya ingin mengetahui, apakah yang telah berlaku setakat ini tentang rancangan *refugee sharing* itu? Adakah masalah-masalah dapat diatasi? Adakah boleh akhirnya nanti kita harapkan dapat berlaku pertukaran di bawah undang-undang ini? Cuma yang menjadi masalah ialah mereka bukannya melibatkan rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, baiklah terima kasih Yang Berhormat Dr. Syed Husin. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Hajah Noriah Mahat.

3.58 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi taala wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana telah memberi peluang untuk saya menyokong dan berbahas berkenaan RUU 34/2012 iaitu Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia kerana telah berjaya mewujudkan Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan yang digubal khas, bagi tujuan membawa balik banduan warganegara Malaysia yang ditahan di luar negara, bagi menjalani baki hukuman pemenjaraan dalam persekitaran yang lebih kondusif di Malaysia serta banduan warganegara asing dipindahkan ke negara asal bagi menjalani baki hukuman pemenjaraan. Sekali gus dapat mengikuti program pemulihan mengikut acuan dan budaya negara mereka sendiri dan memudahkan pengintegrasian semula mereka ke dalam masyarakat. Ini sekali gus Tuan Yang di-Pertua mereka ini dapat membezakan penjara mana yang lebih baik.

■1600

Malaysia kah ataupun di luar negara, yang mana ada intan, yang mana ada permata sebab dulu sekejap. Saya setujulah apa yang dikatakan oleh rakan saya, Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar dan juga Dr. Syed Husin Ali yang mengatakan penjara yang dekat luar negara itu sakit caranya. Akan tetapi satu ketika dahulu, kalau tidak silap saya, ada orang kata duduk dekat penjara Malaysia ini zalim. Zalimlah, dibuat tidak menentu dalam penjara.

Akan tetapi kalau penjara itu bagus, lebih baik semua orang duduk dalam penjara. Kalau makan ikan sedap, tidak mahu ikan kembung. Semua orang hendak duduk dalam penjara.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Statistik Jabatan Imigresen Malaysia melaporkan pada tahun 2011 seramai 17.3 juta orang telah memasuki Malaysia manakala pada tahun 2012 sehingga 31 Ogos, seramai 15.7 juta orang warga asing telah memasuki Malaysia. Kadar kemasukan warganegara asing yang tinggi secara tidak langsung mendedahkan Malaysia kepada risiko peningkatan kadar jenayah yang dilakukan oleh warganegara asing semasa mereka berada di Malaysia. Statistik Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia menunjukkan lebih 40,000 orang warganegara asing telah ditangkap dan didakwa pada setiap tahun kerana pelbagai kesalahan termasuk kesalahan di bawah Akta Imigresen, kesalahan-kesalahan jenayah yang lain.

Jumlah ini turut meningkatkan bilangan banduan warganegara asing di seluruh penjara Malaysia. Justeru, adalah Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 diwujudkan. Cuma di sini saya ingin bertanya, berapakah jumlah kos yang ditanggung oleh kerajaan pada setiap tahun?

Berhubung dengan akta ini, saya hanya ingin merujuk kepada beberapa peruntukan. Pertama, berkenaan fasal 2. Seperti yang dimaklumkan, Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 hanya boleh dilaksanakan melalui hubungan literal kedua-dua negara yang bersetuju untuk menandatangani perjanjian atau triti. Butiran perjanjian atau triti akan disediakan bagi memperincikan tentang mekanisme pemindahan banduan antara Malaysia dengan negara-negara tersebut. Negara-negara yang bersetuju untuk mengadakan peruntukan tentang pemindahan banduan akan diisytiharkan oleh Menteri melalui perintah menjadi negara asing yang ditetapkan.

Namun dalam peruntukan ini, mohon Menteri jelaskan berkenaan mahkamah negara asing yang ditetapkan yang mempunyai bidang kuasa yang sama. Bolehkah Menteri jelaskan negara yang mempunyai bidang kuasa yang serupa.

Fasal yang kelima berkenaan dengan perkataan *"hubungan komuniti".* Saya tidak nampak tafsiran kepada *"hubungan komuniti"* tersebut. Mohon Menteri jelaskan agar tidak timbul kekeliruan di masa hadapan. Berkenaan fasal yang keenam, dimaklumkan bahawa mengikut statistik daripada Kementerian Luar Negeri pada 31 Ogos 2012, terdapat seramai 2,622 orang banduan warganegara Malaysia sedang menjalani hukuman pemenjaraan di 59 buah negara asing kerana pelbagai kesalahan. Apakah kesalahan mereka dan berapakah jumlah melibatkan banduan wanita?

Berkenaan kuasa Menteri dalam akta ini, kita melihat kebanyakan peruntukan iaitu di seksyen 4, seksyen 6, seksyen 7, seksyen 8, seksyen 9, seksyen 10, seksyen 11, seksyen 12, seksyen 14, seksyen 19, seksyen 20 dan seksyen 21 memberi kuasa kepada Menteri untuk memutuskan sesuatu keputusan. Sejauh manakah kuasa Menteri itu dipantau dan dikawal? Adakah jawatankuasa akan diwujudkan atau sebagainya bagi memastikan keputusan yang dibuat wajar dan berkesan.

Saya juga ingin mencadangkan di sini agar tempoh proses membawa balik dan menghantar banduan yang terbabit tidak memakan masa yang lama bagi mengelakkan hak mereka seperti yang ditetapkan dalam undang-undang ini dapat dilaksanakan dengan efisien. Akhir sekali, kita mengalu-alukan usaha kerajaan dalam membantu rakyat negara kita terutamanya yang mengalami kesukaran di penjara asing, negara asing yang timbul dari segi budaya, agama dan lain-lain. Usaha kerajaan ini akan menyebabkan sedikit sebanyak akan membantu banduan warganegara kita untuk meneruskan kehidupan dengan lebih positif. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

4.05 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama berbahas Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012.

Tuan Yang di-Pertua, banyak yang telah disebut dan dihuraikan oleh kawan-kawan sebelum daripada saya. Saya akan menyentuh hal-hal yang tidak disebutkan lagi. Pertama Tuan Yang di-Pertua, apabila sebut penjara dan banduan, dia adalah dua perkara yang sinonim. Penjara tidak disukai oleh sesiapapun dan begitulah juga banduan tidak ada siapa yang ingin menjadinya. Dalam hubungan ini, kita melihat penjara merupakan tempat kalau kita mengikut yang asalnya, adalah tempat pendidikan bukan tempat untuk mengazabkan dan mendera. Akan tetapi apa yang kita telah dengar di dalam Dewan ini yang disuarakan oleh sebahagian daripada Ahli-ahli Dewan Negara di mana ada penjara di luar negara bahawa penjara itu tempat penderaan dan penyeksaan.

Oleh kerana itu, saya melihat rang undang-undang ini merupakan satu usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia untuk memberi kebaikan kepada mereka yang didapati bersalah di luar negara untuk dibawa pulang ke negara Malaysia dan pada waktu yang sama, orang-orang yang didapati bersalah di sini akan dihantar pulang ke negara asal mereka. Ini kalau kita boleh tengok termasuk dalam bab maslahat iaitu bab untuk memberi kebaikan. Kebaikan kepada warganegara Malaysia dan juga kebaikan kepada warganegara asing yang didapati bersalah di Malaysia supaya mereka mendapat keselesaan di tempat masing-masing. Sama ada negara mereka lebih teruk penjaranya atau sebaliknya, itu adalah keadaan yang kita tidak tahu.

Perkara yang kedua saya ingin sentuh di sini ialah setakat ini ada berapa buah negara yang telah ada peraturan-peraturan rang undang-undang pemindahan yang boleh kita Malaysia untuk membuat perjanjian dengan mereka. Saya yakin dan percaya sebagaimana yang telah disebut tadi, ada negara-negara yang rakyat Malaysia di penjara dalam 59 buah itu, ada negara yang mempunyai akta seperti yang kita sedang bincangkan ini dan mungkin juga tidak ada akta yang serupa. Ini juga boleh membantutkan pemindahan-pemindahan.

Perkara yang penting bagi saya ialah rakyat Malaysia yang ditangkap di luar negara dan dituduh di mahkamah, sebenarnya salah satu perkara penting untuk mendapat pembelaan. Sebagai contoh, ada negara-negara yang rakyat Malaysia ditangkap dan dituduh di mahkamah dan mahkamah mereka menggunakan bahasa ibunda mereka. Rakyat Malaysia yang dituduh tidak faham. Di situlah, apa yang dituduh pun tidak tahu, kesalahan pun yang didakwa tidak jelas dan akhirnya kadang-kadang mereka dipenjarakan.

■1610

Di sini saya melihat satu mekanisme perlu dibuat. Bukan kita hendak membela kesalahan tetapi hendak memberi khidmat supaya orang yang dituduh itu sebenarnya tidak bersalah sehingga mereka disabitkan bersalah. Saya dapati ada negara yang berbuat demikian dan tidak memberi hak yang sewajarnya untuk mendapat hak di dalam pembelaan. Oleh sebab itu di dalam hubungan ini saya ingin masukkan juga cadangan saya supaya walaupun akta ini diluluskan tetapi rakyat Malaysia yang ditangkap di luar negara perlu diberi hak untuk membela diri dengan bahasa yang difahami dan tuduhan ke atas mereka yang mereka faham.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Penjelasan. Di mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi tidak difahami?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih. Saya mendapat maklumat tetapi boleh dipastikan. Antaranya ialah negara Thailand. Ia menuduh, membuat tuduhan dalam bahasa Thailand dan orang Malaysia tidak faham. Oleh sebab itulah sedikit sebanyak..

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh sikit? Bukan waktu tuduhan itu dilakukan tidak ada jurubahasa, *translator* untuk melakukan tuduhan itu? Biasanya dalam proses mahkamah itu ada bukan? Saya ingat kalau boleh saya memberi contoh yang agak peribadi.

Sebanyak sedikit Tuan Yang di-Pertua, semasa saya menuntut di New York 30 tahun, 40 tahun yang lalu ada orang-orang kita yang masuk salah ke New York, salah masuk tanpa visa sebagai PATI, pendatang tanpa izin dibicarakan dan pelajar-pelajar atau mahasiswa-mahasiswa yang ada di New York diminta menjadi jurubahasa di mahkamah di New York pada ketika itu. Ada peluang dapat duit tambahan sedikitlah. Ini saya hanya hendak berkongsi pengalaman peribadi. Akan tetapi saya hendak tahu sama ada apa Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa tuduhan dilakukan dalam bahasa tempatan, adakah bahasa itu semata-mata bahasa tempatan tanpa terjemahan?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Ya lah, kita boleh jadi ada tetapi ada yang mengadu tidak ada, itu yang kita dengar. Saya sambungkan lagi Tuan Yang di-Pertua. Dalam hubungan ini, kita dapat melihat bahawa penjara di Malaysia disebut sebagai penjara yang lebih baik. Saya pun tidak tahu sebab saya tidak pernah masuk, tidak pernah melawat... *[Ketawa]* Dalam penjara pun saya tak masuk tetapi saya dalam hal ini supaya dalam membuat kajian kita boleh Parlimen menghantar rombongan untuk melihat. Ini saya hendak cadangkan di sini supaya Ahli-ahli Dewan Negara, dipilih daripada Ahli-ahli Dewan Negara pergi melawat, pergi membuat tinjauan supaya kita boleh melihat sendiri dengan mata kepala kita dan boleh kita mendengar apa-apa yang mereka hendak adu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu yang adil kalau boleh kita sebut di sini. Bagi saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, berapa agaknya kos sara hidup seorang banduan setiap hari? Kalau kita dengar tadi ada lebih 10,700 banduan luar negara yang berada di Malaysia. Berapa seorang kos hidup untuk setiap hari? Kita boleh congak kalau ia setahun dan seterusnyalah kerana ia juga melibatkan kos kehidupan kepada mereka dan apabila kita tahan mereka, kita beri layanan yang sepatutnya mengikut peraturan dan undang-undang yang dijalankan di dalam negara kita.

Perkara yang seterusnya ialah saya ingin tahu, rakyat Malaysia yang telah dipenjarakan di 59 buah negara di dunia ini, kategori kesalahan yang mereka lakukan. Kemungkinan ada yang boleh kita bawa ke Malaysia ataupun ada yang tidak boleh kita bawa ataupun yang boleh kita bawa ke Malaysia itu hanyalah kesalahan-kesalahan yang tidak berat, yang ringan sebagaimana Yang Berhormat Datuk Raja tadi sebut.

Saya pun rasa kalau sekiranya kesalahan berat dan dipindah bawa ke Malaysia dan saya mendengar maklumat bahawa penjara ini adalah tempat berhimpunnya segala kepakaran. Katakan seorang yang baru belajar mencuri masuk dalam penjara. Dia berkumpul dengan ramai orang yang pakar dalam bidang-bidang itu. Selepas itu mereka akan keluar dan melakukan kegiatan yang lebih dahsyat lagi dan ini yang kita tidak mahu. Oleh sebab itu bagi saya bukan semua banduan yang dipenjarakan di luar negara itu kita angkut semua balik ke negara kita. Perlu dipilih kerana itu kuasa Yang Berhormat menteri itu penting untuk diberi penentuan dan kalau sekiranya orang itu tidak boleh diterima di dalam negara kita buat apa kita bawa balik? Saya tidak tahu. Ini pandangan saya yang saya hendak sampaikan.

Begitulah juga dalam pelaksanaan banduan ini, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, sebenarnya kalau kita campur 10,700 banduan luar negara, yang boleh dihantar balik hanyalah 1,800 lebih. Sebenarnya, seluruh Malaysia ini berapa banduan kita? Kalau kita boleh bawa balik 2,000 lagi banduan tadi, maka akan bertambah angka itu kalau sekiranya pemprosesan untuk menghantar balik banduan-banduan yang sedia ada tidak berjalan dengan lancar. Apa lagi kalau negara itu tidak ada perjanjian yang dapat dibuat.

Seterusnya saya ingin tahu dalam akta ini, akta ini baharu, akan diluluskan di Parlimen ini *insya-Allah*. Tidak ada kakitangan tambahan atau penjara sudah cukup kakitangan sebab saya ingin tahu kalau biasanya ada sebahagian-sebahagian ini apabila kita ada suatu yang baru, mungkin keperluan baru itu terdesak untuk kakitangan untuk mengendalikan dalam hal ini.

Jadi saya ingin tahu adakah akta ini perlu ada tambahan kakitangan pegawai dan kakitangan penjara dan begitulah juga saya ingin tahu kedudukan kebajikan kakitangan dan pegawai penjara. Saya terbaca dulu sikit-sikit bahawa kakitangan penjara dulunya sebelum SSB Tuan Yang di-Pertua, keadaan mereka sama dengan PDRM. Akan tetapi sekarang ini sampai sekarang ini mereka tertinggal. Di mana silapnya? Jadi saya harap perkara ini perlu diberi perhatian. Kenapa dia tertinggal? Adakah kerana dia dipenjarakan atau duduk di penjara?

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, ini sangat penting supaya kebajikan kakitangan kita yang kita tugaskan untuk menjaga orang-orang ini, bagi saya kakitangan penjara ini sama seperti guru. Guru disiplin sekolah dan malah kalau kita tengok tadi Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar menyebut Yang Berhormat, dia kata ini adalah sebahagian dari ibadat. Saya setuju. Kita duduk di mana pun tidak lari daripada konsep *ubudiyah* kepada Allah SWT. duduk dalam penjara pun, orang yang duduk dalam penjara, *warden* ataupun kakitangan penjara, mereka boleh mengajar disiplin dan tingkat mutu hidup yang baik kepada mereka supaya apabila tamat tempoh berada di penjara, mereka boleh hidup sebagai seorang insan yang berguna di dalam masyarakat.

■1620

Seterusnya ialah saya hendak tahu juga penjara kita, orang-orang yang ditangkap, warga asing yang ditangkap di negara kita ini, adakah mereka setelah dijatuhkan hukuman, mereka diletakkan bersekali dengan warga negara Malaysia atau diasingkan? Ini sebabnya ialah transformasi pemikiran dan juga budi pekerti akhlak akan memberi pengaruh di antara satu sama lain. Itu adalah tugas yang dibuat di dalam hal ini merupakan satu tugas yang besar dan berat kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang baik. Pelaksanaannya kita harap dapat dilaksanakan dengan jelas. Supaya orang-orang yang ditahan di luar negara mempunyai hak dan juga kelayakan untuk dibawa balik dan juga dihantar pulang dengan selamat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Dato' Jaspal Singh.

4.21 ptg

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Selamat petang dan salam 1Malaysia. Terima kasih saya mengucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012. Jika kita lihat sekeliling negara kita, terdapat ramai pekerja ataupun orang-orang asing di Malaysia. Mereka terdiri daripada pekerja-pekerja, pelancong ataupun yang datang ke negara kita untuk melanjutkan pelajaran. Kalau kita pergi ke KLIA pun orang yang kita nampak mula-mula adalah orang asing yang menolong kita membawa troli untuk mengambil beg kita. Disebabkan itu, sebab ramai orang di sini, sudah tentu ramai yang terlibat dalam aktiviti yang tidak betul dan membuat kesalahan di negara kita, menjadikan mereka masuk ke penjara.

Saya rasa memang tepat masanya kita mempunyai satu rang undang-undang untuk memindahkan mereka, orang-orang asing yang bersalah di negara kita balik ke negara mereka. Banyak topik dan *statement* yang bagus, cadangan-cadangan yang bagus telah dibincangkan oleh rakan-rakan saya pada hari ini.

Saya hanya hendak menyentuh kepada satu topik sahaja Tuan Yang di-Pertua, iaitu jenis kesalahan ini banyak. Kadang-kadang curi kasut pun boleh masuk penjara. Akan tetapi apabila kita tengok kesalahan yang berat seperti merompak, di mana ada kecederaan kepada sesebuah keluarga, mungkin kes rogol, kes pembunuhan ataupun jenayah yang berat ini, apabila kita hendak pindahkan banduan ini, saya hendak tahu sama ada hanya terdiri daripada keizinan daripada Yang Berhormat Menteri dan keizinan daripada banduan ataupun perasan keluarga yang terlibat itu akan diambil kira.

Saya tidak nampak di sini sama ada Yang Berhormat Menteri akan berbincang dengan mangsa keluarga itu, katakan dia kena rogol atau tikam, tidak boleh jalan untuk sepuluh tahun, budak ini dalam penjara tetapi dia akan dipindahkan ke negara dia. Adakah keluarga itu akan bersetuju dia balik. Perasaan keluarga ini kita akan bincang atau tidak? Ini tidak jelas.

Yang kedua, apabila seseorang itu dipindahkan, katakan hukuman kesalahan itu di Malaysia lebih kurang lima tahun punya kesalahan tetapi *treatment* kesalahan penjara di tempat lain tidak sama. Kadang-kadang apa yang dilihat sebagai kesalahan yang berat di sini walaupun kita ada triti, kesalahan itu difikirkan ataupun tidak begitu berat di tempat lain.

Jadi, apakah jaminan kerajaan yang kesalahan ataupun tempoh masa kalau saya pindah dia, ada lebih kurang lima tahun akan dipenjarakan, apakah jaminan yang banduan itu akan dipenjarakan lima tahun apabila dia balik ke tempat dia. Sebab kita tidak mahu sistem ini menjadi satu sistem di mana seorang kesalahan dia, dia minta pindah selepas itu selepas setahun, boleh keluar balik. Itu kita tidak mahu. *It becomes a loophole*. Kita tidak mahu macam itu. Saya tak nampak di dalam rang undang-undang ini, tidak begitu jelas seperti yang diberitahu oleh rakan saya Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Jaminan ini penting. Saya minta keterangan daripada pihak Menteri tentang apakah jaminan supaya tempoh masa dia lebih kurang sama dan *treatment* dalam penjara itu sama. Itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

4.26 ptg.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut mengambil Bahagian dalam perbahasan rang undang-undang pertukaran banduan ini. Sebagai seorang penyokong kerajaan yang setia, tentu sahaja sepatutnya saya menyokong rang undang-undang ini. Akan tetapi saya rasa kesetiaan itu tidaklah semestinya kesetiaan yang membuta tuli dan sokongan itu mestilah sokongan yang dilakukan dengan pertimbangan yang lebih saksama. Untuk itu, saya menyokong tetapi di dalam memberi sokongan ini saya ingin mengemukakan beberapa kemusykilan yang saya harap akan mendapat jawapan yang sepantasnya daripada pihak kementerian. Yang sebenarnya, kemusykilan ini telah saya suarakan sewaktu kementerian mengadakan taklimat mengenai rang undang-undang ini di Hotel Seri Pacific kira-kira tiga empat bulan lalu. Pada bulan itu, beberapa pegawai di sini mengatakan, mengaku *they were caught by surprise with my questions*.

Mereka terperanjat, mengapa saya menimbulkan perkara itu di dalam taklimat itu. Kebetulan beberapa orang daripada pegawai-pegawai itu adalah bekas mahasiswa saya sendiri kemudian bertemu saya dilobi dan mengucapkan terima kasih dan berjanji akan mencari jawapan terhadap beberapa kemusykilan yang saya kemukakan itu. Antara kemusykilan yang saya kemukakan ialah apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Jaspal Singh di penghujung perbahasan tadi. Iaitu apa jaminan bahawa banduan-banduan asing yang kita hantar balik ke negara mereka akan menjalani hukuman sebagaimana hukuman yang telah diputuskan oleh mahkamah kita. Kalau tidak nanti, akta ini akan memberi satu bentuk keringanan hukuman kepada banduan-banduan asing itu. Itu antara kemusykilan dan kemudian saya juga menanyakan bagaimana hendak memastikan bahawa hukuman ini akan dijalankan sebagaimana sepatutnya. Itu dikatakan bahawa ada dalam perjanjian.

Soalan saya berikutnya adalah, apa mekanisme kita untuk memantau bahawa perjanjian itu akan dilaksanakan, itu pun tidak dijawab waktu itu. Ini antara kemusykilan-kemusykilan yang saya rasa patut kita beri perhatian. Selain daripada itu, untuk melihat secara objektif Tuan Yang di-Pertua, kita bertanya apa untung apa ruginya rang undang-undang ini. Saya melihat begini, keuntungannya barangkali rang undang-undang ini akan meringankan bebanan kewangan kita membiayai banduan-banduan asing yang ada dalam penjara kita, ini kita terima. Apabila banduan-banduan itu tidak lagi ditampung biayanya dalam penjara kita, kita hantar ke negara masing-masing ini meringankan beban kewangan kita. Itu bagus. Akan tetapi seperti apa yang saya katakan tadi, apa jaminan bahawa hukuman yang telah diputuskan oleh mahkamah kita itu akan dilanjutkan di negara mereka, satu.

Itu kalau melihat keuntungannya dari segi mengembalikan banduan-banduan asing ke negara asal mereka. Selain daripada itu, ada satu keuntungan lain yang saya rasa patut kita iktiraf iaitu rang undang-undang ini akan memberi peluang kepada kita melaksanakan hukuman yang wajar terhadap banduan warganegara kita yang sepatutnya lebih bersifat korektif daripada punitif, lebih bersikap mendidik daripada menghukum.

■1630

Seperti dikatakan oleh rakan-rakan tadi, terdapat banduan-banduan kita di tempat lain yang mendapat layanan di bawah taraf perikemanusiaan. Sedangkan, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Johari tadi, penjara janganlah dianggap sebagai tempat menghukum sahaja.

Penjara mempunyai dwifungsi iaitu fungsi punitif, menghukum dan fungsi korektif Kedua-duanya ini haruslah diseimbangkan. Kalau kita menghukum banduan-banduan kita yang bersalah di luar negeri itu dalam penjara kita, barangkali fungsi korektif dan fungsi punitif ini dapat kita seimbangkan.

Itulah antara perkara-perkara yang saya lihat sebagai keuntungan daripada rang undang-undang ini apabila telah menjadi akta nanti dengan andaian bahawa segala-galanya akan terlaksana dan dipatuhi dengan wajar. Itu adalah kebaikan atau manfaat daripada rang undang-undang ini. Bagaimana pula dengan kemudaratannya?

Antara kemudaratan saya rasa ialah undang-undang atau keputusan mahkamah kita tidak ada jaminan akan terlaksana di tempat lain. Ini bermakna bahawa bila kita mengembalikan banduan-banduan yang telah kita hukum dalam sistem mahkamah kita ke negara asal mereka, mereka akan tidak dapat melaksanakan sebagaimana hukuman itu kita kehendaki. Itu barangkali perlu ada mekanismenya untuk memastikan bahawa hukuman yang telah kita putuskan itu dilaksanakan di negara mereka. Ada perjanjiannya, ada peraturannya dan ada mekanisme pemantauannya. Kemudian keburukan yang lain yang saya nampak ialah bahawa rang undang-undang ini walaupun dianggap akan meringankan beban kewangan tetapi yang sebenarnya juga akan menambah beban birokrasi kita. Beban birokrasi dalam menguruskan permohonan dan seterusnya.

Jadi kesimpulan dari itu, ada beberapa kemusykilan lain yang saya harap akan mendapat jawapan daripada kementerian. Kita tahu bahawa tidak semua negara di dunia ini bersetuju dengan peraturan atau semangat atau amalan daripada rang undang-undang yang sedang kita bahaskan ini. Khabarnya kalau tidak silap saya, Singapura tidak mahu sedangkan Singapura adalah antara negara yang paling banyak menahan banduan kita.

Saya hendak tahu sama ada kementerian telah membuat kajian apa yang menyebabkan negara-negara tertentu enggan mempunyai rang undang-undang seperti yang kita cuba luluskan ini. Apa sebabnya? Tentu ada sebab, dan saya rasa mencari sebab musabab mereka melakukan apa yang mereka lakukan akan menolong kita mengambil keputusan yang lebih bijaksana. Jadi itu antara soalan yang saya harap akan mendapat jawapan yang sewajarnya daripada kementerian.

Kemudian saya juga ingin bertanya mengenai biaya penghantaran balik banduan yang kita pulangkan ke negara mereka dan biaya membawa balik banduan-banduan kita di tempat lain. Bagaimana *arrangement*nya, bagaimana biayanya? Itu antara perkara-perkara yang saya katakan di satu pihak kita ingin meringankan bebanan kewangan kita tetapi di pihak yang lain, kita harus juga memikirkan bebanan kewangan daripada transportasi dua arah seperti ini.

Kemudian yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, *point* saya ialah adakah rang undang-undang ini tepat kita namakan sebagai Rang Undang-undang Pemindahan Banduan? Bukankah ini barangkali lebih tepat kalau dipanggil pertukaran banduan atau memang tidak ada unsur-unsur pertukaran yang menjadi syarat utama di dalam penghantaran balik banduan ke negara mereka dan membawa balik banduan di negara asing ke negara kita. Jadi inilah antara kemusykilan-kemusykilan saya yang saya harap akan mendapat penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.

4.35 ptg.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang membahaskan dalam Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012. Di sini saya ingin memberikan satu kepujian kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mengadakan akta tersebut.

Penjara bukan sahaja satu tempat untuk hukuman tetapi satu tempat pendidikan. Itulah negara kita dan semua negara menyediakan penjara. Tempat ini untuk banduan mendapat kesedaran, keinsafan supaya mereka boleh jadi orang yang baik, boleh menyumbang kepada negara selepas berakhir tempoh tahanan mereka.

Memandangkan jumlah banduan asing iaitu 10,713 orang yang ini merupakan satu angka yang besar dan semua ucapan tadi pun ada menceritakan tentang kosnya yang akan membebankan negara kita, jadi eloklah kita menghantar mereka balik.

Di sini kita semua bincang tentang banduan tetapi saya ingin menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri tentang orang asing yang melakukan kesalahan tetapi tidak dapat ditangkap. Misalnya orang asing dibawa masuk oleh sindiket ke negara kita menjadi pengemis di seluruh Malaysia khususnya di tempat pelancongan kita. Kita pergi Jalan Bukit Bintang, Jalan Alor, merata-rata dengan pengemis. Ini memang satu kejadian yang salah dan menjejaskan imej negara kita. Adakah kementerian kita ada langkah-langkah untuk menghapuskan perkara tersebut?

Satu lagi ialah, yang ini melibatkan perempuan warga asing. Yang ini pun memang ada sindiket membawa perempuan asing untuk menjalankan aktiviti yang tidak elok. Ini memang kesalahan juga tetapi memang berlaku di mana-mana khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur ini. Jadi saya berharap perkara tersebut boleh dapat diselesaikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Saiful Izham.

4.39 ptg.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membuka ruang kepada saya untuk turut sama membahaskan rang undang-undang yang saya fikir sangat penting bagi membolehkan kita untuk membawa pulang rakyat Malaysia yang kini terlalu ramai berada dalam penjara-penjara di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kebetulan dengan pembentangan rang undang-undang ini, bertepatan dengan beberapa persoalan yang saya telah hantar sebelum ini yang semalam ada satu sudah dijawab oleh pihak Menteri dan juga ada lagi dua persoalan yang saya yakin akan turut mendapat jawapan yang baik.

■1640

Saya membangkitkan persoalan ini berdasarkan kepada pengalaman peribadi. Kebetulan saya daripada negeri Kedah, negeri yang bersempadan dengan Thailand. Di sana Tuan Yang di-Pertua, ada ramai rakyat kita yang berada dalam penjara, sama ada yang sudah dijatuhkan hukum atau menanti perbicaraan. Terlalu ramai. Saya yakin data-data yang diberikan oleh Timbalan Menteri awal tadi ialah data-data rasmi yang mengatakan bahawa terdapat 2,622 banduan rakyat Malaysia di luar negara. Akan tetapi saya yakin ianya lebih daripada itu.

Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Wilayah Songkhla, Thailand, kita ada tujuh penjara, di situ sahaja ada tujuh penjara. Daripada kira-kira 20 penjara yang ada rakyat Malaysia di seluruh Thailand. Kebanyakan banduan yang ada di situ ialah banduan yang mempunyai kesalahan yang berkaitan dengan dadah, yang menjadi keldai dadah atau ditahan kerana ada dadah dalam kenderaan mereka. Kita ada banyak masalah di sana kerana masalah bahasa. Kita tidak ada peguam Malaysia yang dapat membantu mereka di sana. Mereka bergantung banyak kepada Biro Bantuan Guaman.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tujuan saya bangkitkan perkara itu Tuan Yang di-Pertua ada sebabnya kerana dalam sesi lawatan saya secara tidak rasmi dan tidak sengaja, saya dapat melawat satu penjara di Songkhla. Saya bertemu dengan seorang banduan yang mewakili rakan-rakannya di dalam. Kita tidak dapat akses kepada data mahupun maklumat berapa jumlah sebenar banduan di penjara yang saya singgah tersebut. Kita cuma dapat nama. Kira-kira 40 orang Tuan Yang di-Pertua, di penjara itu sahaja 40 nama dan kita hubungi keluarga mereka. Mereka sudah dijatuhkan hukuman, buat rayuan tetapi kerana tidak tahu menggunakan bahasa Thailand, hukuman bukan dikurangkan tetapi ditambah.

Saya tidak bawa senarai nama yang siap dengan hukuman tetapi pemenjaraan atas kesalahan dadah yang kadang-kadang kecil menjadi sehingga 25 tahun, menjadi sehingga hampir 30 tahun. Dia tidak tahu apa kesudahan hidup mereka di sana. Yang lebih menyedihkan ialah keluarga mereka di Malaysia juga tidak tahu kerana tidak ada jalan untuk mereka hubungi keluarga mereka di Malaysia. Di Songkhla ada satu penjara khusus untuk wanita. Kami belum dapat maklumat lagi berapa ramai rakyat Malaysia di sana.

Akan tetapi *insya-Allah* saya akan cuba dapatkan maklumat untuk bantu pihak Menteri atau kementerian, kalau boleh untuk turun dan ziarah di sana. Itu hanya di Wilayah Songkhla.

Bila saya tanya kepada pegawai penjara kenapa tidak ada sebarang usaha untuk pemindahan banduan-banduan ini, pengarah penjara yang saya lawati itu menyatakan kepada saya tidak ada seberang perjanjian. Ini sudah dijawab semalam oleh Timbalan Menteri kepada saya. Kerajaan Malaysia belum menandatangani sebarang perjanjian dengan banduan dengan Thailand atau mana-mana negara kerana pada masa ini tiada undang-undang berkaitan yang membolehkan sebarang perjanjian berkenaan dibuat.

Saya mendengar tadi ramai yang membicarakan tentang soal banduan asing di Malaysia. Akan tetapi saya lebih *concern,* lebih prihatin kepada banduan warga Malaysia di sempadan negara. Jadi, saya rasa pembentangan rang undang-undang ini dengan kelebihan dan kekurangannya adalah satu langkah awal bagi membolehkan Malaysia ada dengan izin, *locus standi* untuk tandatangani sebarang triti*,* tandatangani sebarang perjanjian bagi membolehkan banduan kita yang hidup di sana kembali ke Malaysia.

Saya tengok cara hidup dia, kebetulan penjara itu kita boleh tengok Tuan Yang di-Pertua. Sebagai seorang Islam saya rasa agak kecewa kerana makanannya bercampur aduk, cara hidupnya ditempatkan sekalian dan bersama-sama. Saya tidak tengok lagi penjara wanita. *Insya-Allah* hujung bulan ini saya akan tengok penjara wanita. Akan tetapi cara hidupnya jauh berbeza dengan penjara di Malaysia. Saya tidak pasti sama ada majoriti rakan-rakan di Dewan yang mulia ini pernah masuk penjara di Malaysia ataupun di negara-negara luar.

Saya sudah lihat penjara di Malaysia, saya sudah lihat penjara di Thailand, saya sudah lihat penjara di Indonesia dan saya sudah lihat penjara di *Cambodia*. Keadaan di sana, penjara yang menempatkan warga kita jauh lebih buruk daripada penjara kita yang menempatkan warga asing yang melakukan kesalah di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya juga dimaklumkan juga oleh pegawai penjara tersebut Thailand telah menandatangani 27 perjanjian pemindahan atau pertukaran. Dia dua perkara yang berbeza Tuan Yang di-Pertua. Perjanjian pemindahan atau pertukaran banduan. 27 negara dan sekarang ini masih dalam perundingan dengan lima lagi negara.

Akan tetapi bila saya tanya tentang Malaysia, dia kata tidak ada lagi sebarang usaha. Oleh kerana itu saya sangat gembira Tuan Yang di-Pertua. Ini undang-undang dengan kekurangan dan kelebihannya, merupakan langkah awal untuk kita masuk dan lihat sendiri, jangan hanya dengar cerita, jangan hanya baca berita. Kita boleh masuk dan kita lihat sendiri. Mungkin saya boleh cadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kita bawa rombongan rasmi, kita melawat beberapa penjara di Thailand. Tengok sendiri macam mana rakyat kita. Benar dia buat kesalahan ataupun mungkin diperdaya untuk membuat kesalahan.

Sekarang ini banyak isu-isu atau kes-kes keldai dadah tetapi mereka tetap rakyat Malaysia. Nasib dan hak mereka tetap harus kita pelihara dan pertahankan. Kita tidak tahu apa yang terjadi dalam prosiding mahkamah. Kalau di Indonesia mungkin okey, bahasanya lebih kurang sama tetapi kalau di Thailand, kalau di *Cambodia*, dua tempat yang saya sudah pergi, bahasanya jauh berbeza. Bukan dibuat dalam bahasa Inggeris, dalam bahasa Siam atau bahasa *Cambodia*.

Jadi kita punya banduan tidak tahu apa-apa. Masuk penjara orang suruh angguk dia angguk. Dia tidak tahu apa-apa. *Translator* juga tidak disediakan, tidak seperti mahkamah di Malaysia. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya melihat beberapa fasal yang ditimbulkan dalam rang undang-undang ini. Cuma satu yang agak saya terkilan sedikit berkenaan dengan fasal 7(2)(c). *"Bagi pemindahan banduan ke atau dari Malaysia, Menteri boleh menolak permohonan bagi pemindahan atau tidak memberikan keizinan bagi pemindahan itu jika:*

(a) dijatuhkan hukuman mati;

(b) menjejaskan kedaulatan, keselamatan, ketenteraman awam atau kepentingan awam perlu yang lain bagi Malaysia;" Kita boleh terima tetapi fasal 7(2)(c).... *"*

(c) pemindahan banduan itu akan mengenakan tanggungan beban yang berlebihan atas sumber kewangan Malaysia."

Persoalan ini jangan kita ambil sebagai persoalan besar. Kita boleh minta keluarga banduan itu untuk menanggung sebahagian daripada kos pemindahan mereka dari luar negara ke dalam negara. Akan tetapi ini kalau boleh kita keluarkan. Jangan ini dijadikan sebagai alasan untuk kita menolak permohonan warga Malaysia yang menjadi banduan di negara-negara luar khususnya di negara-negara jiran kita di rantau Asia Tenggara. Bagi fasal 7(2)(d) kita boleh terima, iaitu:

(d) pemindahan itu menghendaki langkah-langkah yang bertentangan dengan mana-mana undang-undang bertulis diambil."

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini kita minta kita minta bukan hanya selepas diluluskan di Dewan yang mulia ini tetapi disegerakan beberapa peraturan dan perkara-perkara kecil yang membolehkan negara kita menandatangani perjanjian. Sekarang ini kita tidak boleh tandatangani langsung apa-apa perjanjian. Saya tidak salahkan pihak kementerian tetapi kerana kekangan-kekangan ini yang menyebabkan kita tidak boleh bahkan ada sebahagian warga kita di sana, bila saya tanya mereka, *"Ada tidak wakil Kerajaan Malaysia datang tengok?"* Dia kata, *"Tidak ada."* Jadi kalau wakil kerajaan Malaysia, Konsul Jeneral nya atau wakil kedutaan tidak masuk tengok, bermakna data mereka yang ditahan juga tidak diterima oleh pihak kedutaan.

■1650

Kerana itu saya katakan daripada awal tadi, data yang diberikan oleh pihak kementerian adalah data rasmi yang diperoleh tetapi data yang tidak rasmi, saya yakin jauh lebih besar. Ini kerana ianya juga tidak termasuk dengan rakyat Malaysia yang masih ditahan tetapi belum menjalani perbicaraan yang sudah selesai dan dijatuhi hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengulas secara detil kerana saya daripada awal menyokong pembentangan rang undang-undang ini. Cumanya jangan kita letakkan bebanan kewangan itu sebagai halangan. Ini persoalan kehidupan, ini persoalan nyawa, ini persoalan masa depan. Kita sebut bahawa proses hukuman itu adalah *corrective measures* betul. Akan tetapi, *corrective measures,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana hukuman yang kita mahukan di Malaysia ianya dilakukan dalam proses pemulihan. Tidak mungkin rakyat Malaysia yang buat kesalahan di luar negara dipulihkan kalau tinggal dalam suasana pemenjaraan sebegitu. Bercampur tidak punya hubungan dengan Kerajaan Malaysia, bercampur makan minumnya yang agama Islam dan bukan beragama Islam bahkan saya rasa Tuan Yang di-Pertua juga tahu kerana pernah mengamalkan undang-undang.

Dalam penjara itu bukannya indah macam-macam benda jadi. Kita hendak dedahkan pun susah, tetapi kita tahu dalam penjara macam-macam benda yang terjadi. Orang yang pernah masuk penjara dia tahu apa yang terjadi dalam penjara itu. Saya rasa tidak payahlah kita sebut contoh di sinilah. Kita boleh sembang di luar untuk sembang contoh tetapi itu di Malaysia yang suasananya agak aman kehidupan di penjara dia tetapi di luar negara lebih teruk. Kes-kes pelacuran berlaku dengan berleluasa di penjara di Thailand. Bukan pelacur wanita tetapi pelacur lelaki. Jadi kita tidak tahu apa jadi kepada rakyat kita. Ia dia buat sedikit kesalahan, ia dia dihukum tetapi adakah dia perlu dihukum selama-lamanya sehingga merosakkan hidupnya.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak lagi mahu bercakap panjang tentang soal ini, saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Saya mohon pihak kementerian menyegerakan sebarang perjanjian, sebarang usaha untuk membawa pulang rakyat Malaysia yang kini terpenjara di luar negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa lagi yang hendak apa. Okey, silakan Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor.

4.52 ptg.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya mohon maaf kerana saya tidak bercadang sebenarnya untuk membahaskan rang undang-undang ini sebab sebagai bekas banduan di dua penjara dan di Kemunting dan penjara Kajang.

Jadi seboleh-bolehnya saya mahu lupakan pengalaman silam dan tidak mahu terbawa-bawa dan membahaskan dan membiarkan kawan-kawan yang tidak ada pengalaman atau belum ada pengalaman lagi untuk membahaskan. Akan tetapi, ada sebab beberapa perkara yang saya ingin saya rasa perlu saya sokong, tekankan dan saya rasa terpanggil untuk turut berbahas Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Terima kasih. Saya rasa gembira bukan pernah jadi banduan, gembira kerana ada pengiktirafan yang adil kepada kerajaan Malaysia tentang keadaan penjara yang jauh lebih baik di negara ini berbanding dengan penjara-penjara di negara lain. Pengiktirafan itu kita lihat dalam Dewan ini dilakukan oleh kedua-dua pihak, pihak senator kerajaan dan senator bukan kerajaan yang mengiktiraf keadaan lebih baik. Cuma dalam masa yang sama kita jangan ambil ringan tentang keadaan dalam penjara Malaysia. Memang jauh lebih baik, tetapi perlu ada penambahbaikan.

Sebagai bekas banduan, saya rasa banyak perkara yang boleh diperbaiki, yang perlu diperbaiki dalam penjara Malaysia. Oleh sebab itu saya ingin menyokong saranan yang dibuat oleh salah seorang Senator kita tadi untuk kita buat lawatan di kalangan kita. Mungkin saya tidaklah, saya sudah ada pengalaman yang tidak pernah masuk itu elok pergi, tengok dan kalau boleh kita diberi keistimewaan bukan sekadar untuk melawat tetapi untuk...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh? Saya tertarik dengan pengakuan Yang Berhormat Ezam tadi bahawa ada yang baik dalam penjara kita menurut pengalaman saudara sendiri. Yang Berhormat, bolehkah tidak beri contoh apa yang baik itu?

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Ya, dari segi perbandingan jauh lebih baik. Teman-teman yang pernah ada pengalaman, menziarahi dan ada kes-kes yang membabitkan penjara-penjara di luar Malaysia. Ya, memang jauh lebih baik tetapi tidak sempurna. Ada penjara di negara lain yang lebih baik daripada penjara di Malaysia, contohnya. Jadi ini saya rasa kita harus bersikap objektif kerana dalam kita ghairah untuk mempertahankan hak banduan-banduan asing ataupun banduan-banduan yang duduk di negara asing kita juga harus tidak lupa untuk terus mempertahankan dan membela keadaan banduan-banduan yang sekarang ini berada di penjara dalam negara kita, itu satu.

Kedua...

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Ya, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak pengalaman ini, silakan.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas pengakuan ikhlas Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam. Tadi bila Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bangun saya ingat dia hendak tanya soal yang saya hendak soal tetapi dia soalannya lain sikit. Tadi Yang Berhormat Ezam menyatakan banyak perkara yang perlu diperbaiki. Jadi soalan yang sepatutnya Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus ialah apa yang perlu diperbaiki itu? Di mana kelemahan-kelemahan sistem ataupun penjara kita? Mengikut pengalaman Yang Berhormat sendiri oleh kerana telah pun melakukan perbandingan begitu juga Yang Berhormat Tuan Saiful tadi, bagaimana kalau kita cadangkan kita buat *rating* bintang kepada penjara-penjara yang ada ini. Tiga bintang, lima bintang supaya kita boleh lihat tentang kedudukan sesuatu penjara itu dari segi *humanity*nya, infrastrukturnya dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setuju dengan pandangan Senator Najeeb untuk kita letak bintang tetapi memang tidak ada bintang di dalam penjara itu, bulan pun tidak ada. Akan tetapi, memang ada antaranya contoh seperti skim ini yang saya hendak sebutkan. Ada saranan daripada seorang Senator tadi tentang melihat penjara ini sebagai satu tempat pendidikan tetapi dalam usaha kita mewujudkan suasana itu kita kena tengok pegawai yang macam mana, kualiti bagaimana wardennya yang menjaga?

Kita kena lihat skim gaji yang ditawarkan. Kalau kita tengok skim gaji warden kita sudah duduk bertahun di situ jadi kawanlah warden-warden, jauh lebih rendah dengan kakitangan kerajaan yang lain. Jadi sebab itu yang masuk jadi warden tidak ramai daripada kelompok yang punya *capability* kemampuan untuk mendidik contohnya begitu. Jadi ini harus kita tekankan secara serius. Tentang masalah-masalah lain contohnya tentang makan memanglah kita faham kalau makan sama macam dekat luar, semua orang hendak duduk dalam penjarakan.

Akan tetapi, selalunya makanan itu memang jauhlah daripada yang seharusnya dan sewajarnya yang diberikan. Tidak adalah sampai zalim, ada yang kata sampai lebih baik bagi makan anjing, itu tidak betul tetapi saya rasa boleh diperbaiki sebab peruntukan yang diberikan oleh kerajaan itu kepada setiap banduan sehari makanannya itu bagi saya kalau betul dilaksanakan, tidak ada masalah. Akan tetapi, bagi saya yang pernah duduk sebagai banduan itu ambil makan itu saya tidak rasa ia makanan yang dihidangkan itu dalam kos RM20 ke RM30 sehari. Mungkin kos RM5, RM10 contohnya ikan yang diberikan saya dengar, bukan saya dengar yang saya makan ikan yang tidak rupa ikanlah. Saya dengar memang diambil oleh pasar borong ikan yang orang tidak beli. Saya rasa itu tidak sewajarnya itu bagi banduan walhal peruntukan kerajaan itu bukan tidak ada.

Dari segi dasar kerajaan itu mahu jadi kerajaan yang adil, yang saksama kepada semua lapisan masyarakat termasuk banduan. Itu jelas, tetapi dari segi pelaksanaan sebab itulah saya rasa elok kita mengambil inisiatif untuk pergi, lawat dan ziarah dalam masa kita mempertahankan membela banduan-banduan asing atau banduan yang duduk di negara asing, kita jangan lupa untuk terus membela dan mempertingkatkan kualiti banduan dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

■1700

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta pihak Menteri menjawab.

5.00 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang telah dibangkitkan secara spesifik, izinkan saya sepintas lalu menjelaskan secara umumnya berkaitan Rang Undang-undang Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 ini. Rang Undang-undang Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 mengandungi tujuh bahagian dan 21 fasal perundangan.

Akta ini bertujuan untuk membolehkan banduan warga Malaysia yang ditahan di luar negara dibawa balik untuk menjalani bagi hukuman di Malaysia. Sementara warga asing yang ditahan di Malaysia dihantar pulang ke negara asal untuk menjalani bagi hukuman di negara masing-masing. Pemindahan akan dijalankan melalui hubungan bilateral antara negara yang bersetuju untuk menandatangani perjanjian atau *treaty* bagi pemindahan banduan tersebut.

Rang Undang-undang Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 ini didapati akan memberi kesan yang positif kepada keluarga kerana memudahkan untuk mereka membuat lawatan dan membantu dalam memulihkan banduan.

Kedua, keberkesanan program pemulihan ke atas banduan di negara asal kerana faktor persekitaran yang lebih kondusif dari segi budaya, agama dan bahasa.

Ketiga, amalan di peringkat antarabangsa terdapat 99 buah negara seluruh dunia telah melaksanakannya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok telah membangkitkan isu timbang balas pertukaran banduan.

Tuan Yang di-Pertua, *transfer* dalam konteks rang undang-undang ini ialah pemindahan banduan atau ke sesuatu negara dan tidak semestinya melibatkan pertukaran banduan timbang balas. Sementara *swarping* pula atau pertukaran, melibatkan pertukaran banduan timbang balas. Dalam rang undang-undang ini, tiada kaedah *swarping* diamalkan.

Yang Berhormat Senator Chew Lee Giok seterusnya menanya beberapa warga asing yang dijatuhkan hukuman mati bunuh di Malaysia. Statistik Jabatan Penjara pada 16 November 2012 menunjukkan seramai 277 banduan warga asing yang dijatuhkan hukuman mati kerana pelbagai kesalahan. Hukuman mati tersebut belum dapat dilaksanakan kerana ianya masih dalam proses di mahkamah atau Lembaga Pengampunan Negeri. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok bertanya, apakah tindakan KDN untuk kurangkan jenayah yang dilakukan oleh orang Malaysia di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Imigresen akan mengetatkan pintu-pintu ke luar negara dan juga kempen kesedaran kepada masyarakat Malaysia supaya tidak melakukan kesalahan di luar negara. Mengenai isu berapakah warganegara Malaysia yang dijatuhkan hukuman mati di luar negara dan atas kesalahan-kesalahan apa? Statistik jumlah warganegara Malaysia yang dijatuhkan hukuman mati di luar negara dan atas kesalahan apa akan- sebab ia terlibat dengan angka, jadi saya akan menjawab secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, dan juga Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh bertanya apakah jaminan bahawa rakyat asing yang dihantar menerusi sistem pemindahan antarabangsa melaksanakan hukuman di negara berkenaan sebagai yang ditetapkan. Kaedah pemantauan, pelaksanaan hukuman pemenjaraan banduan yang dipindahkan akan dimasukkan dalam triti yang akan ditandatangani tertakluk kepada persetujuan kedua belah pihak. Walaupun banduan telah pun dipindahkan tetapi fasal 18 rang undang-undang tidak menyekat banduan untuk mendapat pengampunan, tunda hukum, peremitan, penggantungan atau peringanan hukuman. Oleh itu, *progress report* dengan izin, berhubung dengan perkembangan banduan yang menjalani pemindahan di perlukan dalam melaksanakan fasal 18 ini.

Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar menanya, kenapa tempoh minimum enam bulan baki pemenjaraan ditetapkan? Tempoh masa enam bulan tersebut merupakan suatu tempoh masa yang diterima pakai di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu sekiranya didapati wajar Menteri dan pihak berkuasa berkenaan boleh menentukan suatu tempoh masa yang lebih singkat menurut fasal 7(1)(c). Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman juga membangkitkan banduan asing yang dijatuhkan hukuman mati, adakah hukuman mati dibatalkan? Akta ini tidak membenarkan banduan hukuman mati untuk dipindahkan sama ada dari atau ke Malaysia.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman seterusnya menanyakan apakah tempoh hukuman pemenjaraan adalah sama apabila dihantar ke negara asal. Apabila seseorang banduan itu dipindah ke negara asal, seseorang itu akan meneruskan baki hukuman pemenjaraan yang perlu dijalani. Tempoh pemenjaraan adalah sama.

Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar, dan juga Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin menanya, kenapa sedikit sahaja banduan warga asing yang layak dan ramai tidak layak dipindahkan melalui rang undang-undang ini?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, mohon sedikit penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada penjelasan. Ya, silakan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya mohon Timbalan Menteri, menjelaskan berkaitan dengan sedikit tentang fasal 18 berkenaan dengan peringanan hukuman yang berkaitan tentang banduan warga Malaysia dari penjara asing. Saya ambil contoh, ya. Ini data yang saya dapat daripada Penjara Songkhla. Tuan Yang di-Pertua, kesalahan dia, ini semua berkaitan dengan dadah. Kesalahan dia, dadah satu gram hukuman dia 25 tahun penjara. Kita maksimum seumur hidup atau 20 tahun. Satu lagi, Alex Tan Peng Soon, kesalahan 216 gram dadah, penjara 50 tahun.

■1710

Saya ada senarai 44 nama di sini dengan tempoh hukuman paling rendah di sini ialah 16 tahun untuk kesalahan dua gram dadah sehingga seumur hidup termasuk seorang wanita. Jadi kalau mereka dibawa ke sini, adakah kita punya sebarang prosedur bagi membolehkan hukuman yang dijatuhkan ke atas mereka di mahkamah luar negara dipertimbangkan semula sejajar dengan peruntukan hukuman yang ada di Malaysia?

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan adalah mengenai sistem penghakiman. Akta ini adalah permintaan banduan di mana sabitan hukuman bagi penjaraan yang belum selesai yang melebihi enam bulan baru terlibat.

Tuan Yang di-Pertua seterusnya Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar dan juga Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin bertanya mengapa sedikit sahaja banduan warga asing yang layak dipindahkan melalui rang undang-undang ini. Kebanyakan banduan di bawah Akta Imigresen yang mana hukuman kurang daripada enam bulan. Oleh yang demikian, tidak layak untuk dipindahkan. Ramai juga yang masih dalam reman. Banduan dalam reman tidak layak di bawah akta ini. Seramai 277 hukuman mati, sebahagiannya pula masih dalam proses rayuan di mahkamah.

Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah bertanya, langkah yang diambil untuk menghantar balik 7,000 banduan yang tidak layak dihantar balik melalui akta ini. Tindakan yang diambil pada ketika ini ialah mempercepatkan proses penghantaran balik sebaik sahaja selesai menjalani hukuman. Mereka tidak layak kerana tempoh hukuman kurang daripada enam bulan. Hukuman mati masih di peringkat reman dan rayuan.

Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah juga bertanya, apakah kebaikan dengan membawa balik rakyat Malaysia yang terlibat dengan jenayah di peringkat antarabangsa yang mempunyai *networking* antarabangsa. Mereka ini akan diberikan program pemulihan khusus di mana Jabatan Penjara telah membina modul kursus untuk golongan yang terlibat dengan jenayah di peringkat antarabangsa. Di samping itu, peranan keluarga di Malaysia juga akan dioptimumkan melalui modul kekeluargaan untuk mereka.

Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah juga bertanya, jika rakyat Malaysia melakukan kesalahan jenayah berat adakah kita mahu membawa mereka balik. Fasal 7(2)(b) memberi kuasa kepada Menteri untuk menolak permohonan pemindahan sekiranya pemindahan ini akan menjejaskan kedaulatan, keselamatan, ketenteraman awam atau kepentingan awam. Sekiranya mereka dibawa balik, mereka akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia mengikut fasal 16 rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin bertanya tindakan mengatasi masalah kesesakan di penjara. Pada ketika ini hanya empat daripada 43 penjara yang sesak. Tindakan untuk atasi kesesakan yang diambil secara berterusan:

(i) memindahkan banduan ke penjara tidak sesak;

(ii) kerjasama dengan mahkamah, imigresen dan pihak kedutaan;

(iii) melaksanakan program pemulihan di luar penjara melalui parol, pusat pemulihan, pemasyarakatan dan pemerintah wajib hadir; dan

(iv) laksanakan penambahbaikan pemulihan agar tidak berlaku kes berulang.

Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin juga bertanya mengenai 8,000 lebih yang tidak layak dipindahkan, dicadangkan dijadikan pekerja buruh atau pekerja sosial dengan gaji lebih rendah. Apabila tamat hukuman, hantar mereka pulang dengan wang gaji mereka. Tuan Yang di-Pertua, memang tiada undang-undang Malaysia yang membenarkan para banduan dijadikan buruh atau pekerja sosial semasa menjalani hukuman penjara di Malaysia. Ia juga bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin juga tanya, apakah tindakan yang akan diambil bagi mengelak banduan yang dibawa balik bebas daripada penyakit kronik dan berjangkit. Menteri mempunyai kuasa untuk menolak permintaan banduan sekiranya ia menjejaskan kepentingan awam. Juga selain itu di dalam menandatangani triti nanti, satu syarat boleh dimasukkan supaya negara yang hendak memindahkan banduan perlu mengemukakan laporan perubatan banduan yang ingin dipindahkan bagi membolehkan *screening* dilakukan sebelum banduan itu diterima masuk.

Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah bertanya, banduan warga asing di penjara Malaysia atas kesalahan apa. Sabitan kesalahan ialah yang telah di jatuh hukum antaranya ialah imigresen, pendaftaran negara, Akta Dadah Berbahaya, Kanun Keseksaan Jenayah, senjata api dan perikanan. Beliau juga bertanya apakah pindahan perlu dilakukan sebelum hukuman dijatuhkan.

Perpindahan di bawah Rang Undang-Undang Perpindahan Antarabangsa, banduan hanya boleh dilakukan jika memenuhi syarat-syarat fasal 7(1) syarat-syarat perpindahan. Oleh itu jika hukuman belum dijatuhkan, maka banduan tersebut tidak boleh dilakukan.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali membangkitkan berhubung izin banduan di bawah fasal 7(1)(d) dan fasal 7(1)(e). Menurut fasal 7(1)(e), izin banduan akan menjadi syarat sekiranya keizinan itu dikehendaki oleh triti atau apa-apa perjanjian lain antara Malaysia dan negara orang yang ditetapkan. Sekiranya dalam sesuatu perjanjian, keizinan banduan tidak menjadi syarat maka keizinan banduan adalah tidak perlu.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga bertanya pemakaian fasal 7(1)(b). Fasal 7(1)(b) adalah berkaitan dengan *dual criminality* iaitu rang undang-undang ini hanya terpakai ke atas suatu kelakuan yang merupakan kesalahan di kedua-dua buah negara.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali seterusnya membangkitkan sebanyak 2,000 lebih rakyat Malaysia ditahan di penjara-penjara di Thailand, tidak diketahui oleh kita dan mereka ditahan dengan cara yang teruk.

■1720

Rekod menunjukkan terdapat seramai 404 warganegara Malaysia yang ditahan di Thailand. Sekiranya Yang Berhormat mempunyai maklumat, pohon Yang Berhormat mengemukakan maklumat kepada Kementerian Dalam Negeri untuk tindakan. Walau bagaimanapun, permohonan untuk membawa balik banduan warga negara Malaysia boleh dilaksanakan melalui kaedah permohonan dari banduan, permohonan dari negara asing, permohonan dari Malaysia.

Yang Berhormat Senator Hajah Noriah dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat juga bertanya jumlah kos yang ditanggung oleh kerajaan untuk menguruskan banduan. Kos keseluruhan menguruskan seorang banduan sehari ialah RM35. Ia melibatkan kos penyediaan makanan, peralatan, perubatan, pemulihan dan lain-lain. Kos makanan untuk seorang banduan sehari ialah RM7.50.

Yang Berhormat Hajah Noriah juga bertanya, apakah yang dimaksudkan dengan mahkamah negara asing yang ditetapkan yang mempunyai bidang kuasa yang serupa. Maksud mahkamah negara asing itu adalah mahkamah yang mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman seperti hukuman penjara selepas menjalankan perbicaraan.

Yang Berhormat Hajah Noriah seterusnya bertanya sejauh manakah kuasa Menteri dalam rang undang-undang ini boleh dikawal. Rang undang-undang yang digubal ini bukan merupakan undang-undang berbentuk pencegahan atau *preventive,* dengan izin, tetapi undang-undang ini adalah merupakan undang-undang pelengkap atau *complementary,* dengan izin, untuk pelaksanaan hukuman pemenjaraan yang telah diputuskan oleh mahkamah sebagai *punitive,* dengan izin. Kuasa Menteri dalam rang undang-undang ini hanya meliputi kuasa membenarkan banduan meneruskan hukuman pemenjaraan di luar atau di dalam negara.

Yang Berhormat Hajah Noriah seterusnya bertanya apakah kesalahan banduan Malaysia di luar negara dan berapakah jumlah banduan wanita. Seramai 2,622 warganegara Malaysia di tahan di luar negara di atas kesalahan-kesalahan seperti dadah, kad kredit, curi dan lain-lain. Daripada jumlah tersebut, seramai 481 orang adalah golongan wanita. Seterusnya, soalan bertanya tentang apakah erti hubungan komuniti. Fasal 5(2) rang undang-undang telah memberikan tafsiran hubungan komuniti.

Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Mat bertanya penempatan banduan warga asing dan warganegara Malaysia apabila dijatuhkan hukuman dalam penjara adalah diasingkan atau pun duduk bersama. Pengasingan warganegara dilaksanakan mengikut pengkategorian sesebuah penjara.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari seterusnya menanya membangkitkan keperluan kakitangan tambahan. Pada masa kini berasaskan perjawatan sedia ada dan perjawatan baru yang diluluskan oleh JPA, jumlah kakitangan penjara adalah mencukupi. Jika berlaku tambahan fungsi, Jabatan Penjara akan mengemukakan permohonan perjawatan baru kepada JPA.

Yang Berhormat Johari seterusnya menanya berapa banyak banduan di seluruh negara. Seramai 37,947 orang banduan di seluruh negara pada 16 November 2012.

Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah membangkitkan fungsi korektif dan punitif penjara perlu dilaksanakan. Bagi Jabatan Penjara Malaysia, kedua-dua fungsi ini memang dilaksanakan, fungsi korektif melalui pemulihan di dalam dan di luar penjara diberi bagi memastikan banduan berkenaan dapat diintegrasikan semula dengan lebih sempurna ke dalam masyarakat dan tidak berlaku kes kemasukan semula.

Yang Berhormat Dr. Johari bertanya daripada 59 negara yang mempunyai banduan Malaysia, berapa negara yang ada sistem perpindahan banduan. 39 daripada 59 negara melaksanakan sistem pemindahan banduan. Yang Berhormat Dr. Johari juga bertanya, berapa buah negara ada sistem permintaan pemindahan banduan. Terdapat 99 negara yang telah melaksanakan sistem ini.

Yang Berhormat Senator Jaspal Singh bertanya, adakah keluarga banduan akan dirujuk sebelum pemindahan dibuat. Rang undang-undang tiada memperuntukkan bahawa keluarga mesti dirujuk sebelum pemindahan dibuat. Namun demikian, sekiranya dikehendaki peruntukan sedemikian boleh dimasukkan ke dalam triti.

Yang Berhormat Dr. Firdaus bertanya adakah nama Rang Undang-undang Pemindahan Antarabangsa Banduan sesuai dinamakan dan bukannya Pertukaran Antarabangsa Banduan. Ini tidak sesuai kerana akta ini merupakan – ini akta ini untuk pemindahan dan bukan timbal balas, dia bukan pertukaran.

Yang Berhormat Firdaus juga bertanya, adakah...

Tuan Yang di-Pertua: *Your officer's handwriting, you can't read?... [Ketawa] Never mind*, agaknya pegawai itu tolonglah..., janganlah tulis macam doktor tulis.

Dato' Lee Chee Leong: Minta maaf, memang tidak dapat saya baca. Okey, yang mana saya tidak jawab punya, saya akan beri secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, boleh berunding dengan Yang Berhormat Dr. Firdaus.

Dato' Lee Chee Leong: Seterusnya, Yang Berhormat Tuan Saiful membangkitkan mengenai fasal 7(2)(c). Peruntukan ini adalah merupakan kuasa budi bicara Menteri. Menteri boleh menolak permohonan bagi pemindahan atau tidak memberikan keizinan bagi pemindahan sekiranya menyebabkan tanggungan beban yang berlebihan ke atas sumber kewangan negara. Peruntukan ini menggunakan perkataan "*boleh lakukannya",* hendaklah perkataan itu bergantung kepada budi bicara Menteri.

■1730

Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam juga bertanya cadangan penambahbaikan penjara di Malaysia. Penambahbaikan penjara di Malaysia diberi keutamaan dilaksanakan secara berterusan. Penambahbaikan tersebut melibatkan penambahbaikan fizikal dan kemudahan asas banduan, penambahbaikan program pemulihan, penambahbaikan kemudahan untuk keluarga banduan yang melawat, penambahbaikan kepakaran kakitangan untuk menguruskan banduan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya jawab. Yang mana saya tidak dapat jawab, saya akan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[****Fasal-fasal 1 hingga 21*** *diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG
KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.33 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Selamat petang dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012 iaitu suatu undang-undang yang memperuntukkan mengenai keselamatan sosial yang memberi perlindungan kepada para pekerja dan orang tanggungan mereka yang ditimpa bencana kerja atau keilatan, dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*], pada amnya memberi perlindungan kepada semua pekerja warganegara Malaysia dan pemastautin tetap yang bergaji RM3,000 sebulan dan ke bawah. Objektif utama akta ini adalah untuk memberi perlindungan dan jaminan keselamatan sosial kepada pekerja-pekerja di negara ini. Akta ini berkuat kuasa di seluruh Malaysia.

Sejak mula dikuatkuasakan pada tahun 1971, akta ini telah melalui proses pindaan sebanyak lapan kali selaras dengan perubahan dan keperluan semasa yang mana pindaan kali terakhir telah dikuatkuasakan pada tahun 2005. Akta ini telah dicadangkan untuk dipinda sekali lagi bagi memenuhi perubahan semasa supaya ia relevan dan sesuai dengan perkembangan sosioekonomi pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial ataupun PERKESO serta meningkatkan lagi kualiti perlindungan dan penyampaian perkhidmatan PERKESO kepada pelanggannya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, PERKESO melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 melaksanakan dua jenis skim keselamatan sosial iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat. Skim Insurans Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada para pekerja daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit khidmat dan kemalangan semasa perjalanan berkaitan pekerjaan. Manakala Skim Pencen Ilat pula memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja terhadap keilatan atau kematian akibat sebarang sebab.

Objektif kedua-dua skim keselamatan sosial ini adalah untuk menjamin keselamatan sosial kepada pekerja dan orang tanggungannya apabila berlaku kejadian luar jangka menimpa pekerja berkenaan. Pada masa ini, Skim Insurans Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada pekerja tanpa had umur selagi pekerja tersebut terus mencarum dengan PERKESO. Skim Pencen Ilat pula hanya memberi perlindungan kepada pekerja sehingga mencapai umur 55 tahun.

Akta Umur Persaraan Minimum 2012 [*Akta 753*], pada 16 Ogos 2012 telah mewartakan umur persaraan minimum bagi pekerja di sektor swasta adalah 60 tahun. Selaras dengan itu, bagi memastikan para pekerja diberikan perlindungan sosial yang menyeluruh selaras dengan kenaikan had umur tersebut, maka had umur pekerja-pekerja yang dilindungi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 akan dinaikkan daripada mencapai umur 55 tahun kepada mencapai umur 60 tahun.

Ini bagi memastikan pekerja-pekerja tersebut mendapat faedah perlindungan yang sewajarnya di bawah Skim Pencen Ilat sehingga mencapai umur 60 tahun. Justeru, objektif utama cadangan pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 kali ini adalah untuk diselaraskan dengan umur persaraan minimum 60 tahun seperti yang tertakluk di bawah Akta Umur Persaraan Minimum 2012.

Selain itu, terdapat juga pindaan-pindaan yang dibuat untuk melicinkan lagi urus tadbir Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan rang undang-undang pindaan ini melibatkan 12 fasal yang mana terdapat peruntukan di dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang dipinda dan dimasukkan peruntukan baru. Antara peruntukan-peruntukan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang dicadangkan untuk dipinda adalah seperti berikut.

Seksyen 2(5) dipinda bagi memperjelaskan skop takrifan pekerja selaras dengan pindaan seksyen 3 akta ini.

Seksyen 3 dipinda dengan memasukan subseksyen 3 dan subseksyen 4 bagi meminda had umur kelayakan serta membolehkan Menteri untuk meminda Jadual Pertama yang memperuntukkan liputan pekerja di bawah akta ini.

Seksyen 15(d) dipinda bagi menaikkan kelayakan had umur orang berinsurans yang meninggal dunia, dari belum mencapai umur 55 tahun kepada belum mencapai umur 60 tahun. Ini kerana ketika ini, bagi mendapatkan faedah pengurusan mayat ataupun pengurusan jenazah, kelayakan had umur orang berinsurans yang meninggal dunia adalah belum mencapai umur 55 tahun. Justeru, bayaran faedah pengurusan mayat ini boleh dibayar kepada waris yang layak jika orang berinsurans meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun;

■1740

Seksyen 15(g) dipinda bagi menaikkan kelayakan had umur orang yang berinsurans semasa meninggal dunia sebelum mencapai umur 55 tahun kepada sebelum mencapai umur 60 tahun bagi membolehkan bayaran pencen penakat dibuat kepada orang tanggungannya.

Seksyen 17(1), 20A dan 29 turut dipinda bagi membolehkan orang berinsurans mengemukakan tuntutan pencen ilat sebelum mencapai umur 60 tahun berbanding pada masa ini yang menetapkan belum mencapai umur 55 tahun. Pindaan ini akan memperluaskan liputan kelayakan orang berinsurans untuk menerima faedah pencen ilat sehingga belum mencapai umur 60 tahun.

Seksyen 21(3) dipinda bagi menaikkan had umur orang berinsurans menerima bayaran bantuan ilat iaitu dari genap 55 tahun kepada belum mencapai umur 60 tahun;

Seksyen 30 dipinda bagi membolehkan Menteri menetapkan satu kadar yang lebih munasabah bagi Elaun Layanan Sentiasa selaras dengan keadaan ekonomi semasa. Ini kerana pada masa kini Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 menetapkan kadar maksimum sebanyak 40 peratus daripada kadar pencen ilat yang diterima oleh orang berinsurans. Dengan pindaan ini, Menteri boleh menetapkan kadar yang lebih sesuai tanpa terikat dengan kadar maksimum tersebut tetapi hendaklah tidak terkurang daripada faedah yang sedang diterima;

Seksyen 57A dipinda bagi membolehkan anak tanggungan bagi orang berinsurans yang meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun mendapatkan pinjaman atau biasiswa berbanding had umur sekarang iaitu sebelum mencapai umur 55 tahun.

Jadual Pertama dipinda selaras dengan pindaan seksyen 17(1) apabila liputan umur bagi skim pencen ilat dinaikkan daripada 50 tahun kepada 55 tahun dan Jadual Kelapan dipinda berikutan kenaikan kelayakan had umur orang berinsurans untuk menerima faedah di bawah akta daripada mencapai umur 55 tahun kepada mencapai umur 60 tahun.

Peruntukan baru yang di cadang untuk dimasukkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 adalah seksyen 112A yang bertujuan untuk membolehkan PERKESO menyediakan perkhidmatan kepada pelanggannya secara atas talian seperti mendaftar perusahaan, mendaftar pekerja, membayar caruman dan lain-lain transaksi atau penyerahan dokumen berkaitan, di samping mempelbagaikan medium urusan pelanggan dengan PERKESO. Ini kerana pada masa kini tiada sebarang peruntukan di bawah akta yang membenarkan transaksi melalui medium elektronik dibuat. Cadangan peruntukan baru ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 yang disemak pada tahun 1978 iaitu Akta 197 yang memperuntukkan pemfailan dokumen secara elektronik kepada pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Berikutan daripada pindaan-pindaan yang dibuat untuk menyelaraskan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dengan umur persaraan minimum 60 tahun, peruntukan peralihan dimasukkan untuk menjelaskan senario yang membolehkan orang berinsurans atau tanggungan untuk menerima pencen ilat atau pencen penakat sebelum atau selepas tarikh pindaan berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat akan kebajikan rakyat di negara ini, khususnya golongan pekerja. Justeru, sebagai satu langkah keprihatinan kerajaan dalam menjamin dan membela nasib golongan pekerja, maka dengan niat dan hasrat yang murni, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 perlu dipinda bagi memperluaskan lagi jaringan keselamatan sosial pekerja selaras dengan dasar umur persaraan minimum 60 tahun. Kerajaan berharap dengan pindaan dan cadangan baru yang telah dibuat terhadap rang undang-undang ini, ia dapat memberi manfaat kepada lebih daripada 5.3 juta orang pencarum di bawah akta ini. Selain itu, ia juga adalah bertujuan untuk disesuaikan dengan perkembangan terkini iaitu dari segi sosioekonomi negara di samping meluaskan dan meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan PERKESO kepada pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Abdul Shukor P A Mohd Sultan, silakan Yang Berhormat.

5.46 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mana membentangkan rang undang-undang ini bersesuaian Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum 2012 yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada 17 Julai 2012 iaitu daripada umur 55 tahun kepada 65 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih terutama sekali kepada kakitangan SOCSO di Perlis, di mana mereka cukup aktif. Saya selalu mendapat pertolongan, umpamanya apabila kita berjalan di kampung-kampung, kita mendapati ada pesakit-pesakit yang duduk di kampung-kampung yang tidak tahu yang mana mereka ini layak untuk mendapat ataupun dilindungi oleh SOCSO. Jadi di sini saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian, kalau boleh kita adakah satu kad kepada pencarum ataupun orang-orang yang berinsurans. Saya berikan satu contoh. Lebih kurang satu tahun yang lalu, kita melawat kampung dan mendapati ada satu si insurans di mana sebelum itu beliau bekerja sebagai askar. Setelah berhenti, bekerja dengan satu syarikat, dalam perjalanan balik ditimpa kemalangan dan *bedridden* selama satu tahun, tidak tahu yang mana beliau layak dilindungi oleh SOCSO.

Apa yang berlaku, kita di dalam lawatan masuk ke kampung-kampung, kita mendapati, kita tanya-tanya, dia kata dia biasa kerja. Saya terus berhubung dengan pihak SOCSO Perlis. Cuma bagi kad pengenalan sahaja, Yang Berhormat. Apabila mendapat kad pengenalan, dalam masa 10 minit mereka beritahu mengatakan si bencana ini layak. Kesudahannya, kita hendak pendekkan cerita ini, si bencana tadi itu mendapat pencen sebanyak RM900, katil percuma, *pampers* percuma dan juga kepada isteri yang menjaga suami tadi. Jadi akta ini sebenarnya betul-betul untuk membantu pekerja.

■1750

Jadi, saya sarankan kepada pihak kementerian kena uar-uarkan benda ini. Walaupun saya tahu di Perlis itu mereka buat banyak kursus-kursus tetapi malangnya orang kita tidak pergi. Itu yang malangnya.

Saya mendapat kes di Perlis ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat hari ini di atas pandangan-pandangan kita memainkan peranan sebagai NGO, kalau kita bandingkan dengan tahun sudah dengan tahun ini, peningkatan daripada 28 kes, setakat hari ini Perlis mencatat 50 kes yang dapat pencen ilat.

Jadi, benda ini pihak kementerian memang sudah ada rangka semuanya, cuma penerangan yang lebih lanjut. Dua bulan sudah saya pergi ke Alor Setar ada satu kes, seorang perempuan kes kanser telah buat *operation* dan saya sembang-sembang tanya dia berapa lama sudah cik puan ini kerja. Dia kata dia kerja lebih kurang 25 tahun. Tidak mengapalah sudah buat *operation* saya kata cuba. Saya telefon pejabat SOCSO Sungai Petani, beliau layak dalam masa dua bulan untuk pengetahuan Ahli Dewan yang mulia beliau mendapat cek daripada pihak SOCSO sebanyak RM1,347.50 pencen seumur hidup. Tahniah kepada pihak KSM.

Satu soalan di sini saya ingin tanyakan kepada pihak kementerian berkenaan dengan orang yang bankrap sebab cek-cek yang dibayar oleh pihak SOCSO semuanya melalui bank. Jadi, akan menghadapi masalah kepada si bankrap. Saya faham yang pihak SOCSO selalu membayar duit melalui *Malayan Banking,* CIMB, jadi bermasalah balik kepada si bankrap ini. Kalau cek ini masuk dalam akaun dia, tidak boleh bawa keluar. Jadi, saya minta pihak kementerian tolong lihat tentang perkara ini.

Akhir sekali lagi satu yang ingin saya bangkitkan di sini berkenaan si insurans yang mana mengalami gangguan jiwa iaitu jenis neurotik. Contohnya, kemurungan, kegelisahan dan sebagainya. Kadang-kadang kes sebegini kita bawa pergi kepada jemaah doktor, setelah diperiksa oleh jemaah doktor keputusan yang keluar katanya beliau tidak layak. Perkara ini menjadi masalah balik kepada pihak majikan dan kesudahannya pekerja tadi diberhentikan dan beliau tidak mendapat perlindungan SOCSO. Jadi, saya minta perkara-perkara ini pihak kementerian boleh dapat mempertimbangkanlah kes-kes ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud. Silakan Yang Berhormat.

5.53 ptg.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang undang-undang ini merupakan rang undang-undang yang *consequential* atau akibat daripada undang-undang yang telah diluluskan iaitu Akta Umur Persaraan Minimum atau *Minimum Retirement Age* pada bulan Julai/Ogos yang lalu. Sebenarnya, ini adalah di antara undang-undang awal yang dipinda akibat daripada pengenalan undang-undang tersebut. Dalam sesi yang lalu saya telah bangkitkan soal *consequential impact* atau kesan akibat daripada pengenalan undang-undang tersebut. Antaranya ialah PERKESO, KWSP dan sebagainya.

Jadi memang ini adalah suatu rang undang-undang yang paling awal mengikut apa yang telah pun diperkenalkan yakni Rang Undang-undang Umur Persaraan Minimum tadi. Saya ingin membatasi perbincangan atau perbahasan ini kepada dua atau tiga perkara sahaja. Pertamanya adalah berhubung dengan soal takrifan. Takrifan di bawah seksyen dua mengenai pekerja yang mana ini merupakan salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja sepanjang mengenai takrifan ini. Sebenarnya tidak salah dengan undang-undang ataupun pindaan ini. Apa yang saya hendak sebut di sini ialah yang berkaitan dengan takrifan pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 atau PERKESO ini. Keduanya ialah Akta Pampasan Pekerja 1952 atau *Workmen's Compensation Act 1952,* Akta Pekerjaan 1955, Akta KWSP, yang mana tiap-tiap akta ini ada takrifan mengenai pekerja itu sendiri, tidak ada keseragaman antara satu dengan yang lain.

Jadi, ini mohon dijelaskan sebab apabila kita kata pekerja ianya merupakan orang yang digaji, orang yang makan gaji. Jadi undang-undang ini harus melindungi orang yang makan gaji. Tiap-tiap undang-undang ini kalau disemak berbeza antara satu dengan yang lain termasuk juga dengan undang-undang yang berkaitan dengan Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Ia juga berbeza. Jadi tiap-tiap akta ini ada takrifan dia sendiri walaupun kita tahu bahawa Kementerian Sumber Manusia itu terlibat dengan undang-undang yang saya sebut tadi.

Workmen's Compensation Act, SOCSO Act, Industrial Relations Act. Dahulu kita juga sebut undang-undang yang berkaitan gaji minimum tahun 1947 juga ada takrifan berhubung dengan soal pekerja ini.

Jadi saya berharap supaya walaupun ada rasional tertentu pihak kementerian mengambil inisiatif setidak-tidaknya mendapatkan satu takrifan yang tidak dianggap berbeza-beza di antara satu dengan yang lain. Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai pencen ilat dan pencen penakat yang disebut sebagai *invalidity pension* atau *survival pension*. Tidak jadi isu soal yang disebut oleh rakan kita tadi. Penyampaian ataupun *delivery* yang dibuat oleh pihak PERKESO itu tidak jadi isu. Sebenarnya patut dia berterima kasih kepada pekerja. Sebab yang mencarum itu pekerja. Pihak PERKESO itu menjadi pentadbir sahaja.

Apa yang dimaksudkan di sini adalah jumlah yang diterima oleh pekerja ataupun tanggungan mereka. Kita dapati oleh sebab gaji pekerja itu rendah maka perkiraan tentang bayaran pampasan kepada mereka atau tanggungan mereka juga turut rendah. Kadang-kadang kita dapati pencen yang mereka terima walaupun namanya pencen, tidak sampai RM200 sebulan. Ini kedapatan terutama sekali bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Jadi, oleh yang demikian, mesti difikirkan satu kaedah yang munasabah melihat kepada keadaan dunia sekarang ini. tidak ada ertinya kita bercakap bahawa Malaysia akan pergi, akan menuju kepada sebuah negara maju dalam tempoh tujuh atau lapan tahun akan datang sedangkan pekerja dan tanggungannya menerima pencen RM200 atau RM300 sebulan. Ini pada dasarnya tidak dapat kita terima. Saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian bahawa penghebahan hal-hal berhubung dengan kebajikan dan kepentingan pekerja ini dibuat dalam bentuk sama ada media elektronik ataupun media cetak yang seluasnya.

Memang kita tahu pihak PERKESO sendiri ada mengeluarkan risalah-risalah tetapi kadang-kadang tak banyak orang membaca risalah tetapi orang lebih senang melihat atau menonton televisyen, mendengar radio dan sebagainya. Saya cadang supaya selepas ini terutama sekali soal kenaikan daripada 55 tahun ke 60 tahun ini dan saya fikir ini tidaklah terlalu mahal kerana isunya adalah untuk menghebahkan sesuatu yang baik bagi kebajikan pencarum-pencarum yang jumlahnya hampir lima juta ini dan daripada kita sibuk-sibuk dengan hal-hal hiburan itu, lebih baiklah kita berikan tumpuan kepada hal ini setidak-tidaknya mungkin tiga minit ke empat minit dalam satu malam misalnya menghebahkan soal yang memang ada kena mengena dengan mereka.

■1800

Sebentar tadi kawan kita menyebut bahawa banyak yang tak tahu tentang hak mereka. Jadi, kenaikan usia 55 tahun ke 60 tahun ini juga penting sebab kita bimbang nanti ada di kalangan mereka yang tidak bertanggungjawab akan melakukan sesuatu menghalang maklumat ini sampai kepada pekerja yang berkenaan dan apa yang kita usahakan ini tidak mendatangkan manfaat kepada orang ramai. Saya sangat berterima kasih kepada kementerian atas usaha ini dan setidak-tidaknya teguran yang dibuat dalam sesi yang lepas telah diambil kira. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Hajah Noriah binti Mahat. Silakan, Yang Berhormat.

6.02 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kerana memberi ruang untuk saya membahaskan dalam rang undang-undang ini. Perkara pertama yang saya ingin sentuh ialah berkaitan dengan kegagalan majikan mencarum di dalam PERKESO. Saya ingin mohon penjelasan daripada pihak kementerian berhubung dengan 4,452 majikan yang telah dikenal pasti melanggar undang-undang mengikut Akta Keselamatan Sosial 1969 atas kesalahan gagal mencarum, mendaftar pekerja, membayar faedah caruman lewat bayar, gagal mengetahui saman jabatan, lewat daftar perusahaan dan kesalahan mengemukakan maklumat palsu sepanjang 2010.

Saya difahamkan seramai 3,939 daripadanya sudah dikenakan kompaun sehingga RM2342,350. Statistik majikan yang melanggar akta ini adalah tinggi dan boleh mendatangkan masalah yang besar kepada pekerja jika mereka ditimpa kemalangan hingga menyebabkan kematian, kecacatan atau penyakit kronik yang berpanjangan. Persoalannya, siapakah dan bagaimana cara pekerja yang ditimpa musibah ini dapat dibela apabila mereka tidak mampu bekerja lagi. Justeru itu, saya ingin mencadangkan supaya majikan yang gagal mencarum kepada PERKESO, selain dikenakan hukuman seperti dinyatakan dalam akta ini, mereka juga hendaklah dikenakan denda tambahan yang tinggi untuk menanggung kos sara hidup pekerja yang tidak dapat menuntut pampasan atau pencen ilat atas kegagalan majikan mereka.

Saya juga ingin tahu apakah langkah tindakan PERKESO bagi memastikan semua majikan yang mendaftar telah mencarum ke dalam PERKESO. Berkaitan dengan jaminan keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja, kadar kemalangan dan penyakit yang dihidapi akibat bekerja di tempat kerja saban masa berlaku. Berdasarkan kepada statistik PERKESO, kadar kemalangan di tempat kerja di Malaysia terus meningkat dengan 57,639 kes dilaporkan pada 2010 berbanding 55,186 pada 2009. Hairannya, kita adalah sebuah negara yang mempunyai penduduk yang kecil justeru bilangan pekerja yang tidak ramai tetapi mempunyai kadar kemalangan berkaitan kerja yang agak tinggi. Terdapat sebuah undang-undang berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerja iaitu Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Akta ini juga dikuatkuasakan untuk menjamin keselamatan pekerja di tempat kerja. Saya ingin memohon penjelasan daripada kementerian, adakah semua majikan tahu akan tanggungjawab mereka terhadap kehendak akta ini?

Hukuman pelanggaran terhadap akta ini adalah tinggi jika dibandingkan dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 di mana hukumannya ialah didenda RM50,000 atau penjara dua tahun. Persoalannya adakah semua majikan ini telah diberi pendedahan kepada keperluan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang ada persamaan objektifnya dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Perintah Gaji Minimum 2012 bagi sektor swasta akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2013 bagi majikan yang menggaji enam orang pekerja atau lebih dan 1 Januari 2013 bagi majikan yang menggaji lima orang pekerja atau kurang. Soalannya, berapa banyakkah syarikat yang telah memohon penundaan pelaksanaan perintah pada tarikh yang telah dikuatkuasakan ini? Apakah alasan yang diberikan dan apakah usaha kementerian untuk memastikan mereka mematuhi penguatkuasaan ini?

Setelah gaji minimum berkuat kuasa, hak pekerja yang menganggotai kesatuan sekerja adalah terjamin kerana majikan memperakui kewujudan kesatuan sekerja ini. Masalah akan timbul di kalangan pekerja yang bekerja di syarikat-syarikat yang tidak mempunyai kesatuan sekerja. Sektor keselamatan adalah sektor di mana pekerjanya yakni pengawal-pengawal keselamatan tidak mempunyai sebuah badan untuk mewakili mereka atau yang bersuara mewakili kepentingan mereka. Masalah ialah dengan syarikat-syarikat keselamatan yang terpaksa bersaing sengit untuk memastikan kelangsungan syarikat di dalam perniagaan ini yang menggaji pekerjanya dengan gaji yang rendah dan setengahnya digaji secara kontrak sahaja.

Di sini akan timbul masalah bila mana kepentingan pengawal-pengawal keselamatan di syarikat-syarikat ini tidak terjamin, sempurna dan kemungkinan timbul syarikat-syarikat yang mengambil kesempatan ke atas mereka terutamanya diambil kerja secara kontrak dengan menawarkan gaji yang rendah daripada perintah gaji minimum. Kepada golongan ini, mereka tidak mempunyai pilihan lain dan terpaksa menerima kerana kesempitan hidup. Justeru itu, apakah usaha dan tindakan kementerian atas syarikat-syarikat sebegini untuk mengelak golongan ini daripada dieksploitasi oleh majikan-majikan yang tamak dan bagaimana kementerian memastikan kepentingan golongan ini terpelihara serta mereka memperoleh faedah daripada polisi gaji minimum ini apabila dilaksanakan sepenuhnya kelak. Adakah *task force* akan ditubuhkan untuk memantau syarikat-syarikat yang ingkar mematuhi gaji minimum ini? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

6.08 ptg.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012 ini. Izinkan saya mengemukakan seberapa isu yang saya kira perlu dan penting untuk diberi perhatian oleh pihak kementerian serta agensi berkaitan dalam hal dan perkara undang-undang sebegini. Soalan saya mohon bertanya, sudah berapa kalikah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 telah dipinda sejak diperkenalkan pada tahun 1979 dahulu? Ini kerana, jika tidak salah kefahaman saya, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah beberapa kali menyemak semula akta berkenaan dan yang terbaru tahun ini di mana hasil pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berkaitan penempatan gaji minimum dan umur. Ianya perlu diselaraskan dengan cadangan meningkatkan umur persaraan dan juga penetapan gaji minimum.

■1810

Saya menyambut baik penyemakan ini agar tiada pekerja yang teraniaya dan menjadi mangsa polisi yang tidak seimbang. Isu kedua ialah isu stres di tempat kerja. Saya terpanggil untuk menyentuh isu stres di tempat kerja ini, hari ini disebabkan faktor terdesak peluang pekerjaan menjadi begitu kompetitif kerana memerlukan penumpuan yang tinggi. Masa, tenaga dan buah fikiran yang dicurahkan kadang-kadang meninggalkan kesan emosi yang tinggi di institusi kekeluargaan kita. Ada yang berakhir dengan penceraian dan rumah tangga porak-peranda, malah ada yang tahap *suicide* atau bunuh diri.

Saya sempat melihat ensiklopedia akan definisi sebenar stres di tempat kerja ini, yang boleh saya kongsi di sini yang bermaksud stres di tempat kerja terjadi apabila keperluan kerja tidak sepadan dengan kebolehan, sumber dan kehendak pekerja. Ia boleh memberi kesan ke atas psikologi dan fisiologi manusia. Seseorang individu yang berasa tertekan dengan kerja yang dilakukan akan menunjukkan kemurungan yang berpanjangan.

Apabila rasa tertekan psikologi akan terganggu dan pekerja gagal membuat keputusan dengan baik. Situasi ini boleh menjejaskan prestasi kerja mereka dan menggugat produktiviti organisasi. Malahan paling dibimbangkan adalah stres di tempat kerja boleh menyebabkan penyakit berbahaya seperti tekanan darah tinggi, sakit jantung dan melemahkan sistem pertahanan badan terhadap penyakit. Stres di tempat kerja juga boleh menyebabkan kemalangan di tempat kerja, peningkatan kos keselamatan dan kesihatan pekerjaan, gangguan trauma kumulatif, menjejaskan prestasi kerja serta mengganggu kehidupan sosial individu.

Masalah keselamatan dan kesihatan pekerjaan akibat stres di tempat kerja seharusnya tidak diabaikan oleh organisasi, kerana ia boleh menyebabkan sumber manusia sebuah negara kehilangan daya saingnya. *So*, saya berharap pihak PERKESO dan pihak kementerian ghairah untuk menerap skim insurans ilat dan pencen penakat ini, cubalah fikirkan bagaimana kita mahu mewujudkan suasana yang harmoni dalam industri *work force* dengan izin, kita. Mungkin dengan penumpuan lebih kepada kebajikan pekerja, penubuhan unit kaunseling, ganjaran cuti rehat atau sakit yang fleksibel, beban kerja yang perlu dikawal dan sebagainya. Ini agar tiada lagi isu pekerja yang stres, yang seterusnya membawa kepada masalah sosial yang lain.

Isu ketiga ialah isu sakit mental. Saya juga ingin menyentuh isu pesakit mental yang memberi impak tuntutan pekerja mereka. Saya difahamkan secara lazim seorang pesakit mental sudah tidak berdaya memikirkan perlindungan masa depan diri sendiri, tetapi waris atau ahli keluarga pesakit masih boleh membuat tuntutan tersebut di bawah skim pencen ilat. Bukan sahaja tuntutan pencen bahkan PERKESO turut menyediakan program pemulihan sistematik yang terbaik untuk membantu seseorang pesakit kembali bekerja.

Saya rasa perkara ini tidak diketahui ramai di luar sana. Ramai beranggapan sakit mental tiada dalam senarai dan nasib pekerja itu tidak terbela setelah diberhentikan kerja. *So*, soalan ialah bagaimana kementerian dan PERKESO mahu mempromosikan perkhidmatan ini kepada masyarakat terlebih dahulu perlu diperjelaskan keadaan bagaimana seorang pesakit mental itu dikatakan layak ke atas tuntutan itu.

Soalannya, mohon bertanya jenis dan kategori penyakit mental yang layak dan tidak layak membuat tuntutan. Ini kerana saya difahamkan ianya mempunyai pelbagai kategori dan kemurungan adalah satu daripada di mana penyakit kemurungan dan gangguan ilusi atau delusi amat sukar dibuktikan. Maka saya berpandangan keadaan ini menunjukkan bahawa tahap keseriusan tuntutan terhadap keadaan tidak boleh kerja akibat kesihatan mental masih di tahap tidak serius walaupun kajian mendapati rakyat Malaysia diancam sakit mental yang semakin kronik. Statistik rendah mungkin disebabkan masyarakat tidak tahu mengenai hak mereka dari segi kesihatan mental ataupun ia mungkin sahaja akan keberkesanan ubatan dan rawatan.

Isu keempat ialah isu pekerja melihat PERKESO sebagai wang pencen sahaja. Soalan saya bagaimana kementerian bercadang mengubah persepsi bahawa PERKESO sebagai pertubuhan berkaitan tuntutan wang pencen semata-mata. Walhal fungsi utamanya ialah jaminan keselamatan sosial pekerja hari ini, di mana nasib mereka bakal terbela. Itu isu keempat kejayaan program kembali bekerja.

Saya difahamkan sejak lima tahun lalu PERKESO telah mewujudkan program kembali bekerja yang mana pihak PERKESO tidak lagi melihat seseorang individu itu pada keadaan tidak boleh bekerja semata-mata, tetapi turut mengambil inisiatif untuk memulihkan pesakit. PERKESO menjalankan sistem pengurusan kes sistematik berbentuk pemulihan untuk membantu pesakit termasuk mereka yang sakit mental supaya boleh kembali bekerja. Bagaimana saya lihat peranan ini hanya bukan di bahu PERKESO sahaja tetapi perlu mendapat sokongan oleh pihak majikan. Soalan saya ialah bagaimana kementerian melihat respons dari pihak majikan setakat ini.

Isu keenam ialah golongan pekerja sendiri *self employed* dan SME. Saya terpanggil untuk menyentuh golongan SME iaitu menjadi usahawan kecil-kecilan terbabit dalam perniagaan jualan langsung atau dalam talian, sekali gus memiliki pendapatan sendiri untuk menampung kehidupan seharian sama ada untuk diri sendiri atau keluarga. Bagaimana mereka yang bekerja sendiri ini memang diketahui tidak menerima tanggungan insurans atau keselamatan sewajarnya seperti orang yang bekerja makan gaji sebab tidak membuat caruman KWSP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Isu yang mungkin timbul susulan daripada cadangan ini ialah adakah golongan ini rela membuat caruman PERKESO sebab ia membabitkan pendapatan mereka. Mungkin isu seperti ini yang perlu diambil kira pihak kementerian, kerana pada prinsipnya kita tidak mahu cadangan ini dianggap sebagai paksaan kepada rakyat untuk menyerahkan sebahagian daripada pendapatan mereka, kepada kerajaan kerana pada masa yang sama ramai rakyat bekerja sendiri mengelak daripada membayar cukai pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

So, bagaimana kementerian melihat isu ini? Fasal 1 menyentuh kuasa Menteri dalam menentukan pemilihan dan peranan jemaah doktor. Saya ingin bertanya akan pemilihan jemaah doktor dan kaedah pemilihannya? Siapakah akan bersama-sama pihak Menteri untuk memilih dan kriteria yang diguna pakai agar doktor yang terpilih benar-benar berwibawa, berkemahiran dan jujur, memberi laporan yang sah dan benar kerana ianya melibatkan wang yang banyak dari PERKESO untuk diberi kepada pekerja.

■1820

Fasal 9 berkaitan penggunaan dan penyerahan dokumen secara elektronik. Sebagaimana dengan laporan jemaah doktor, adakah ianya juga 100 peratus elektronik. Saya bimbang berlakunya ketidakjujuran dan penyalahgunaan kuasa dalam isu ini. Mohon pandangan kementerian. Dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar.

6.20 ptg.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong akta ini. Ia sudah dipinda sebanyak empat kali. Pindaan ini yang terbaru saya rasa lebih kemas dan lebih penting. Tahniah dan syabas kerana untuk pekerja dan syarikat menguntungkan.

Saya rasa semua kita maklum bahawa PERKESO di bawah Kementerian Sumber Manusia adalah satu-satu badan, pertubuhan yang baik, lebih baik dari sesetengah GLC kerajaan. Sebab saya kata baik ialah pertamanya ramai yang menjadi ahli kepada PERKESO. Kedua, PERKESO mempunyai simpanan yang besar. Seingat saya lebih besar daripada Lembaga Tabung Haji dan KWSP. Saya dulu saya ingat simpanan PERKESO ada lebih kurang RM15 bilion. Sekarang tidak tahu berapa. Menteri boleh jawab nanti.

Apa pun kita boleh simpulkan bahawa simpanan yang banyak ini menggambarkan pelbagai perkara yang menguntungkan kepada pekerja dan syarikat boleh dibuat. Sehubungan dengan itu saya syorkan simpanan yang banyak ini tidak disalahgunakan, tidak semberono. Jadi saya syorkan pertama pencen ilat dan pencen penakat yang ada dinaikkan, dibesarkan sesuai dengan bebanan ekonomi, bebanan tanggungan hari-hari yang naik dari semasa ke semasa. Jadi untuk itu, saya syorkan supaya PERKESO atau Kementerian Sumber Manusia menubuhkan satu komiti untuk mengkaji balik akan faedah pencen ilat dan pencen penakat.

Kedua, saya dan kita sedar bahawa banyak syarikat di Malaysia mencarum tetapi ada juga syarikat-syarikat yang tidak mencarum, degil, babil, liat. Dia tidak mahu mencarum sedangkan syarikat-syarikat tersebut mampu. Kepada syarikat yang mencarum, saya ucapkan tahniah. Kepada syarikat-syarikat tidak mencarum, kementerian sudah ambil tindakan tetapi tidak mencukupi. Mereka tetap degil, tetap ingkar. Saya hendak tahu berapa syarikat di Malaysia yang ada, berapa syarikat yang mencarum, berapa syarikat yang degil, berapa syarikat yang sudah diambil tindakan denda atau hukuman atau penjara?

Saya kira lebih daripada 40 peratus syarikat-syarikat masih ingkar. Kenapa di negara maju seperti Eropah, seperti Amerika, seperti Jepun, seperti Korea, mereka 80 peratus lebih mencarum. Kenapa di Malaysia tidak sampai begitu? Itu pertama. Kedua, juga saya ingin bertanya kenapa hanya 5.3 juta sahaja yang mencarum sedangkan bilangan pekerja di Malaysia ialah kira-kira 11 juta termasuk penjawat awam kerajaan, itu tolak ke tepi 1.5 juta. Kalau syarikat-syarikat atau pekerja di luar penjawat awam, hanya 5.3 juta bermakna ada kira-kira lagi 3 juta orang tidak mencarum.

So, saya syorkan kuat kuasa atau satu undang-undang baru atau cara baru untuk dikenakan kepada pencarum-pencarum. Saya juga syorkan supaya pencarum-pencarum ini dinaikkan sekurang-kurangnya 80 peratus. Saya hendak tahu juga berapa bilangan pencarum-pencarum yang aktif, yang tidak aktif berapa? Jadi itu mengenai dengan syarikat dan pencarum. Saya juga sedar bahawa orang yang bekerja di kilang-kilang, di syarikat-syarikat tidak sama penyakitnya dengan orang yang bekerja penjawat awam kerajaan. Mereka ada penyakit lain, penyakit mata lain, penyakit telinga lain, penyakit otak, mental lain, penyakit kulit lain.

Saya hendak tahu berapa jenis penyakit perusahaan yang ada di Malaysia? Ada sesetengah penyakit yang kita tidak boleh ubat. Kita pergi hospital tidak boleh ubat sebab penyakit itu akibat daripada kilang yang tertentu, bukan penyakit biasa orang awam. Jadi saya syorkan supaya PERKESO yang banyak duit itu tubuhkan hospital khas untuk penyakit-penyakit kilang atau penyakit-penyakit pekerjaan seperti yang dilakukan di sesetengah negara Eropah seperti yang dilakukan di Luxembourg, Jerman di Jerman. Itu hospital khas.

Kedua, saya juga tahu bahawa selain daripada penyakit ada juga kemalangan. Kemalangan ini ada terjadi di tempat kerja atau semasa pergi kerja atau semasa balik kerja. Saya sukalah mendapat *figure* daripada kementerian, berapa orang yang kemalangan di tempat kerja dan semasa ulang-alik?

■1830

Berapa orang jugakah yang hilang upaya kekal? Pertama, hilang upaya kekal (HUK). Kedua, hilang upaya sementara? Berapa banyakkah kerajaan membelanjakan, membayar kepada mangsa-mangsa hilang upaya kekal dan hilang upaya sementara? PERKESO sudah bayar, saya tahu sudah bayar tetapi saya syorkan mereka yang hilang upaya kekal diberikan imbuhan yang lebih seperti rumah, seperti tanah, seperti tanggungan yang penuh kepada isteri atau suami atau anak-anak dia. Itu pertama.

Apa yang saya hendak tanya lagi, ada tidak yang maut? Berapa yang maut di tempat kerja? Tadi hilang upaya, sekarang maut. Berapa yang maut? Malaysia di tempat ke berapa di antara negara-negara di dunia?

Kita hendak tahu secekap manakah PERKESO atau kementerian dalam menjaga keselamatan pekerja di negara kita?

Satu lagi yang saya suka timbulkan di sini ialah pengurusan mayat. Ada mayat yang diuruskan dengan baik, saya tahu dengan baik. Apakah tindakan kepada pengurusan mayat untuk pekerja-pekerja asing? Setahu saya pekerja di Malaysia sama ada rakyat tempatan atau asing diurus sama rata. Bolehkah disebutkan mayat diuruskan macam mana? Berapa bayaran untuk pengurusan mayat? Apa yang diberi? Kain kapan kah, keranda kah, 'marmar kah', batu nisan kah atau apa-apa sahaja yang diberi? Ini kerana Malaysia adalah antara negara di dunia yang menguruskan mayat pekerja asing yang terbaik. Itu kerja Kementerian Sumber Manusia, PERKESO.

Saya juga ingin bertanya banyak orang sakit buah pinggang, dialisis di Malaysia akibat pekerjaan angkat berat, sedut udara kotor, besi, habuk. Saya tahu banyak orang menjalankan cuci buah pinggang. PERKESO ada buat tetapi tidak cukup. Berapa banyak kah pusat-pusat dialisis dibuat di negara kita dan berapa banyak kah yang dibelanjakan untuk cuci buah pinggang? Saya sebut ini sebab tidak cukup, sebab sedikit sangat. Jadi, saya syorkan supaya PERKESO tambahkan lagi. Tidak memadai kita membuat akta ini sahaja, kebajikan cukup tetapi tidak memadai. Cukup tetapi tidak memadai...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Memadai. Tahu, sahaja sebut.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Satu lagi yang saya hendak sebut ialah gaji minimum. Gaji minimum sudah sebut RM800 di Sabah dan Sarawak, RM900 di Semenanjung Malaysia. Adakah akta ini *cover* juga gaji tersebut? Maksud saya, adakah selari dengan pindaan gaji minimum dengan persediaan untuk menaikkan kadar-kadar yang baik untuk pekerja seperti kadar memberikan biasiswa dan sokongan pelajaran. Setahu saya, di bawah Skim Pencen Ilat, Pencen Penakat, Skim Bantuan Pelajaran dan skim bantuan lain-lain seperti biasiswa ditanggung semua oleh PERKESO. Adakah sampai sekolah menengah sahaja atau universiti?

Saya syorkan supaya sesuai dengan gaji minimum, semua anak-anak pekerja ditanggung oleh PERKESO, ditanggung oleh Kementerian Sumber Manusia sampai sekurang-kurangnya mendapat ijazah pertama. Kalau mampu lagi sampai *master*, sampai PhD. Jangan PERKESO bangga dengan simpanan RM20 bilion tetapi anak-anak pekerja tidak mendapat tempat sewajarnya. Ada tetapi hanya segelintir sahaja. Oleh itu, saya syorkan akta ini disokong untuk faedah pekerja. Akan tetapi, biarlah Malaysia menggambarkan satu negara yang betul-betul menjaga pekerja. Ingat, Britain menang. Di Britain kerana parti buruh, kerana parti pekerja. Kita tidak ada parti buruh, yang ada parti PAS, UMNO, PKR, DAP. Jaga pekerja boleh menyebabkan saham pemerintah naik sedikit, naik banyak, naik banyak-banyak. Naik banyak, BN menang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah.

6.37 ptg.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Dalam Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja yang telah dipinda sebanyak lapan kali, saya ingin sentuh berkaitan umur persaraan minimum 60 tahun.

Akta Umur Persaraan Minimum 2012 pada 16 Ogos, telah diwartakan umur persaraan minimum bagi pekerja sektor swasta adalah 60 tahun. Cadangan pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja kali ini ialah untuk menyelaraskan dengan umur persaraan minimum 60 tahun seperti yang tertakluk di bawah Akta Umur Persaraan Minimum 2012.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja serta peruntukan baru yakni seksyen 112A pada kali ini amat baik dan dialu-alukan kerana ianya memperluaskan lagi jaringan keselamatan sosial pekerja selaras dengan dasar umur persaraan minimum 60 tahun dan membolehkan PERKESO menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan secara atas talian sejajar dengan peredaran masa.

Tuan Yang di-Pertua, isu kelewatan memproses tuntutan berterus-terusan dibangkitkan oleh orang ramai. Sistem memproses tuntutan bencana pekerjaan dan pencen ilat yang sedia ada kini sememangnya dikira lambat, rumit serta melalui banyak *red tape* bagi setengah-setengah tempat di mana terdapat banyak kes di mana pekerja yang membuat tuntutan kadang-kadang telah meninggal.

■1840

Ini menyukarkan pula pihak waris dalam membuat tuntutan lebih-lebih lagi sekiranya waris itu tinggal jauh daripada bandar dan kurang arif pula tentang prosedur tuntutan. Peruntukkan baru yakni seksyen 112A yang menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan secara atas talian diharap dapat membantu memproses tuntutan oleh pihak pekerja. Persoalan saya di sini adalah bagaimana kita hendak pastikan terutamanya kementerian dapat menjamin perkhidmatan atas talian ini tidak akan melengahkan proses tuntutan seperti dokumen yang tidak lengkap yakni alasan yang sering kali diberi oleh pihak PERKESO apabila sesuatu tuntutan itu lambat diproses.

Saya percaya dan penuh yakin kepada kementerian supaya dapat melihat kembali secara serius untuk penambahbaikan kepada pengguna-pengguna kita. Saya akhirnya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih di atas usaha murni kementerian, khasnya Kementerian Sumber Manusia di atas pindaan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012 bagi menjaga kebajikan dan perlindungan kepada para pekerja dan orang tanggungan mereka yang ditimpa bencana ataupun pencen atau keilatan. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany.

6.42 ptg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya cuma ada dua perkara yang hendak saya sampaikan. Pertama, Skim Insurans Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada para pekerja daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit khidmat dan kemalangan semasa perjalanan berkaitan pekerjaan. Manakala Skim Pencen Ilat pula memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja terhadap keilatan ataupun kematian akibat sebarang sebab. Akan tetapi malangnya masih terdapat ramai lagi majikan di luar sana yang tidak mencarum pekerja-pekerja mereka dengan PERKESO tetapi sebaliknya membuat potongan caruman ke atas pekerja-pekerja mereka.

Apakah tindakan kementerian ke atas majikan ini yang tidak bertanggungjawab kerana kita dapati usaha pihak kementerian pada masa ini kurang efektif dalam membanteras kegiatan majikan yang enggan mencarum kepada PERKESO dan seterusnya menganiaya pekerja-pekerja yang ditimpa bencana menyebabkan mereka gagal membuat tuntutan daripada PERKESO. Saya ingin bertanya, bolehkah tindakan diambil terhadap majikan-majikan ini untuk membayar sara hidup ataupun apa juga ganjaran yang sepatutnya dibayar oleh PERKESO.

Kedua, saya mohon penjelasan daripada kementerian. Mengapakah caruman PERKESO ini tidak dipanjangkan kepada pelatih-pelatih latihan industri atau praktikal di sektor industri. Ini kerana risiko kemalangan di tempat kerja dihadapi oleh golongan ini memang besar dan kadang-kadang latihan ini mengambil masa sampai enam bulan. Walaupun institusi latihan IPTA ataupun IPTS mempunyai, dengan izin, *group insurance* tetapi ia tidak mencukupi dengan tahap risiko pelatih ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Saiful.

6.44 ptg.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membuka ruang untuk saya sama-sama menyumbang terhadap pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 untuk tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya menyokong tentang pindaan, terutamanya terhadap fasal 4, fasal 17 dan fasal 21 yang menaikkan had umur daripada 55 tahun kepada 60 tahun. Memandangkan sekarang ini faktor umur pekerja semakin lama semakin meningkat sejajar dengan pembangunan negara. Cumanya saya melihat pindaan kali ini lebih kepada persoalan teknikal. Tidak banyak menyentuh tentang perlindungan khusus kepada pekerja-pekerja, terutamanya daripada sektor industri yang ada pada hari ini, khususnya pekerja-pekerja rakyat tempatan. Kalau kita masih ingat baru-baru ini pada awal tahun kita meminda Akta Pekerja yang mewujudkan status pekerja kontrak, khususnya di kawasan-kawasan perladangan dan industri di seluruh negara.

Pindaan ini secara langsung memberi kesan terhadap proses caruman terhadap PERKESO ataupun KWSP. Apa yang berlaku hari ini ialah syarikat-syarikat besar di luar negara tidak lagi mencarum terutamanya kepada PERKESO kerana ia sudah menjadi beban tanggungjawab kepada majikan kontrak yang diberikan kerja oleh syarikat-syarikat ini. Saya didatangi oleh Persatuan Pemandu-pemandu Lori Perindustrian di Pulau Pinang yang menyentuh perkara ini lebih-lebih lagi selepas berlaku beberapa kes melibatkan kematian sama ada kemalangan atau kematian mendadak sewaktu bekerja pemandu-pemandu lori. Bila berlaku kematian dan bila mereka ingin merujuk kepada PERKESO, mereka mendapati bahawa mereka sudah tidak lagi di carum. Apabila tidak ada caruman, maka tidak ada perlindungan yang diperoleh oleh mereka.

Perkara ini baru berlaku tetapi dalam konteks yang saya tahu, hanya pekerja-pekerja lori perindustrian. Saya tidak tahu tetapi saya yakin ia berlaku secara menyeluruh di luar negara kesan daripada pindaan kepada Akta Pekerja yang kita luluskan di Dewan yang mulia ini. Saya cuma ingin memberikan beberapa pandangan dan juga menyentuh beberapa persoalan kepada pegawai yang ada di dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini.

Pertamanya, apakah tindakan pihak yang berwajib untuk melindungi kepentingan pekerja-pekerja seperti itu? Mereka bekerja tetapi status mereka berubah. Contohnya, saya tidak kata syarikat ini tetapi contohnya. Syarikat Sharp Roxy di Bakar Arang, Sungai Petani. Contoh ya, bukan mereka yang buat. Mereka tidak lagi mempunyai pemandu-pemandu lori tetapi mereka memberikan kontrak kepada sebuah syarikat lain untuk membawa barangan mereka keluar dan mereka tidak lagi mencarum kepada pemandu-pemandu lori mereka. Malangnya, syarikat-syarikat atau majikan kontrak ini juga tidak mencarum. Jadi, apa terjadi kepada mereka, kepada pekerja-pekerja seperti itu? Kita tahu ada hukuman dendanya. Kita tahu ada *certain sanction*nya, dengan izin, tetapi apa perlindungan? Bolehkah pekerja yang sudah lama terdaftar tetapi tidak di carum bulanannya kepada SOCSO, masih boleh beroleh pelindungan. Mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada sekarang tidak boleh.

Jadi, nasib mereka tidak terbela. Katakan kalau majikan itu dibawa ke mahkamah, didenda dan ditutup syarikat, habis cerita. Dia tidak bayar denda pun habis cerita. Bukan dia kena penjara. Akan tetapi pekerja ini tidak dilindungi sepenuhnya. Kerja siang malam dengan tekanan kerja, bawa lori, sakit jantung, mati di jalan, mati macam itu sahaja. Tidak ada perlindungan. Ini perkara pertama yang harus difikirkan prosedur baru, khusus untuk melindungi pekerja-pekerja yang pernah berdaftar dengan SOCSO tetapi tidak di carum secara tetap atau bulanan oleh majikan. Terutamanya majikan baru, dalam tafsiran baru, majikan kontrak seperti mana Akta Pekerja yang kita pinda baru-baru ini.

Yang kedua, ada situasi majikan kontrak ini sengaja tidak mendaftar pekerjanya. Dia tidak mahu daftar kepada SOCSO kerana dia rasa dia tidak bertanggungjawab. Dia rasa yang perlu daftar ialah orang yang bagi kontrak itu sendiri. Syarikat besar yang bagi kontrak itu sendiri. Jadi, bolehkah pekerja yang tidak didaftarkan dengan PERKESO untuk buat *personal follow-up,* dengan izin. Dia pergi sendiri kepada PERKESO, dia daftar diri dia sendiri dan kemudian PERKESO *follow-up* dengan majikan yang ingkar untuk mendaftar mereka bagi memastikan caruman dibuat. Adakah prosedur seperti itu, bagi memastikan perlindungan kepada mereka?

■1850

Seterusnya, ada juga majikan yang baik. bukan semuanya tidak elok. Ada majikan yang bagus. Selama ini dia konsisten bayar caruman tetapi mungkin kerana permasalahan ekonomi, ada sikit kesulitan. Tiga, empat bulan, dua, tiga bulan tidak boleh hendak bayar caruman. Bagaimana nasib pekerjanya? Adakah sedikit kelonggaran prosedur di pihak PERKESO untuk memastikan perlindungan diteruskan walaupun bayaran caruman itu lewat dibuat?

Saya setuju dengan pendedahan daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany tadi tentang soal majikan yang ingkar. Akan tetapi ada juga majikan yang tidak ingkar tetapi dia terpaksa. Duit bayaran daripada *main contractor* itu dia lambat, dia tidak boleh hendak bayar. Gaji pekerja pun tidak boleh hendak bayar apatah lagi caruman. Akan tetapi bolehkah pihak PERKESO meminda sedikit prosedur bagi memastikan perlindungan ini diteruskan walaupun caruman itu sendiri tidak dibayar atau terlewat dibayar? Ini kerana kita harus faham bahawa yang menggerakkan ekonomi negara ini majoritinya pekerja bawahan. Kalau perlindungan mereka tidak dijaga walaupun kita ada institusi sebesar PERKESO, kalau mereka tidak dijaga, maka ia akan memberikan kesan kepada sektor pembuatan ataupun sektor perladangan negara ini.

Jadi kita minta untuk pihak kementerian, walaupun saya bersetuju sepenuhnya dengan pindaan seperti ini tetapi saya minta difikirkan juga pindaan yang melibatkan perlindungan yang berterusan kepada pekerja-pekerja di bawah, pemandunyalah, pekerja kilangnya, pekerja yang di bawah yang kadang-kadang kita tidak dengar rintihan mereka, yang kadang-kadang kita tidak dengar jeritan hati mereka yang minta mereka terus dilindungi. Tidak banyak sebenarnya hendak dibayar. Dalam gaji depa sudah dipotong tetapi tidak dibayar kepada PERKESO. Jadi mereka merasakan mereka dilindungi. Bila berlaku kemalangan ilat atau kematian, bila pergi hendak *claim from* PERKESO, tidak ada apa-apa, kosong.

Oleh kerana itu saya rasa kerajaan harus bersifat proaktif, bukan hanya sekadar mendenda majikan. Kalau majikan didenda, syarikat itu didenda, dia boleh tutup syarikat, habis cerita, *no problem*. Akan tetapi nasib pekerja-pekerja seperti ini terus tidak mendapat perlindungan. Jadi saya mohon agar perkara-perkara seperti ini diambil berat oleh pihak kementerian bagi memastikan perlindungan yang berterusan kepada pekerja kita khususnya kepada rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam perbahasan ini. Saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.53 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih. Bagi pihak Kementerian Sumber Manusia, saya terlebih dahulu merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012. Sesungguhnya kementerian sangat menghargai semua pandangan, saranan, cadangan bahkan banyak perkara yang saya rasa begitu bernas dan dapat menyumbang kepada penambahbaikan perkhidmatan PERKESO.

Saya ingin menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan dan saya dapati tidak ada perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan pindaan itu sendiri tetapi lebih kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan, pengurusan dan cadangan-cadangan penambahbaikan.

Saya merujuk kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor yang ada membangkitkan... *[Disampuk] Sorry*, yang pada masa ini mengatakan PERKESO meminta supaya PERKESO mewujudkan satu kad pengenalan untuk memudahkan ahli-ahlinya membuat rujukan dan untuk tujuan-tujuan tuntutan. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa pada masa ini, semua pelanggan kita, kita gunakan kad pengenalan dan nombor kad pengenalannya sebagai asas kepada pengenalan dan untuk tujuan-tujuan tuntutan.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Abdul Shukor juga membangkitkan isu pekerja yang didapati bankrap, tidak boleh membuka akaun bank. Saya sukacita memaklumkan bahawa sekiranya pekerja diperintahkan bankrap, beliau masih boleh membuka akaun dengan mendapat kelulusan daripada Jabatan Insolvensi dengan surat iringan daripada PERKESO memandangkan seksyen 41 akta ada melarang mana-mana mahkamah menahan apa-apa wang faedah yang diterima oleh pencarum PERKESO. Jadi sudah ada ya.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor juga ada membangkitkan tentang penyakit gangguan jiwa untuk bagaimana cara mereka ini boleh dibantu untuk mendapat faedah. Jadi bagi kes seperti ini, pihak PERKESO akan merujuk kepada jemaah doktor, pakar-pakar yang berkaitan untuk dipertimbangkan dahulu tertakluk kepada syarat sedia ada dan kelayakannya dan lain-lainnya. Memang betul bahawa kes-kes seperti ini adalah satu kes yang bukan dikatakan baru tetapi tuntutan-tuntutan yang sudah-sudah tidak begitu banyak di dalam bidang ini dan kementerian mengakui bahawa ini satu bidang yang perlu kita mempertingkatkan kaedah dan juga perkhidmatannya memandangkan ILO sendiri mengatakan bahawa dalam abad ini penyakit berkaitan dengan *stress,* dengan izin, ataupun mental merupakan satu penyakit utama yang akan kita hadapi dalam cabaran kita seterusnya.

Seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir yang meminta takrifan pekerja yang dikatanya berbeza-beza mengikut akta-akta berkenaan. Kementerian menyambut baiklah cadangan penyeragaman takrifan pekerja dan akan dipertimbangkan dalam kajian undang-undang perburuhan yang sedang kita pinda dari masa ke semasa.

Namun begitu, kadang-kadang perbezaan ini terdapat kerana skop pekerja itu bergantung kepada ciri-ciri perundangan, bentuk perlindungan dan jenis operasi akta yang bersangkut dan dengan skop pekerja yang diliputi oleh satu-satu akta itu. Takrif pekerja di bawah seksyen 2(5) akta adalah berdasarkan kepada wujudnya satu kontrak perkhidmatan dan tertakluk kepada Jadual Pertama iaitu bergaji di bawah RM3,000 dan berasaskan prinsip sekali layak terus layak. Maknanya semasa dia mencarum gajinya di bawah RM3 ribu, kemudian gajinya sudah melebihi RM3 ribu masih lagi dia mempunyai hak-hak untuk tuntutan. Bagi pekerja yang bergaji lebih RM3 ribu, ia berdasarkan persetujuan bersama majikan dan orang berinsurans untuk mengisi notis pemilihan mencarum.

Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir juga mencadangkan pencen ilat dan penakat dipertingkatkan memandangkan adanya kes-kes di mana jumlah yang diterima adalah terlampau rendah, katanya RM200, RM300. Mulai 1 Januari 2012, pencen minimum untuk ilat dan penakat telah dinaikkan dari RM250 kepada RM475 dan bagi gaji purata anggapan yang melebihi RM950, tuntutan kadar pencen adalah melebihi RM475.

Seterusnya saya merujuk kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat mengenai isu kegagalan majikan mencarum dengan PERKESO. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, majikan yang gagal mencarum setiap pekerjanya boleh didakwa di mahkamah di bawah seksyen 94, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan jika didapati bersalah boleh dihukum penjara bagi tempoh sehingga dua tahun atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

■1900

Selain itu, majikan juga akan dikenakan faedah caruman lewat bayar di bawah seksyen 14(a) akta yang sama, selain dari turut dikehendaki membayar tunggakan caruman setiap pekerjanya sejak pekerja tersebut layak untuk mencarum. Jika pekerja ditimpa bencana pekerjaan atau keilatan pihak PERKESO akan membuat pembayaran faedah berdasarkan kepada kelayakannya walaupun pada masa yang berkenaan majikan tersebut gagal untuk mencarum. Walau bagaimanapun, proses pendakwaan akan diteruskan terhadap majikan yang berkenaan. Ini termasuklah juga sekiranya ada majikan yang tidak pun mendaftar pekerjanya lagi sekiranya berlaku sebarang bencana, PERKESO akan membuat bayaran mengikut kelayakan dan tindakan akan diambil terhadap majikan dan juga bayaran lewat dan lain-lain juga akan dikenakan.

Seterusnya apakah langkah PERKESO bagi memastikan majikan mencarum dan mendaftar. Bagi langkah-langkah PERKESO memastikan majikan selain daripada promosi, iklan, ceramah, uar-uarkan dengan pelbagai kaedah, PERKESO juga melaksanakan aktiviti Ops Kesan.

Ini adalah satu perkara yang dilaksanakan serentak pada satu masa di seluruh negara, di mana pegawai-pegawai PERKESO turun padang mengetuk dari pintu ke pintu majikan untuk memeriksa sama ada mereka telah melaksanakan tanggungjawab mereka mengikut undang-undang. Sekiranya tidak, mereka diberikan masa, tempoh tertentu untuk membetulkan keadaan sekiranya ini tidak dipatuhi, mereka akan didakwa. Ini adalah langkah yang dibuat, yang didapati amat berkesan setakat ini.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat bertanya berapa ramaikah majikan yang memohon penangguhan pelaksanaan gaji minimum? Untuk makluman Dewan yang mulia, kita sudah ada satu jawatankuasa khas yang mengendalikan kes-kes rayuan ini dan kementerian telah menerima lebih kurang 4,500 permohonan untuk penangguhan gaji minimum dan ini sedang diteliti dan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh tiga pihak iaitu kementerian, wakil majikan dan wakil pekerja, kita mengemukakan syor kepada Majlis Perundingan Gaji Negara iaitu badan yang bertanggungjawab dalam hal ini dan Jemaah Menteri untuk dipertimbangkan dan diputuskan rayuan-rayuan ini.

Langkah yang diambil untuk memastikan majikan mematuhi gaji minimum, di dalam akta tersebut telah kita dapati aspek penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Tenaga Kerja. Lagi satu ialah tindakan kementerian untuk mengelakkan pengawal keselamatan daripada menjadi mangsa eksploitasi majikan. Seperti kita tahu inilah kumpulan pekerja yang pertama yang telah mendapat gaji minimum sebelum akta digubal dahulu dan kita dapati bawah sehingga 31 Oktober 2012, sebanyak 32 tindakan pendakwaan telah diambil ke atas syarikat kawalan keselamatan yang tidak melaksanakan tanggungjawabnya dan kita juga meminta sekiranya ada kes-kes ini sila laporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja.

Seterusnya, saya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus agar PERKESO mewujudkan dan menggalakkan majikan menubuhkan unit kaunseling dan mewujudkan keharmonian di tempat kerja. Saya rasa ini ada kaitan dengan penyakit tekanan jiwa, *stress*, persekitaran kerja dan lain-lain. Jadi, saya ingin merumuskan bahawa berkaitan dengan keselamatan, kesihatan pekerjaan, kita dapati selain daripada PERKESO sendiri yang terlibat dalam kerja-kerja kempen dan lain-lain, kita dapati Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Kementerian Sumber Manusia merupakan jabatan yang bertanggungjawab di dalam hal untuk membuat pemeriksaan yang berjadual di tempat-tempat kerja, di premis kerja, juga pemeriksaan *on the spot check* secara mengejut, berdasarkan aduan dan lain-lain.

Selain daripada itu, isu keselamatan atau agenda keselamatan kesihatan pekerjaan ini juga disokong dengan program pendidikan dan juga kemahiran yang mana kita ada satu pusat NIOSH yang bertanggungjawab melatih. Kita juga mengendalikan ceramah-ceramah dan kursus-kursus pendek seluruh negara sepanjang tahun kerana kita yakin bahawa melalui pendidikan kita dapat meningkatkan lagi keharmonian di tempat kerja dan juga meningkatkan kesedaran pelaksanaan agenda keselamatan kesihatan pekerjaan.

Isu pekerja yang bekerja sendiri, kementerian sedang mengkaji untuk menggubal perundangan untuk melindungi golongan yang bekerja sendiri dengan izin, *self employed* dan perkara ini perlu untuk pertimbangan kelulusan Jemaah Menteri, dalam proses. Ini adalah salah satu lagi peningkatan dan kepelbagaian perkhidmatan PERKESO yang akan datang.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus ada juga membangkitkan berapa kali akta dipinda. Jawabnya lapan kali, sejak tahun 1971. *Stress* tadi saya sudah rujuk dan bagaimana pula tentang *return to work*. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kembali bekerja adalah satu program baru yang dikendalikan oleh PERKESO yang mana bagi mereka yang telah terjebak dengan bencana pekerjaan, penyakit pekerjaan dan lain-lain perkara yang tidak membolehkan dia bekerja, PERKESO telah memulakan Program Kembali Bekerja, yang mana mereka akan dipandu oleh pegawai-pegawai kes, *officers.* Mereka akan dibimbing dan kaunseling akan diberi dari segi psikologi daripada juga semangatnya untuk dipulihkan selain daripada program rehabilitasi.

Sekiranya mereka tidak boleh buat kerja asal mereka, maka mereka akan diberi latihan kemahiran.

Saya ingin memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, satu tapak seluas 50 ekar di Ayer Keroh sedang dalam proses pembinaan, satu kompleks rehabilitasi dan Program Kembali Bekerja ini akan nanti dipusatkan di tempat tersebut yang mana selain daripada Rehabilitasi secara fizikal, mental, emosional, mereka yang memerlukan juga akan diberi latihan-latihan kemahiran untuk membolehkan mereka membuat pekerjaan baru.

Itu tentang *return to work,* respons daripada majikan setakat ini menggalakkan. Saya juga ingin merujuk kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar.

Cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa mengkaji semula kadar pencen ilat dan penakat, walaupun tadi saya sudah katakan bawah jumlah ini telah ditingkatkan tetapi kita dari semasa ke semasa akan mengkaji kesesuaian dan nilai-nilai ini, sama ada wajar ditingkatkan ataupun tidak pada masa hadapan.

Kenapa hanya 5.3 juta pekerja sahaja yang dilindungi di bawah PERKESO? Kita dapati pada masa ini jumlah pekerja di negara kita ini adalah dalam 12 juta termasuk 2 juta pekerja asing yang berdaftar dan kita dapati bahawa kenapa jumlah itu hanya 5.3 juta ialah kerana kita hanya memberi perlindungan kepada pekerja yang bergaji di bawah RM3 ribu. Seperti saya kata yang *self-employed* dalam kajian. Berapakah jumlah wang PERKESO yang ada sekarang. Simpanan kumpulan wang PERKESO sehingga September 2012 adalah sebanyak RM26 bilion.

■1910

Itu sebabnya kita dapati bahawa wang ini, kita sedang berusaha pada masa ini untuk meningkatkan perkhidmatan dengan mempelbagaikan lagi perkhidmatan kita. Salah satunya adalah untuk memperhebatkan Program Kembali Bekerja dan mungkin kita juga ingat bahawa dalam belanjawan baru-baru ini, RM200 juta diperuntukkan untuk kita membuat pemeriksaan kesihatan bagi pekerja-pekerja di mana kita harap bahawa ini dapat mengesan penyakit-penyakit dan bencana-bencana sebelum ia merebak menjadi serius. Jadi itu adalah contoh kepelbagaian, penambahbaikan dan juga penambahan perkhidmatan yang akan dibuat oleh PERKESO. *Insya-Allah*, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar yang mengesyorkan simpanan PERKESO tidak disalahgunakan. Saya boleh beri jaminan Tuan Yang di-Pertua bahawa PERKESO mempunyai sistem pentadbiran, pengurusan, audit dalam, audit luar dan lain-lainnya yang begitu kemas dan saya yakin pesanan ini akan sentiasa diingati oleh PERKESO, *insya-Allah.*

Seterusnya pembiayaan dialisis. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar ingin bertanya perkhidmatan ini dan saya ingin memaklumkan bahawa dialisis ini adalah salah satu daripada perkhidmatan yang memang ditekankan oleh PERKESO. Untuk makluman bersama, setakat ini 6,000 lebih daripada pencarum kita yang mengikuti ataupun yang mendapat perkhidmatan dialisis dengan peruntukan sebanyak RM92 juta yang terlibat. Ini kerana selain daripada pusat-pusat dialisis di hospital kerajaan, kita juga bekerjasama dengan banyak pusat dialisis swasta di mana kita menyumbang dalam bentuk mesin dialisis. Untuk makluman Dewan yang mulia, selain daripada memberi bayaran perkhidmatan tersebut untuk tiap-tiap kes, kita juga memberi bantuan di mana sekiranya seorang pesakit itu dah tiga kali seminggu menjalani dialisis dia perlu membina satu tapak di sini.

Saya minta maaf lupa nama saintifik yang kosnya dalam RM1,200 kalau saya tidak silap, itu juga ditanggung oleh PERKESO. Sekiranya sudah tiga kali seminggu, pesakit tersebut perlu menerima *injection* untuk merangsang darah merah tiga kali seminggu dan itu di subsidi oleh PERKESO dalam RM60 sekali *injection*, maknanya satu minggu dalam RM180. PERKESO juga memberi subsidi dalam bentuk pengangkutan berulang alik. Jadi ini perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan dialisis. Selain daripada itu, Skim Pinjaman Pendidikan memang dipanjangkan kepada mereka yang terlibat, anak-anak mereka dan cadangan supaya ia diperluaskan lagi, ini akan dikaji oleh PERKESO dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani Abdullah berkaitan umur 60 tahun di bawah Akta Umur Persaraan. Bagaimana PERKESO memastikan kes tuntutan dapat diproses dan berjalan lancar.

Jadi jika kelewatan membuat tuntutan itu merupakan satu masalah pada masa ini, kita yakin apabila kita boleh membuat transaksi melalui talian di mana semua rekod itu dapat kita perolehi dengan satu klik sahaja, kita harap ini dapat mempercepatkan proses tersebut, tidak perlu membuat pengesahan secara bersurat dari majikan, pengesahan nombor dan lain-lain. *Insya-Allah* saya yakin ini dapat meningkatkan lagi perkhidmatan tersebut.

Untuk makluman, PERKESO juga ada piagam Tuan Yang di-Pertua di mana mereka mesti menyelesaikan satu-satu kes itu di dalam masa dua minggu kalau saya tidak silap. Itu *strive* untuk memberi perkhidmatan yang cekap. Saya tahu ada kes yang sudah cukup semua dokumen, mereka dapat selesaikan dalam masa tiga hari. Selain daripada itu, di ibu-ibu negeri, pejabat PERKESO juga membuka perkhidmatan pada hari Sabtu untuk memudahkan pelanggan-pelanggan.

Saya rasa lagi satu saya tertinggal tadi daripada Senator Datuk Haji Yunus tentang isu jemaah doktor, doktor panel yang mengesahkan. Jadi ini adalah satu bidang Yang Berhormat Menteri sendiri sedang melihat bagaimana kaedah-kaedah boleh diperbaiki lagi dan diperkemas lagi dan dipermudahkan lagi untuk membolehkan pengesahan-pengesahan berkenaan dengan keilatan dan lain-lain dapat dibuat. Jadi saya rasa kalau ada soalan-soalan lain yang saya tertinggal, saya mohon maaf. Cuma Yang Berhormat senator Puan Hajah Mariany tadi, apakah tindakan terhadap majikan yang tidak mencarum.

Sebenarnya saya ada angka yang begitu banyak yang mana kita dapati bahawa kes pendakwaan yang dibuat adalah banyak oleh PERKESO. Mungkin saya boleh buat secara bertulis kerana kalau diikutkan sehingga Ogos tahun ini sahaja, kita dah ada jumlah kes dalam 128 kes yang sedang dalam pelbagai peringkat tindakan terhadap majikan-majikan yang tidak mematuhi dan memenuhi tanggungjawab mereka...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *[Bangun]*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mencelah sedikit. Untuk pengetahuan, apa tindakan yang paling keras dilakukan terhadap majikan yang ingkar ini?

Dato' Maznah Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, saya dah jawab tadi, dia boleh didenda RM10,000 atau dipenjara dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Bukan, maksud saya itu pun boleh, yang telah dilakukan setakat ini.

Dato' Maznah Mazlan: Yang telah dilakukan setakat ini Tuan Yang di-Pertua, saya cuba lihat di sini. Okey, kita dapat kes-kes ini adalah gagal mencarum, lewat mendaftar, gagal daftar pekerja, gagal lapor kemalangan, gagal membuat pembayaran dan itulah hukumannya yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh buat lebih daripada apa yang telah termaktub mengikut akta tersebut.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, mohon sikit mencelah. Tadi ada beberapa persoalan yang saya bangkitkan dalam perbahasan. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah tidak punya masa untuk menjawab. Kalau boleh sekurang-kurangnya memberikan jawapan kepada saya secara bertulis kerana persoalan-persoalan itu saya bangkitkan hasil daripada aduan kepada saya. Sekurang-kurangnya saya boleh panjangkan jawapan itu kepada pihak yang mengadu tentang kedudukan mereka, pekerja yang tidak didaftarkan namanya kepada PERKESO, apakah tindakan yang mereka boleh buat? Saya rasa ada tiga atau empat persoalan saya bangkitkan sebentar tadi. Terima kasih.

Dato' Maznah Mazlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf Yang Berhormat Senator Tuan Saiful. Tadi Yang Berhormat Senator ada membangkitkan kes di mana Yang Berhormat mengatakan bahawa pindaan Akta Kerja 1955 yang baru dibuat, maka didapati ada pihak-pihak yang mana kerja itu telah diserahkan kepada syarikat kontrak secara kontrak melalui sub kontraktor dan lain-lainnya. Maka saya ingin memaklumkan bahawa selagi seorang pekerja itu boleh membuktikan bahawa dia bekerja dengan mana-mana majikan, adanya hubungan pekerja dengan majikan, tidak kiralah bawah kontraktor, sub kontraktor, dia adalah ditakrif sebagai pekerja dan mesti mendapat hak untuk mencarum dengan PERKESO.

■1920

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Permasalahan di sini ialah pihak syarikat *or the main contractor* itu sendiri dan juga pihak majikan kontrak itu, dua-dua tidak mencarum. Kedua-duanya mengambil mungkin mengambil kesempatan atas tafsiran baru pekerja kontrak ini. Bila dua-dua tidak mencarum, pekerja yang rugi. Dia orang hendak tahu kedudukan mereka.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham kemukakan nama majikan dan kita juga boleh bertindak atas aduan daripada pekerja. Jadi kita- saya rasa ini adalah satu yang serius dan lagi satu Yang Berhormat juga berkata jika lambat bayar bolehkah pekerja dapat aduan? Jawapannya boleh. Bahkan kalau belum didaftar pun, belum mencarum pun tetapi jika kita boleh pastikan, sahkan bahawa beliau adalah seorang pekerja dengan mana-mana majikan, kita boleh memberi dia faedah, saya sudah sebut tadi dahulu, kemudian kita akan ambil tindakan terhadap majikan. Terima kasih.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya itu yang terakhir ialah kalau majikan itu tidak mendaftar pekerjanya, bolehkah pekerja itu sendiri mendaftarkan dirinya kepada PERKESO dan kemudian baru PERKESO ambil tindakan kepada pekerja. Majikan tidak mahu daftar, dia mahu daftar sendiri. Boleh tidak?

Dato' Maznah binti Mazlan: Saya kira dia ada borang-borang tertentu untuk membuktikan dia ada majikan pekerja, borang itu mesti diisi. Akan tetapi sekiranya pekerja itu pergi ke pejabat PERKESO mengatakan dia pekerja dan tidak dicarum, pegawai kita boleh membuat siasatan dan membetulkan keadaan tersebut. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Minta laluan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin maklumkan kepada Dewan, saya ada membuat satu tuntutan apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Tuan Saiful Izham. Sebenarnya walaupun majikan tidak mencarum, pekerja tadi layak mendapat perlindungan daripada pihak PERKESO. Itu diperuntukkan dalam undang-undang. Kes ini saya biasa buat. Majikan tidak mencarum seorang pekerja, setelah disiasat didapati pekerja ini ada kaitan dengan majikan. Beliau dibayar SOCSO ditangguhkan. Cuma pihak SOCSO akan caj kepada majikan. Itu saya sudah lakukan. Memang boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat kerana membantu saya di situ. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin memberi jaminan dan keyakinan kepada semua rakan-rakan Yang Berhormat bahawa Kementerian Sumber Manusia mengalu-alukan sebarang pandangan, cadangan untuk membolehkan kita menambah baik perkhidmatan dan sila hubungi kementerian atau pun PERKESO terus sekiranya ada kes-kes tertentu yang memerlukan perhatian dan bantuan.

Sekali lagi bagi pihak kementerian saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pandangan, saranan dan teguran-teguran yang diberi daripada ahli-ahli Yang Berhormat dan saya pastikan bahawa semua ini mendapat perhatian pihak-pihak berkenaan dan ada tindakan-tindakan di mana wajarnya.

Lagi sekali sekiranya ada isu-isu yang tidak sempat saya jawab, saya bersedia untuk menjawabnya secara bertulis dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekian mengemukakannya selepas ini, jika perlu. Saya dengan ini mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 12** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PENCEN (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.27 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2012 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Penyelarasan Pencen 1980 [*Akta 238*] ialah undang-undang yang mentadbir penyelarasan pencen dan faedah persaraan lain bagi pesara perkhidmatan awam, persekutuan dan negeri serta pesara pihak berkuasa berkanun dan tempatan apabila berlakunya semakan gaji anggota khidmat.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan yang dicadangkan adalah bagi menggantikan cara penyelarasan pencen sedia ada dengan satu kaedah baru yang lebih baik, mengambil kira perubahan-perubahan terkini dalam prinsip dan struktur gaji sektor awam di samping menjaga kebajikan penerima pencen.

Pesara-pesara di negara ini wajar mensyukuri skim pencen yang dinikmati oleh mereka sekarang kerana memandangkan ia adalah yang terbaik berbanding dengan skim pencen sektor awam negara-negara lain. Sistem ini tidak memerlukan caruman daripada pegawai iaitu dengan izin, *non contributory.* Selain itu apabila pegawai atau pesara meninggal dunia, balu atau duda atau anak yang layak kepada pegawai dan pesara sektor awam diberi pencen terbitan dan juga pencen terbitan ini dinaikkan kadarnya dari semasa ke semasa melalui Akta 238.

Kenaikan kadar itu dipanggil penyelarasan pencen dan dibuat setiap kali berlakunya semakan gaji kepada anggota sektor awam. Tuan Yang di-Pertua, pemberian pencen ini tidak dikenakan cukai dan diberi kepada penerimanya walau di mana jua mereka bermastautin serta dibayar juga kepada balu atau duda walaupun mereka telah berkahwin semula. Tambahan pula...

Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Yang Berhormat, kerana masa sudah tepat pada 7.30 malam, kita tangguhkan mesyuarat persidangan kita pada setakat ini dan kita akan sambung semula esok pada jam 10 pagi.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk makluman semua Yang Berhormat, mulai esok kita akan mulakan perbahasan dari segi Belanjawan 2013, dan saya harap semua Ahli-ahli Yang Berhormat bersedia untuk berbahas dan sebagaimana biasa, sila kemukakan nama-nama dan untuk menyenangkan kita membuat jangkaan masa yang sewajarnya.

Dengan itu, saya tangguhkan Mesyuarat sekarang dan kita sambung semula pada esok pagi, jam 10 pagi.

*[**Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam**]*